



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

PENGURUSAN AKTIVITI/
KEWANGAN JABATAN/
AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI
JOHOR

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI JOHOR
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia

Kandungan

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
Xi	INTISARI LAPORAN
	<u>BAHAGIAN I</u>
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN
	SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	UNIT PENGURUSAN PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR
	UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR
	BAHAGIAN PERUMAHAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR
	Pengurusan Hartanah Milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor
32	UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR
	JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
	Pengurusan Projek Ladang Hutan
54	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI JOHOR
	Pengurusan Bantuan Am
67	MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
	Pengurusan Lesen Papan Iklan
85	MAJLIS DAERAH PONTIAN
	MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
	Pengurusan Perolehan
125	PERBADANAN JOHOR
	Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd.
	<u>BAHAGIAN II</u>
	PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
157	Pendahuluan
157	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan oleh Jabatan/Agenzi Negeri
157	Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
158	Objektif Pengauditan
159	Skop dan Metodologi Pengauditan
160	Elemen Utama

172	Penemuan Audit
180	Pengauditan Mengejut
184	Syor Audit
189	PENUTUP

Kata Pendahuluan

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun 2016 Siri 1 mengandungi dua bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di lima Jabatan, tiga Agensi Negeri dan satu Syarikat Agensi Kerajaan Negeri Johor. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan yang dijalankan di 24 Jabatan/Agensi Negeri dan Pengauditan Mengejut di 12 Jabatan/Agensi Negeri. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 26 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
19 Mei 2017

Intisari Laporan

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

UNIT PENGURUSAN PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR

BAHAGIAN PERUMAHAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR

1. Pengurusan Hartanah Milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor

- a. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SSI) adalah sebuah Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor Tahun 1953. SSI berperanan untuk memegang harta tanah termasuklah harta tidak alih bagi pihak Kerajaan Negeri selaras dengan peruntukan Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965 dan dibenarkan menurut undang-undang untuk menjalankan urus niaga ke atas aset-aset yang dimilikinya. Pengurusan harta tanah milik SSI dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Perbadanan Setiausaha Kerajaan, Seksyen Pembangunan Kerjasama Awam Swasta, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan SUKJ) dan juga jabatan/agensi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
- b. Pengauditan yang telah dilaksanakan pada bulan September hingga Disember 2016 terhadap pengurusan harta tanah milik SSI mendapati pengurusan kutipan hasil pajakan tanah adalah memuaskan di mana kutipan hasil tersebut telah meningkat setiap tahun. Selain itu, tiada tunggakan cukai tanah bagi tanah dimiliki. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbetulkan seperti berikut:
 - i. pencerobohan tanah milik SSI seluas 275.48 hektar menyebabkan anggaran kehilangan hasil sejumlah RM476,000 setahun;
 - ii. kelewatan menandatangani perjanjian menyebabkan hasil pajakan berjumlah RM5.71 juta belum diterima;
 - iii. tunggakan bayaran sewa lot komersial oleh PUJB belum diperoleh berjumlah RM168,700;
 - iv. sebanyak 28 unit rumah awam kos rendah terbiar; dan
 - v. tunggakan *in-kind* daripada projek penswastaan belum diterima bernilai RM15.40 juta.

- c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, disyorkan supaya Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) mempertimbangkan perkara seperti berikut.
 - i. memastikan kutipan hasil dari segi tunggakan pulangan *in-kind* dan tunai; unit komersial yang belum dijual; hasil pajakan yang belum diterima; tunggakan pulangan sewa; tunggakan sewa beli RAKR dapat dikutip dan diselesaikan dalam tempoh sewajarnya;
 - ii. menyelesaikan pendaftaran hak milik harta tanah yang diperoleh sama ada melalui projek penswastaan dan pelepasan lot kuota perumahan Bumiputera di samping penyelesaian Notis 5A bagi tanah yang telah diluluskan kepada SSI;
 - iii. memuktamadkan semua perjanjian yang berkaitan dengan pajakan, sewa beli dan penyewaan bagi tujuan mendapatkan kutipan hasil yang sewajarnya;
 - iv. mengkaji tindakan perundangan yang bersesuaian terhadap pemaju dan syarikat yang gagal menyelesaikan tunggakan balasan tunai, *in-kind*, pajakan dan sewaan;
 - v. mengkaji semula pulangan untuk pelepasan kuota perumahan bumiputera supaya setiap pelepasan dipulangkan dalam bentuk balasan tunai sahaja;
 - vi. memantau prestasi penyewaan harta tanah yang diuruskan oleh agensi/anak syarikat Kerajaan supaya lot komersial tersebut tidak terbiar di samping memberikan pulangan pendapatan kepada SSI; dan
 - vii. memperkuatkannya perbadanan dan struktur organisasi SSI dengan melantik Ahli Lembaga Pengarah yang berkelayakan di samping mewujudkan bahagian yang bersesuaian seperti bahagian teknikal, kewangan dan penguatkuasaan bagi menguruskan harta tanah SSI dengan lebih profesional.

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

2. Pengurusan Projek Ladang Hutan

- a. Penubuhan Projek Ladang Hutan (PLH) adalah untuk menghutankan semula kawasan hutan terosot tanpa melibatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri dan menampung bekalan kayu supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber kayu dari hutan asli. Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) telah diberi tanggungjawab dan telah melantik sepuluh pengusaha untuk melaksanakan PLH meliputi kawasan seluas 73,888.80 hektar dengan penanaman pokok getah balak (*Timber Latex Clone* atau TLC), pokok akasia serta lain-lain pokok hutan.

- b. Pengauditan yang telah dilaksanakan antara bulan Ogos hingga November 2016 mendapati secara keseluruhannya, Penubuhan Projek Ladang Hutan (PLH) oleh UPENJ adalah tidak memuaskan kerana tiada pemantauan dan penyeliaan secara khusus terhadap kemajuan projek menyebabkan berlaku kekurangan kutipan hasil kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM42.80 juta. Bagaimanapun, pengurusan PLH oleh JPNJ adalah memuaskan kerana pemantauan telah dilaksanakan oleh JPNJ dan pengusaha telah mematuhi syarat perjanjian melainkan HSSB 40326-W yang tidak menjelaskan Permit Penggunaan dan wang amanah yang berjumlah RM0.39 juta. Pengauditan yang dilaksanakan mendapati beberapa perkara yang bertentangan dengan syarat perjanjian seperti berikut:
- i. setelah pengukuran halus dibuat hanya 58,030.54 hektar atau 78.5% yang boleh diusahakan dan masih terdapat 11,262.71 hektar atau 19.4% daripada 58,030.54 hektar masih belum diusaha hasil walaupun perjanjian telah lama ditandatangani;
 - ii. enam pengusaha masih belum membayar permit penggunaan berjumlah RM3.35 juta;
 - iii. dua pengusaha tidak membayar *tapping right* berjumlah RM37.82 juta untuk tanaman kelapa sawit dan getah;
 - iv. dua pengusaha terkurang/tidak membayar hak penggunaan berjumlah RM1.92 juta;
 - v. empat pengusaha telah diberi kebenaran menanam kelapa sawit melibatkan keluasan antara 26.7% hingga 95.3% daripada keluasan kawasan yang diusaha hasil; dan
 - vi. tiada klausa khusus mengenai kaedah bayaran dan tahun mula bayaran bagi kawasan yang selain daripada hutan simpan kekal (HSK) iaitu tanah yang masih berstatus cadangan HSK (CHSK) dan tanah Kerajaan.
- c. Bagi memastikan pengurusan PLH telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta menepati matlamat penubuhan ladang hutan pihak UPENJ dan JPNJ perlu bekerjasama dalam proses pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kelemahan yang dibangkitkan serta dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap syor seperti berikut:
- i. UPENJ dan JPNJ perlu mengutip semula jumlah hasil yang tertunggak daripada pengusaha yang terlibat;
 - ii. UPENJ dan JPNJ perlu mempertimbangkan tindakan yang tegas daripada segi perundungan terhadap pengusaha yang tegar dalam menjelaskan sebarang tunggakan hasil kepada Kerajaan Negeri;

- iii. UPENJ dan JPNJ perlu menyelaras satu sistem bersepada bagi memantau dan menyelia setiap PLH dari segi penguatkuasaan dan kutipan hasil;
- iv. UPENJ perlu meneliti semula semua perjanjian yang telah ditandatangani untuk tindakan pembetulan dan pembaharuan dengan merujuk kepada Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri dan jabatan teknikal yang berkaitan; dan
- v. UPENJ perlu memperkemaskan fungsi dan peranan Jawatankuasa Teknikal supaya hala tuju industri kayu di Negeri Johor dapat dipertingkatkan selaras dengan konsep penubuhan PLH.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI JOHOR

3. Pengurusan Bantuan Am

- a. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor (JKM) bertanggungjawab memberi perlindungan, pemulihan dan membangunkan kumpulan sasar atau masyarakat melalui perubahan sikap serta peningkatan keupayaan untuk berdikari. Salah satu program yang dilaksanakan oleh JKM dalam mencapai hasrat tersebut adalah program Bantuan Am. Kumpulan sasaran bagi penerimaan Bantuan Am adalah individu berpendapatan bulanan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 sebulan, Orang Kurang Upaya (OKU) yang berkeperluan, Orang Terdampar, Orang Papa dan kes wanita, gadis, keluarga yang berkeperluan dan tidak berkemampuan. Bagi tahun 2014 hingga 2016, JKM telah menerima peruntukan kewangan sejumlah RM28.10 juta dan sejumlah RM29.14 juta telah dibelanjakan. Selain itu, seramai 5,669 orang telah menerima bantuan ini sehingga Disember 2016.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2016 mendapati Pengurusan Bantuan Am di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor telah dilaksanakan dengan memuaskan dalam urusan pentadbiran iaitu semua permohonan disiasat untuk menentukan kelulusan bantuan diberi kepada golongan sasar yang layak. Bagaimanapun terdapat kelemahan pengurusan seperti berikut:
 - i. berlaku lebihan bayaran berbanding peruntukan melibatkan sejumlah RM1.04 juta pada tahun 2014 hingga 2016;
 - ii. permohonan baru diluluskan melebihi tempoh dua minggu dari tarikh permohonan diterima dan kelulusan permohonan baru dan kajian semula oleh pegawai yang tidak diberi kuasa;
 - iii. wang tunai bantuan berjumlah RM85,050 lewat diagihkan antara satu hari hingga 35 hari kepada penerima, bantuan tunai tidak disempurnakan dalam

- tempoh 21 hari dan bayaran bantuan kepada penerima meninggal dunia lewat dihentikan; dan
- iv. tiada proses kerja yang didokumenkan bagi penggunaan Sistem e-Bantuan dan kelemahan *link* antara sistem e-bantuan dengan sistem myIDENTITY.
- c. Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan Bantuan Am adalah disyorkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor (JKMNJ) mengambil tindakan seperti berikut:
- menentukan penurunan kuasa meluluskan Bantuan Am dibuat secara teratur dan bertulis kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah yang telah ditetapkan;
 - memastikan semakan melalui myIDENTITY bagi penerima Bantuan Am dilaksanakan secara bulanan bagi menentukan pembayaran bantuan kepada penerima yang layak dan masih hidup;
 - pemantauan berterusan dilakukan dalam memastikan hanya penerima yang layak diberi bantuan oleh Jabatan; dan
 - mengemas kini Manual Prosedur Kerja supaya selaras dengan sistem e-Bantuan yang diguna pakai.

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

4. Pengurusan Lesen Papan Iklan

- Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2010, iklan ditafsirkan sebagai apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bertujuan untuk memberitahu orang ramai mengenai barang keluaran, perniagaan, tempat dan aktiviti atau apa-apa maklumat lain yang dipamerkan di atas dinding, cermin, bumbung, papan dinding adang, rangka, kain rentang, tiang atau mana-mana struktur, perekaan lain, bangunan, jalan atau tempat tumpuan awam, atau atas mana-mana tanah. Terdapat 2 kategori iklan iaitu papan iklan luar seperti *billboard*, iklan dinding, iklan bumbung, iklan pagar serta iklan kain rentang dan papan iklan premis perniagaan iaitu papan tanda yang diletakkan di premis perniagaan. Sehingga bulan April 2016, terdapat sebanyak 260 papan iklan luar dan 34,941 papan tanda premis perniagaan telah dilesenkan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).
- Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan April hingga Julai 2016 mendapati secara umumnya pengurusan lesen papan iklan adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan dalam pengurusan lesen papan iklan yang telah memberikan

implikasi kewangan kepada MBJB dari segi kekurangan kutipan hasil lesen berjumlah RM779,232. Antara perkara yang ditemui adalah seperti berikut:

- i. ketidakpatuhan terhadap undang-undang/garis panduan yang ditetapkan bagi lesen yang diluluskan;
 - ii. pembaharuan lesen papan iklan tanpa dokumen sokongan;
 - iii. papan iklan dipamerkan tanpa lesen;
 - iv. tunggakan bayaran lesen papan iklan luar yang masih belum dikutip; dan
 - v. pemantauan dan penguatkuasaan tidak dijalankan secara menyeluruh.
- c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya Majlis Bandaraya Johor Bahru mempertimbangkan perkara berikut.
- i. memastikan kekurangan kutipan hasil dari segi bayaran penukaran visual; *billboard* tanpa lesen; iklan pagar tanpa lesen; iklan dinding tanpa lesen; iklan bumbung/*gantry*/jejambat/jejantas tanpa lesen dan tunggakan bayaran lesen iklan luar dapat dikutip dan diselesaikan dalam tempoh sewajarnya;
 - ii. menyegerakan tindakan mahkamah terhadap pelesen yang mempunyai tunggakan serta papan iklan tanpa lesen bagi mengelakkan isu papan iklan tanpa lesen semakin berleluasa;
 - iii. menyegerakan tindakan pelupusan terhadap papan iklan tanpa lesen yang tidak boleh dilesenkan kerana faktor keselamatan atau lokasi. Selain itu, kos untuk menurunkan papan iklan sepatutnya ditanggung oleh pemilik papan iklan; dan
 - iv. menyediakan perancangan aktiviti penguatkuasaan yang menyeluruh meliputi papan iklan premis perniagaan dan semua jenis papan iklan luar supaya dapat mengatasi masalah papan iklan tanpa lesen dan pelesen yang tidak mematuhi syarat lesen.

**MAJLIS DAERAH PONTIAN
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**

5. Pengurusan Perolehan

- a. Perolehan adalah proses mendapatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang diperlukan daripada pembekal atau kontraktor yang berkelayakan. Majlis Daerah Pontian (MDP) dan Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) telah membelanjakan berjumlah RM103.33 juta dan RM88.91 juta bagi perolehan dari tahun 2014 hingga 2016.

- b. Secara keseluruhannya daripada pengauditan yang telah dilaksanakan terhadap sampel yang dipilih, pihak Audit mendapati Pengurusan Perolehan di MDP dan MDKT adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui daripada sampel yang diaudit adalah seperti berikut:
- i. kajian pasaran tidak dilaksanakan di MDP berjumlah RM0.63 juta dan MDKT berjumlah RM0.21 juta menyebabkan harga perolehan melebihi daripada harga pasaran;
 - ii. spesifikasi kerja tidak disediakan dengan jelas, sempurna dan terperinci melibatkan kos perolehan berjumlah RM9.01 juta di MDP dan RM2.14 juta di MDKT;
 - iii. kelewatan menyiapkan kerja tanpa lanjutan masa dan tidak dikenakan denda melibatkan 52 kerja di MDP yang berjumlah RM13.25 juta dan enam kerja di MDKT yang berjumlah RM0.76 juta;
 - iv. kelewatan perakuan siap kerja oleh pegawai penguasa melibatkan 85 kerja di MDP yang berjumlah RM7.85 juta dan di MDKT melibatkan 30 kerja berjumlah RM5.34 juta;
 - v. pecah kecil perolehan melibatkan 97 perolehan berjumlah RM1.30 juta di MDP dan 62 perolehan di MDKT berjumlah RM0.94 juta; dan
 - vi. sebanyak lima perolehan di MDP berjumlah RM0.90 juta dan satu projek berjumlah RM 0.98 juta tidak digunakan dan terbiar.
- c. Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, MDP dan MDKT disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:
- i. MDP dan MDKT perlu mengenakan tindakan tegas kepada kakitangan yang cuai dan kontraktor/pembekal yang tidak melaksanakan kerja dengan sempurna dengan menyenarai hitam atau dikenakan ganti rugi tertentu mengikut perjanjian ditetapkan;
 - ii. MDP dan MDKT hendaklah merancang perolehan dengan teliti bagi memastikan Kerajaan memperoleh *value for money* daripada perbelanjaan yang dilakukan;
 - iii. MDP dan MDKT hendaklah meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap kontrak kerja agar kerja yang dilaksanakan berkualiti dan kepentingan Kerajaan terpelihara;

- iv. Latihan yang berterusan dan bersesuaian perlu diberikan kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran kerja;
- v. MDP dan MDKT perlu memastikan kemudahan dan bangunan yang dibina tidak terbiar dan boleh dimanfaatkan oleh orang awam; dan
- vi. MDP dan MDKT perlu mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang tidak mematuhi spesifikasi kontak.

PERBADANAN JOHOR

6. JOHOR SKILLS DEVELOPMENT CENTRE SDN. BHD.

- a. Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd. (JOHOR SKILLS) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1993 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM1 juta dan RM500,000. Pemegang saham utama adalah Perbadanan Johor (75%) dan baki 25% dimiliki oleh Pengarah Urusan JOHOR SKILLS. JOHOR SKILLS beroperasi di kawasan perindustrian Pasir Gudang yang dilengkapi dengan blok pentadbiran, bilik kuliah, makmal dan bengkel. Asrama penginapan JOHOR SKILLS terletak di Taman Mawar, Pasir Gudang. Objektif penubuhan JOHOR SKILLS adalah mewujudkan peluang pembelajaran sepanjang hayat atau peluang kedua bagi meningkatkan kemahiran teknikal, membantu melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir berkualiti dan profesional, meningkatkan peluang ke arah kerjaya yang lebih baik dan berpendapatan tinggi serta membantu dalam masalah '*gap*' atau '*mismatch*' guna tenaga. Aktiviti utama JOHOR SKILLS adalah menjalankan perniagaan pembangunan kemahiran teknikal dan pusat latihan kemahiran. JOHOR SKILLS diberi tauliah sebagai pusat pembangunan kemahiran oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Suruhanjaya Tenaga. JOHOR SKILLS menerima geran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi menyediakan kursus kemahiran kepada pelatih. Geran yang diterima adalah bertujuan membiayai yuran pengajian dan elauan sara hidup pelatih. Antara geran yang diterima adalah bagi program Golongan Pekerja & Future Worker (*Workers Technical Transformation Programme*) (WTTP) dan *Industrial Skills Enhancement Programme* (INSEP).
- b. Pengauditan yang dijalankan antara Oktober hingga Disember 2016 mendapat prestasi kewangan JOHOR SKILLS bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah memuaskan. Pada tahun 2015, keuntungan sebelum cukai JOHOR SKILLS berjumlah RM1.02 juta dan keuntungan terkumpul berjumlah RM10.61 juta. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif

penubuhannya dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik seperti ringkasan berikut:

- i. terdapat lapan program pensijilan profesional bagi pelajar lepasan siswazah atau *Industrial Skills Enhancement Programme* (INSEP) yang mencatatkan peratus kelulusan kurang daripada 30% iaitu di antara 4% hingga 28%;
 - ii. empat program iaitu *Autocad*, *Plastic Technology*, *Information Technology* dan *Industrial Automation & Instrumentation* tidak mencapai sasaran peserta yang ditetapkan;
 - iii. rekod peralatan pengajaran dan pembelajaran tidak diselenggarakan dengan lengkap; dan
 - iv. tempat penyimpanan peralatan pembelajaran juga tidak disediakan menyebabkan aset kelihatan usang dan terdedah kepada matahari serta kemudahan pengajaran dan pembelajaran tidak dilupuskan dengan sempurna.
- c. Bagi memastikan objektif penubuhan JOHOR SKILLS dapat dicapai sepenuhnya serta JCOP sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan JOHOR SKILLS mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. menggiatkan promosi penganjuran kursus jangka pendek bagi meningkatkan pendapatan syarikat;
 - ii. memastikan kadar peratus lulus pensijilan profesional program INSEP bagi lapan program berada pada tahap yang lebih baik; dan
 - iii. memastikan aset yang tidak boleh digunakan terutama peralatan pembelajaran dilupuskan dengan sempurna dan diganti sewajarnya.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

7. Pada tahun 2016, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti ke atas 20 Jabatan/Agensi Negeri. Hasil pengauditan tersebut mendapat 15 Jabatan/Agensi telah mendapat penarafan tahap **Cemerlang**, tiga Jabatan/Agensi pada tahap **Baik** dan dua Jabatan/Agensi pada tahap **Memuaskan**. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap **Kurang Memuaskan** iaitu 2 Bintang atau tahap **Tidak Memuaskan** iaitu 1 Bintang. Antara langkah yang perlu diambil adalah menganjurkan program latihan berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.

Bahagian I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

**UNIT PENGURUSAN PERBADANAN SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI JOHOR**
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR
**BAHAGIAN PERUMAHAN PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI JOHOR**

1. PENGURUSAN HARTANAH MILIK PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SSI) adalah sebuah Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor Tahun 1953. SSI berperanan untuk memegang harta tanah termasuklah harta tidak alih bagi pihak Kerajaan Negeri selaras dengan peruntukan Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965 dan dibenarkan menurut undang-undang untuk menjalankan urus niaga ke atas aset-aset yang dimilikinya. Mulai tahun 2008, Kerajaan Negeri telah menetapkan tanah yang luasnya melebihi 30 ekar akan diberi milik atau dirizabkan kepada SSI bagi tujuan pengawalan dan pemantauan serta memastikan kejayaan program yang dirancang atas tanah tersebut.

1.1.2. Sehingga 21 Ogos 2016, SSI telah memiliki sebanyak 4,264 bidang tanah dengan keluasan keseluruhan berjumlah 11,045.16 hektar seperti di jadual berikut:


**JADUAL 1.1
BILANGAN DAN KELUASAN TANAH
MILIK SSI MENGIKUT DAERAH SEHINGGA 21 OGOS 2016**

BIL.	DAERAH	BILANGAN TANAH	LUAS (HEKTAR)
1.	Johor Bahru	1,064	2,757.05
2.	Kluang	1,671	709.94
3.	Mersing	557	1,559.82
4.	Segamat	550	395.02
5.	Tangkak	197	245.88
6.	Kota Tinggi	159	5,103.38
7.	Batu Pahat	37	76.49
8.	Muar	18	114.09
9.	Kulai	6	47.95
10.	Pontian	5	35.54
JUMLAH		4,264	11,045.16

Sumber: Unit Pengurusan SSI

1.1.3. Sebanyak 94.7% atau 4,040 hak milik adalah kategori bangunan yang terdiri daripada projek penswastaan dan jumlah akan berkurangan apabila projek telah

diserahkan; 3.2% atau 136 hak milik adalah kategori perindustrian; 2.1% atau 88 hak milik tanah kategori pertanian. Peratusan harta tanah milik SSI mengikut kategori penggunaan tanah adalah seperti di carta berikut:



Sumber: Unit Pengurusan SSI

1.1.4. Pengurusan harta tanah milik SSI dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Perbadanan Setiausaha Kerajaan (Unit Pengurusan SSI) dan juga jabatan/agensi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri seperti jadual berikut:

JADUAL 1.2
JABATAN/AGENSI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGURUSKAN HARTANAH MILIK SSI

BIL.	AKTIVITI	JABATAN/AGENSI YANG MENGURUSKAN	FUNGSI	CATATAN
1.	Pajakan Tanah/Lot Komersial	Unit Pengurusan SSI	Menguruskan tanah-tanah yang dikurniakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan dipajakkan kepada pengusaha yang berkelayakan dan menguruskan lot komersial.	-
2.	Projek Penswastaan	Seksyen Pembangunan Kerjasama Awam Swasta, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ)	Membangunkan tanah-tanah SSI melalui projek penswastaan.	Pegawai di UPENJ dan Bahagian Perumahan SUKJ telah dilantik di bawah Seksyen 5A Enakmen Setiausaha Kerajaan Johor Tahun 1953 untuk menjalankan kuasa bagi pihak SSI.
3.	Projek Perumahan	Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan SUKJ)	Menguruskan Rumah Awam Kos Rendah; harta tanah yang dibeli melalui Akaun Amanah Pusingan Perumahan Kuota Bumiputera; dan harta tanah yang diperoleh daripada pemaju perumahan melalui pelepasan lot kuota perumahan Bumiputera.	
4.	Pengurusan Lot Komersial	Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUJB)/Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ)/Pihak Berkuasa Tempatan/Lain-lain Agensi Yang Diputuskan oleh MMK	Menguruskan lot komersial/kedai atas nama SSI. Menawarkan kepada usahawan kecil dan sederhana bagi menjalankan aktiviti perniagaan.	-

Sumber: Unit Pengurusan SSI

1.1.5. Kajian terhadap pengurusan tanah milik SSI pernah dijalankan dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Johor Tahun 2010 dan 2012. Antara kelemahan yang ditemui ialah tiada pemantauan terhadap tanah milik SSI; tanah milik SSI belum

didaftarkan hak milik; pulangan daripada projek penswastaan tidak/belum diterima; hak milik strata bangunan belum dimiliki; bangunan/rumah/kedai tidak disewakan dan telah rosak; tunggakan cukai tanah/cukai taksiran/caj penyenggaraan dan kelemahan dalam penyenggaraan bangunan milik SSI.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini adalah untuk menilai pengurusan hartaanah SSI telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Di samping itu juga, pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sejauh mana keberkesanan tindakan yang telah diambil terhadap teguran Audit yang telah dibangkitkan pada tahun 2010 dan 2012.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek pengurusan hartaanah yang dikurniakan kepada SSI dan diuruskan oleh jabatan/agensi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Pengauditan juga melibatkan tahun sebelumnya bagi menilai tindakan susulan yang telah diambil. Pengauditan dijalankan di Unit Pengurusan SSI, Seksyen Pembangunan Kerjasama Awam Swasta, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) dan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Bahagian Perumahan SUKJ). Selain itu, pengauditan juga dilaksanakan di Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB), Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor (KPYPJ) dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) yang bertanggungjawab menguruskan hartaanah milik SSI. Pemilihan sampel untuk semakan dan pemeriksaan Audit adalah dilaksanakan secara rawak berdasarkan kepada lokasi, keluasan dan nilai hartaanah tersebut. Semakan telah dibuat terhadap 50 fail hartaanah milik SSI dan 300 fail hartaanah yang telah diuruskan oleh Bahagian Perumahan SUKJ, UPENJ, PUJB, KPYPJ dan MBJB.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis data berdasarkan rekod berkaitan hartaanah milik SSI. Di samping itu, pengesahan fizikal Audit ke lokasi hartaanah dan temu bual dengan pegawai yang berkaitan turut diadakan untuk tujuan pengesahan.

1.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dilaksanakan pada bulan September hingga Disember 2016 terhadap pengurusan hartaanah milik SSI mendapat pengurusan kutipan hasil pajakan tanah adalah memuaskan di mana kutipan hasil tersebut telah meningkat setiap tahun. Selain itu, tiada tunggakan cukai tanah bagi tanah dimiliki. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbetulkan seperti berikut:

- i. pencerobohan tanah milik SSI seluas 275.48 hektar menyebabkan anggaran kehilangan hasil sejumlah RM476,000 setahun;
- ii. kelewatan menandatangani perjanjian menyebabkan hasil pajakan berjumlah RM5.71 juta belum diterima;
- iii. tunggakan bayaran sewa lot komersial oleh PUJB belum diperoleh berjumlah RM168,700;
- iv. sebanyak 28 unit Rumah Awam Kos Rendah terbiar; dan
- v. tunggakan *in-kind* daripada projek penswastaan belum diterima bernilai RM15.40 juta.

Perkara yang ditemui dan maklum balas SSI telah dibincangkan di dalam *Exit Conference* pada 8 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti perenggan berikut:

1.5.1. Prestasi Kewangan Pengurusan Hartanah SSI

Pada tahun 2015, kutipan hasil yang diperoleh melalui Unit Pengurusan SSI adalah berjumlah RM5.92 juta dengan peningkatan sebanyak 474.7% berbanding RM1.03 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini disebabkan oleh pelupusan tanah, sewaan komersial dan terimaan lain-lain. Manakala, pada tahun 2016 kutipan hasil meningkat sejumlah RM4.86 juta atau 80.4% kepada RM10.68 juta disebabkan SSI telah berjaya memajakkan 14 keping tanah berjumlah RM9.91 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.3
HASIL KERAJAAN NEGERI MELALUI
UNIT PENGURUSAN SSI BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BIL.	JENIS HASIL	TAHUN (RM Juta)		
		2014	2015	2016
1.	Pajakan Tanah	-	0.55	9.91
2.	Sewaan Unit komersial/Lesen Air/Hasil Hutan/Lain-lain	1.03*	1.37	0.77
3.	Pelupusan Tanah	-	4.00	-
JUMLAH		1.03	5.92	10.68

Sumber: Unit Pengurusan SSI

Nota: * - Tiada Maklumat Jenis Pendapatan

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan pengurusan hartaanah SSI adalah baik kerana telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM4.86 juta atau 80.4% pada tahun 2016 berbanding kutipan hasil tahun 2015.

1.5.2. Pengurusan Pentadbiran SSI

1.5.2.1. Kerajaan Negeri pada 27 Ogos 2014 telah membuat keputusan struktur SSI perlu diperkemaskan sebagai sebuah perbadanan yang lengkap sebagaimana perbadanan yang lain bagi memastikan SSI dapat melaksanakan tanggung jawab dengan cekap. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2016, struktur organisasi dan tadbir urus SSI masih belum berfungsi sebagaimana perbadanan yang lain. SSI masih belum mempunyai Ahli Lembaga Pengarah. Selain itu, struktur organisasi SSI juga tidak dilengkapi dengan bahagian yang penting seperti bahagian teknikal, kewangan dan penguatkuasaan.

1.5.2.2. Pada 7 Mac 2016, Unit Pengurusan SSI telah diluluskan sebanyak tujuh jawatan yang diketuai oleh Pegawai Tadbir Gred N48 yang bertanggungjawab untuk menguruskan harta tanah milik SSI berbanding satu perjawatan sedia ada. Bagaimanapun, kekosongan jawatan hanya diisi pada bulan Disember 2016.

Pada pendapat Audit, pengurusan pentadbiran SSI adalah kurang memuaskan kerana struktur organisasi SSI masih belum mempunyai Ahli Lembaga Pengarah dan tidak dilengkapi dengan bahagian yang penting seperti bahagian teknikal, kewangan serta penguatkuasaan.

1.5.3. Pengurusan Hartanah oleh Unit Pengurusan SSI

1.5.3.1. Mengikut Seksyen 43 dan Seksyen 221 Kanun Tanah Negara, tuan punya tanah diberi milik boleh memberi pajakan seluruh atau sebahagian tanah bagi tempoh melebihi tiga tahun. Sehingga Disember 2016, Unit Pengurusan SSI telah memajakkan 27 keping tanah. Manakala, baki sebanyak 88 keping tanah masih dalam proses untuk persediaan sebelum diberi pajakan.

1.5.3.2. Pihak Audit telah menyemak 50 daripada 150 fail harta tanah di Unit Pengurusan SSI dan mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

a. Pencerobohan Tanah Milik SSI

- i. Tanah yang diberi milik kepada SSI hendaklah disewakan/dipajakkan bagi mendapatkan pulangan hasil kepada Kerajaan dan mengelakkan daripada dicerobohi. Semakan Audit ke atas fail mendapati lima lot tanah telah dicerobohi. Lawatan Audit terhadap dua lot tanah milik SSI mendapati tanah telah dicerobohi dengan tanaman kelapa sawit dan tempat meletak kenderaan berat seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 1.4
PENCEROBOHAN TANAH MILIK SSI

BIL.	NO. LOT	MUKIM	KELUASAN (HEKTAR)	CATATAN
1.	PTD 19693	Mukim Sungai Ambat Mersing	275.336	Terdapat tanaman kelapa sawit berusia antara 10 hingga 15 tahun.
2.	PTD 18319	Tanjung Sembrong Batu Pahat	0.15	Tanah telah diceroboh oleh pengusaha kenderaan berat dengan meletakkan lori sejak tahun 2014.

Sumber: Unit Pengurusan SSI

GAMBAR 1.1



PTD 19693 Sg. Ambat Mersing
- Tanah Milik SSI Dicerobohi
(21.11.2016)

GAMBAR 1.2



PTD 18319 Mukim Tanjung Sembrong
Batu Pahat
- Tanah Milik SSI Dicerobohi
(21.11.2016)

- ii. Pihak Unit Pengurusan SSI menyatakan kedua-dua tanah telah diceroboh sebelum dikurniakan kepada SSI pada tahun 2015. Bagi tanah PTD 19693 di Mukim Sg. Ambat Mersing, tanah telah diceroboh oleh pengusaha bersebelahan yang telah menanam kelapa sawit melebihi sempadan tanah yang diluluskan semenjak tahun 2000. Manakala, bagi tanah PTD 18319 di Mukim Tanjung Sembrong Batu Pahat, tanah telah diceroboh oleh pengusaha kenderaan berat dengan meletakkan lori sejak tahun 2014. Pihak Audit mendapati Unit Pengurusan SSI tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan penguatkuasaan ke atas semua harta tanah milik SSI menyebabkan berlakunya pencerobohan.
- iii. Kesan daripada pencerobohan tersebut menyebabkan pihak **Unit Pengurusan SSI** telah mengalami kehilangan hasil yang dianggarkan berjumlah RM476,000 setahun yang dikira mengikut kadar *tapping right* berdasarkan RM10 setiap pokok kelapa sawit setahun bagi tanah yang diceroboh mengikut Peraturan Tanah Johor Pindaan 2004.

Maklum Balas Unit Pengurusan SSI Bertarikh 8 Mac 2017

Papan tanda larangan menceroboh telah dipasang di atas tanah PTD 19693 Mukim Sg. Ambat Mersing pada 21 Disember 2016. Bagi tanah PTD 18319 Mukim Tanjung Sembrong Batu Pahat pula, MMK pada 7 Disember 2016 telah bersetuju untuk memajakkan tanah kepada Majlis Daerah Yong Peng bagi tujuan

Pembangunan Penjaja dan Usahawan Daerah Yong Peng bagi tempoh sepuluh tahun.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan harta tanah milik SSI adalah kurang memuaskan kerana telah dicerobohi oleh pengusaha dan menyebabkan SSI mengalami kehilangan hasil berjumlah RM476,000 setahun bagi tanah PTD 19693 Mukim Sg. Ambat Mersing.

b. Pelanggaran Syarat Tanah

- i. Tanah yang diberi milik mengikut Kanun Tanah Negara (KTN) dikategorikan kepada tiga penggunaan tanah iaitu ‘pertanian’, ‘bangunan’ dan ‘industri’. Pemilik tanah di bawah sesuatu kategori penggunaan tanah tertakluk kepada syarat nyata seperti yang ditetapkan dalam dokumen hak milik sebagaimana ditetapkan dalam Bab 3, Bahagian 7, KTN 1965.
- ii. Semakan Audit terhadap fail pajakan tanah mendapati satu perjanjian pajakan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 24 Oktober 2012 untuk tujuan ternakan ayam daging selama 30 tahun di lot PTD 3183 dan PTD 3988 di Mukim Ulu Sungai Johor, Kota Tinggi seluas 112.295 hektar dengan nilai pajakan RM5.6 juta. Lawatan Audit ke lokasi pada 22 November 2016 mendapati tanah tidak diusahakan sebagaimana tujuan asal pajakan dan telah melanggar syarat nyata tanah kerana pemajak telah mengusahakan tanaman nenas seperti di gambar berikut:



GAMBAR 1.3

Lot 3988, Ulu Sg. Johor Kota Tinggi
Aktiviti di Atas Tanah Tidak
Mengikut Keputusan Kerajaan Negeri dan
Melanggar Syarat Tanah
(22.11.2016)

- iii. Pihak Audit dimaklumkan oleh Unit Pengurusan SSI bahawa klaus 5 di dalam perjanjian pajakan membenarkan pemajak untuk menjalankan aktiviti tanaman kontan bagi tujuan meningkatkan biosekuriti tanah tersebut menyebabkan pemajak telah mengusahakan tanaman nenas. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati perjanjian tersebut tidak mengikut kelulusan Kerajaan Negeri dan syarat nyata tanah seperti yang telah ditetapkan.

Maklum Balas Unit Pengurusan SSI Bertarikh 8 Mac 2017

Pemajak telah mengemukakan permohonan ubah syarat nyata tanah daripada ternakan ayam kepada tanaman pada 11 April 2017 kepada pihak SSI dan sedang dalam proses penyediaan dokumen berkaitan.

Pada pendapat Audit, syarat perjanjian untuk pajakan tanah di lot PTD 3183 dan PTD 3988 Mukim Ulu Sungai Johor, Kota Tinggi adalah kurang memuaskan kerana telah bertentangan dengan syarat nyata tanah.

c. Perjanjian Pajakan Lewat Ditandatangani

- i. Mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri, pemajak perlu menyediakan draf perjanjian dalam tempoh dua bulan daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan dan seterusnya menandatangani perjanjian dalam tempoh tiga bulan berikutnya. Semakan Audit terhadap 38 fail dalam proses pajakan mendapati sebanyak sepuluh permohonan telah mendapat kelulusan pajakan pada bulan Oktober 2014 hingga April 2016, tetapi sehingga bulan September 2016, pemajak masih belum menandatangani perjanjian menyebabkan kelewatan selama dua hingga 15 bulan. Kelewatan ini disebabkan oleh penetapan klausus yang perlu dipersetujui oleh kedua belah pihak; semakan dan pindaan oleh peguam pemajak dan Penasihat Undang-undang Negeri mengambil masa yang lama; dan kelewatan pemajak membayar premium pajakan sebelum perjanjian ditandatangani. Kesannya, SSI masih belum mendapatkan hasil pajakan berjumlah RM7.17 juta.
- ii. Kerajaan Negeri pada 4 November 2015 telah bersetuju untuk memajakkan tanah PTD 1909 di Mukim Sedili Kecil, Kota Tinggi seluas 126.32 hektar kepada sebuah koperasi dengan nilai pajakan RM3.12 juta. Bayaran perlu dijelaskan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh surat tawaran dikeluarkan iaitu pada 22 Disember 2015. **Sehingga 31 Disember 2016, pihak Audit mendapati bayaran pajakan masih belum diterima oleh Unit Pengurusan SSI dan perjanjian juga masih belum ditandatangani.** Lawatan Audit yang dijalankan mendapati tanah tersebut telah diusaha hasilkan dengan penanaman kelapa sawit yang dianggarkan berusia enam tahun seperti di gambar berikut:



GAMBAR 1.4

**PTD 1909 Mukim Sedili Kecil, Kota Tinggi
- Tanah Telah Diusahakan Tanaman Kelapa Sawit
(22.11.2016)**

- iii. Pihak Unit Pengurusan SSI memaklumkan koperasi tersebut pada peringkat awal telah pun menceroboh tanah kerajaan dengan tanaman kelapa sawit dan mengemukakan permohonan hak milik tanah kepada Kerajaan Negeri tetapi telah ditolak. Bagaimanapun, tanah tersebut telah dikurniakan kepada SSI dan Kerajaan Negeri telah meluluskan pajakan tanah kepada koperasi yang terlibat. Akibat daripada kelewatan perjanjian ditandatangani menyebabkan SSI belum menerima hasil pajakan bernilai RM3.12 juta walaupun tanah telah diusahakan terlebih dahulu oleh pihak koperasi.

Maklum Balas Unit Pengurusan SSI Bertarikh 8 Mac 2017

Pihak SSI telah mengambil tindakan dengan menandatangani empat perjanjian pada bulan Oktober 2016 hingga Februari 2017 dan bayaran berjumlah RM1.46 juta telah diterima. Bagi tanah PTD 1909 Mukim Sedili Kecil, Kota Tinggi, pihak koperasi telah mengemukakan rayuan kepada Pejabat Menteri Besar untuk membuat bayaran pajakan secara berperingkat. Bagaimanapun, keputusan rayuan masih belum diterima.

Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian pajakan adalah kurang memuaskan kerana lewat ditandatangani menyebabkan SSI lewat menerima hasil sejumlah RM5.71 juta.

d. Tunggakan Cukai Taksiran Hartanah Milik SSI

- i. Berdasarkan perjanjian pengurusan yang ditandatangani antara SSI dan agensi/penyewa bangunan milik SSI, cukai taksiran dan caj-caj lain yang dikenakan terhadap bangunan hendaklah dibayar oleh agensi/penyewa terlibat. Semakan Audit mendapati tunggakan cukai taksiran hartanah milik SSI di lapan buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sehingga bulan November 2016 seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.5
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
HARTANAH MILIK SSI DI PBT SEHINGGA NOVEMBER 2016

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	RUMAH KEDIAMAN		LOT KOMERSIAL/PER DAGANGAN		INDUSTRI MINYAK DAN GAS/LAIN-LAIN		JUMLAH TUNGGAKAN	
		BIL.	(RM)	BIL.	(RM)	BIL.	(RM)	BIL.	(RM)
1.	Bandaraya Johor Bahru	10	178,995	17	1,361,893	2	49,734	29	1,590,622
2.	Perbandaran Johor Bahru Tengah	105	27,655	-	-	2	291,240	107	318,895
3.	Perbandaran Kulai	26	128,351	-	-	-	-	26	128,351
4.	Perbandaran Kluang	-	-	128	109,038	-	-	128	109,038
5.	Daerah Segamat	-	-	1	7,758	-	-	1	7,758
6.	Daerah Simpang Renggam	30	3,808	16	1,073	-	-	46	4,881
7.	Daerah Mersing	-	-	3	4,525	-	-	3	4,525
8.	Daerah Tangkak	5	503	-	-	-	-	5	503
JUMLAH		176	339,312	165	1,484,287	4	340,974	345	2,164,573

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

- ii. Analisis Audit terhadap maklumat yang diperoleh daripada PBT mendapati tuggakan cukai taksiran paling tinggi adalah melibatkan lot komersial/perdagangan iaitu berjumlah RM1.48 juta. Manakala jumlah tuggakan cukai taksiran paling tinggi adalah di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan nilai RM1.59 juta bagi 29 unit pegangan. Selain itu, bilangan pegangan yang paling banyak tertunggak adalah Majlis Perbandaran Kluang (MPK) yang melibatkan 128 pegangan yang terdiri daripada lot komersial. Berdasarkan rekod, MBJB ada mengeluarkan notis mengenai tuggakan cukai taksiran ini kepada SSI tetapi tiada bayaran dibuat. Pihak Unit Pengurusan SSI memaklumkan, kebanyakan Notis Cukai Taksiran Harta yang diterima merupakan tanah SSI yang dibangunkan secara penswastaan di bawah UPENJ dan Bahagian Perumahan SUKJ serta pihak pemaju yang belum dikenal pasti status pemilikan terkini. Sehingga bulan November 2016, jumlah tuggakan yang belum diselesaikan adalah berjumlah RM2.16 juta bagi 345 pegangan.

Maklum Balas Unit Pengurusan SSI Bertarikh 8 Mac 2017

Berdasarkan kepada Mesyuarat Penyelaras bersama Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 2 Mac 2017, MBJB telah bersetuju untuk membantu pihak SSI dalam penyediaan pelan tanah yang dimaksudkan untuk mengenal pasti lokasi harta yang mempunyai tuggakan cukai taksiran.

Pada pendapat Audit, pengurusan cukai taksiran bagi hartanah milik SSI adalah kurang memuaskan kerana sejumlah RM2.16 juta bagi 345 pegangan belum diselesaikan.

e. Tunggakan Caj Penyenggaraan Hartanah Milik SSI

- i. Perjanjian pengurusan yang ditandatangani antara SSI dan agensi/penyewa bangunan milik SSI menetapkan caj penyenggaraan dan caj-caj lain yang dikenakan terhadap bangunan juga perlu dibayar oleh agensi/penyewa terlibat.
- ii. Laporan Audit pada tahun 2012 telah membangkitkan berkenaan tunggakan caj penyenggaraan berjumlah RM127,782 bagi 11 unit kedai pejabat dan lapan unit gerai milik SSI di Taman Tampoi Indah. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2016, jumlah tunggakan telah meningkat kepada RM172,213 dengan peningkatan sebanyak 34.8%. Semakan Audit selanjutnya mendapati SSI juga mempunyai tunggakan caj penyenggaraan kepada Perbadanan Pengurusan Park Avenue berjumlah RM518,002 bagi 66 unit pangaspuri yang telah dijadikan Kuarters Kerajaan yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan SUKJ. Maklumat lanjut tunggakan caj penyenggaraan sehingga bulan Disember 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.6
TUNGGAKAN CAJ PENYENGGARAAN SEHINGGA BULAN DISEMBER 2016**

BIL.	HARTANAH	STATUS	TUNGGAKAN SEPERTI LAPORAN AUDIT TAHUN 2012 (RM)	TUNGGAKAN TERKINI* (RM)
1.	11 unit kedai pejabat di Taman Tampoi Indah Johor Bahru	Disewakan kepada JBiotech Sdn. Bhd.	102,749	131,723
2.	8 unit gerai Taman Tampoi Indah Johor Bahru	Tidak Disewakan	25,033	40,490
3.	66 unit pangaspuri	Kuarters Kerajaan	-	518,002
JUMLAH			127,782	690,215

Sumber: Perbadanan Pengurusan

Nota: * - Caj penyenggaraan meliputi bayaran *sinking fund*, insurans, denda lewat bayar dan lain-lain caj.

- iii. Pihak Unit Pengurusan SSI memaklumkan tunggakan caj penyenggaraan Kuarters Kerajaan Taman Tampoi Indah adalah bagi rumah yang tidak berpenghuni. Peningkatan tunggakan ini disebabkan perbadanan pengurusan telah mengenakan denda lewat bayar yang tinggi. Sehingga bulan Disember 2016, jumlah caj penyenggaraan yang tertunggak keseluruhan berbanding laporan Audit tahun 2012 adalah berjumlah RM690,215 dengan peningkatan sebanyak 440.2%.

Maklum Balas Unit Pengurusan SSI Bertarikh 8 Mac 2017

Pihak SSI telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bagi menyelesaikan isu tunggakan caj penyenggaraan di antara pihak SUK Pengurusan dan perbadanan pengurusan pada 1 Mac 2017.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran caj penyenggaraan bagi hartanah milik SSI adalah kurang memuaskan kerana jumlah tunggakan telah meningkat sebanyak 440.2% berbanding laporan Audit pada tahun 2012.

f. Notis 5A Belum Dibayar

- i. Notis 5A adalah jumlah yang kena dibayar oleh pemilik tanah melibatkan cukai tanah tahun pertama, premium, bayaran ukur dan bayaran penyediaan dan pendaftaran hak milik sementara dan hak milik tetap. Jika tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tiga bulan dari tarikh notis dikeluarkan atau tempoh lanjutan yang dibenarkan maka dengan sendirinya kelulusan pemberimilikan tersebut luput merujuk kepada perkara 8 Peraturan Tanah Johor Pindaan Tahun 2004 Perkara 8.
- ii. Berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh daripada empat Pejabat Tanah Daerah, pihak Audit mendapati sebanyak 14 keping Notis 5A berjumlah RM52.61 juta telah dikeluarkan tetapi belum dijelaskan oleh SSI. Notis 5A ini melibatkan 34 lot tanah yang telah diberimilik kepada SSI oleh Kerajaan Negeri. Perkara ini berlaku kerana jumlah peruntukan tidak mencukupi untuk membayar notis tersebut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.7
NOTIS 5A BELUM DIBAYAR**

PEJABAT TANAH	NO. LOT	TARIKH NOTIS 5A	TARIKH TAMAT	JUMLAH (RM)
Johor Bahru	PTD 18813, Mukim Pulai	23.04.2013	23.07.2013	285,366
	Lot 19850, Mukim Tebrau	25.02.2014	25.05.2014	4,574,816
	PTD 208328, Mukim Plentong	09.03.2016	13.06.2016	40,692,081
Kota Tinggi	PTD 3158, Mukim Sedili Besar	18.12.2013	18.03.2014	90
	PTD 1909, Mukim Sedili Kecil	26.10.2014	26.01.2015	109,246
Kulai	PTD 103020, Mukim Senai	09.03.2016	13.06.2016	2,778,751
	PTD 103023, Mukim Senai	09.03.2016	13.06.2016	1,937,826
Mersing	PTD 2079, Mukim Tenglu	14.05.2015	14.08.2015	19,262
	PTD 2763, Mukim Tenglu	01.02.2016	01.05.2016	1,411,261
	PTD 5520 – PTD 5531 Mukim Padang Endau (6 plot)	29.05.2016	29.08.2016	17,661
	PTD 2105 – PTD 2116, Mukim Penyabong (12 plot)	08.06.2016	08.09.2016	358,496
	PTD 149 - PTD 152 Mukim Sembrong (4 plot)	08.06.2016	08.09.2016	330,251

PEJABAT TANAH	NO. LOT	TARIKH NOTIS 5A	TARIKH TAMAT	JUMLAH (RM)
	PTD 130 - PTD 131 Mukim Sembong (2 plot)	23.11.2016	23.02.2017	82,076
	PTD 4893 Mukim Padang Endau	23.11.2016	23.02.2017	8,097
JUMLAH				52,605,280

Sumber: Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Tanah Johor Bahru, Pejabat Tanah Kota Tinggi, Pejabat Tanah Mersing dan Pejabat Tanah Kulai

- iii. Analisis Audit mendapati jumlah Notis 5A belum dibayar yang tertinggi adalah Pejabat Tanah Johor Bahru berjumlah RM45.55 juta. Manakala, Pejabat Tanah Mersing mencatatkan jumlah lot paling banyak yang belum dibayar sebanyak 27 lot. Selain itu, Notis 5A bagi lot PTD 18813 di Mukim Pulai Daerah Johor Bahru telah tidak dibayar melebihi tiga tahun berjumlah RM285,366.
- iv. Notis yang lewat dibayar akan menyebabkan harta tanah yang diperoleh lewat mendapat hak milik dan bagi tanah yang terlibat dengan proses pajakan, perjanjian pajakan hanya dapat ditandatangani setelah hak milik didaftarkan.

Maklum Balas Unit Pengurusan SSI Bertarikh 8 Mac 2017

Pihak SSI telah diberi peruntukan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM300,000 pada tahun 2016 dan sebanyak RM294,925 telah dibelanjakan bagi bayaran premium, cukai tanah dan pemasangan papan tanda. Pada bulan Februari 2017, SSI telah menjelaskan tujuh keping Notis 5A berjumlah RM36,744. Bagi tanah yang terlibat dengan projek penswastaan, premiumnya tidak dijelaskan oleh SSI. Manakala, setiap tanah projek penswastaan yang belum diluluskan perlu dibuat rayuan semula ke MMK untuk mendapatkan premium nominal. Bagi pajakan tanah pula, pihak pemajak akan menjelaskan premium tanah untuk tujuan pengeluaran hak milik.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran Notis 5A adalah kurang memuaskan kerana kelewatan membayar Notis 5A berjumlah RM52.61 juta menyebabkan hak milik bagi tanah tersebut lewat diperoleh.

g. Perbezaan Rekod Daftar Hartanah SSI Dengan Rekod PTG

- i. Daftar harta tanah disediakan untuk merekodkan semua harta tanah milik SSI bagi memastikan pengurusan harta tanah diuruskan dengan cekap termasuk pemantauan dapat dilaksanakan. Semakan Audit mendapati SSI ada menyediakan daftar harta tanah yang menunjukkan maklumat seperti nombor

lot, nombor hak milik, mukim, daerah, status tanah (sama ada bebas atau pajakan), tarikh daftar hak milik, keluasan, kategori dan syarat nyata tanah. Bagaimanapun, daftar tersebut tidak dilengkapi dengan nilai harta tanah yang dimiliki oleh SSI. Pihak Audit mendapati perbezaan bilangan hak milik antara daftar harta tanah di SSI dengan rekod PTG sebanyak 776 lot seperti berikut:

**JADUAL 1.8
PERBEZAAN REKOD DAFTAR HARTANAH DI SSI DAN PTG**

BIL	DAERAH	REKOD		
		SSI	PTG	PERBEZAAN
1.	Kluang	1,671	1,312	359
2.	Johor Bahru	1,064	929	135
3.	Mersing	557	265	292
4.	Segamat	550	435	115
5.	Tangkak	197	170	27
6.	Kota Tinggi	159	97	62
7.	Batu Pahat	37	234	(197)
8.	Muar	18	14	4
9.	Kulai	6	6	-
10.	Pontian	5	26	(21)
JUMLAH		4,264	3,488	776

Sumber: Daftar Hartanah SSI dan Rekod PTG

- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap sampel 100 salinan hak milik di PTG bagi tiga daerah iaitu Kluang, Johor Bahru dan Batu Pahat juga mendapati sebanyak 28 hak milik telah didaftarkan atas nama SSI antara bulan Jun 1990 hingga Ogos 2015 tetapi belum direkodkan di dalam Daftar Hartanah SSI. Manakala, sebanyak 41 hak milik telah didaftarkan atas nama individu atau syarikat antara tahun 2008 hingga 2015 masih belum dikeluarkan daripada Daftar Hartanah SSI.
- iii. Selain itu, semakan Audit juga mendapati sebanyak 8,827 unit harta tanah berstrata telah didaftarkan atas nama SSI bermula tahun 2003 hingga 2015 tetapi tiada dalam Daftar Hartanah SSI.
- iv. Unit Pengurusan SSI memaklumkan perbezaan berlaku antara data harta tanah milik SSI dengan rekod di PTG adalah kerana daftar yang disenggarakan oleh SSI adalah secara manual. Manakala data di PTG adalah bersifat *real time* kerana pendaftaran dan pindah milik harta tanah sentiasa berlaku. Perbezaan tersebut menyebabkan pihak SSI tidak dapat mengesahkan bilangan hak milik sebenar yang berdaftar dan menyukarkan pihak SSI untuk membuat pemantauan.

Maklum Balas Unit Pengurusan SSI Bertarikh 8 Mac 2017

SSI telah mengadakan perbincangan dengan Unit Teknologi Maklumat Negeri Johor bagi mewujudkan sistem Daftar Hartanah SSI yang lebih baik dan sempurna serta boleh menghubungkan maklumat hak milik SSI di PTG dan Daftar Hartanah SSI secara real-time.

Pada pendapat Audit pengurusan rekod daftar harta milik SSI adalah kurang memuaskan kerana terdapat perbezaan antara rekod yang disediakan oleh SSI dengan rekod di PTG.

1.5.4. Kelemahan Pengurusan Penyewaan Hartanah Komersial Milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI)

1.5.4.1. Kerajaan Negeri telah menetapkan harta komersial milik SSI diuruskan oleh agensi/anak syarikat Kerajaan supaya lot komersial tersebut tidak terbiar di samping memberikan pulangan pendapatan kepada SSI. Sehingga Disember 2016, sebanyak 360 unit komersial bernilai melebihi RM40.89 juta telah diserahkan kepada agensi/anak syarikat Kerajaan Negeri untuk disewa atau digunakan sebagai pejabat pengurusan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.9
HARTANAH YANG DIURUS OLEH AGENSI/ANAK SYARIKAT KERAJAAN**

JENIS PULANGAN	ALAMAT	DIURUSKAN	JUMLAH UNIT	NILAI (RM Juta)
3 unit kedai pejabat 3 Tingkat	No 15, 16 & 17 Jalan Jeti, Bandar Tepian Sungai, Mersing	PUJB	9	TM
1 unit kedai pejabat 3 Tingkat	No 36, Rosemerah Square, Taman Johor Jaya	PUJB	3	0.53
Pekan Rabu Kluang	54 unit kedai Pekan Rabu, Kluang	PUJB	54	15.00
Pekan Rabu Tampoi	107 unit kedai Pekan Rabu Tampoi	PUJB	107	TM
10 unit kedai 4 tingkat (Double Frontage)	Jalan Manggis, Kluang	PUJB	80	6.76
3 unit kedai 3 tingkat	Jalan Durian, Kluang	YPKDT	9	1.78
6 unit kedai 3 tingkat	Jalan Durian, Kluang	KPYPJ	18	3.10
2 unit kedai 3 tingkat	Jalan Duku, Kluang	KPYPJ	6	1.30
4 unit kedai 4 tingkat (Double Frontage)	Jalan Dato Ismail, Kluang	KPYPJ	32	3.09
1 unit kedai 4 tingkat	Jalan Manggis, Kluang	KPYPJ	8	1.33
2 unit rumah kedai 4 tingkat	Lot 31 & 32 Jalan Tun Razak Susur 4, Johor Bahru	YPKDT	8	1.69
1 unit kedai pejabat 3 tingkat	No 83, Jalan Susur Larkin Perdana 1, Johor Bahru	YPKDT	3	1.69
2 lot kedai/pejabat/Apartment 4 tingkat	Permas Sentral Johor Bahru	MBJB	8	1.30
5 unit rumah kedai 3 tingkat	Jalan Maharani, Muar	Dalam proses dijual	15	3.32
JUMLAH			360	40.89

Sumber: SSI, PUJB dan KPYPJ TM = Tiada Maklumat

1.5.4.2. Analisis Audit mendapati PUJB telah menguruskan sebanyak 253 unit komersial iaitu kedai, kedai pejabat dan Kompleks Pekan Rabu milik SSI. Manakala, KPYPJ menguruskan 64 unit komersil, YPKDT menguruskan 20 unit komersil dan lapan unit diuruskan oleh MBJB. Berdasarkan dokumen perjanjian, PUJB dikenakan pulangan sewa kepada SSI manakala KPYPJ, YPKDT dan MBJB dikecualikan. Semakan Audit terhadap 100 fail pengurusan unit komersial hartanah SSI yang diuruskan oleh anak syarikat/agensi Kerajaan Negeri mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

a. Pulangan Sewa Kepada SSI Belum Diterima Dari PUJB

- i. Pada 29 Januari 2013 dan 16 Disember 2013, SSI telah menandatangani perjanjian dengan Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB) untuk pengurusan tiga unit kedai pejabat 3 tingkat di Mersing dan satu unit kedai pejabat 3 tingkat di Johor Jaya. Mengikut Seksyen 5(a) dan (b) perjanjian pengurusan, pihak PUJB dibenarkan mengutip bayaran sewaan bagi tahun pertama, manakala 50% kutipan bayaran sewa bagi tahun kedua dan seterusnya diserahkan kepada SSI. **Semakan Audit mendapati PUJB masih belum membayar pulangan sewa kepada SSI yang dianggarkan berjumlah RM168,700 seperti di jadual berikut:**

**JADUAL 1.10
TUNGGAKAN PULANGAN SEWA HARTANAH
DIURUSKAN OLEH PUJB KEPADA SSI SEHINGGA DISEMBER 2016**

BIL.	HARTANAH	TEMPOH TUNGGAKAN (BULAN)	KADAR PULANGAN SEWA (RM)	JUMLAH TERTUNGGAK (RM)
1.	3 unit kedai pejabat 3 Tingkat di Mersing	1 Februari 2014 sehingga 31 Disember 2016 (35 bulan)	3,500 sebulan	122,500
2.	1 unit kedai pejabat 3 Tingkat di Taman Johor Jaya, Johor Bahru	1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2016 (24 bulan)	1,925 sebulan	46,200
JUMLAH				168,700

Sumber: SSI

- ii. Berdasarkan surat kepada SSI pada Mac 2016, PUJB memaklumkan tidak dapat membayar pulangan sewaan kerana perlu menampung kos operasi yang tinggi bagi lot komersial di Mersing dan Johor Jaya. PUJB telah diluluskan permohonan untuk menangguhkan bayaran kepada SSI pada atau sebelum 31 Oktober 2016. Bagaimanapun, sehingga Disember 2016 tiada bayaran diterima oleh SSI dari PUJB bagi pengurusan unit komersial di Mersing dan Johor Jaya.

Maklum Balas Unit Pengurusan SSI Bertarikh 8 Mac 2017

SSI telah menerima permohonan pengecualian pulangan semula pendapatan sewaan unit-unit komersial daripada PUJB yang melibatkan rumah kedai di Jalan Rosemerah, Johor Jaya dan tiga unit kedai pejabat 3 tingkat di Tepian

Sungai Mersing. Pihak SSI tidak dapat mempertimbangkan permohonan pengecualian, namun perbincangan berkaitan kaedah bayaran tunggakan sewaan unit-unit komersial tersebut masih berjalan.

Pada pendapat Audit, pulangan sewa daripada PUJB adalah kurang memuaskan kerana telah tertunggak berjumlah RM168,700 bagi tempoh 24 hingga 35 bulan.

b. Unit Komersial Tidak Disewakan

- i. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2016, PUJB hanya menyewakan 108 unit komersial iaitu 42.7% daripada 253 unit komersial yang diterima sejak tahun 2008. Manakala 57.3% atau 145 unit komersial tidak disewakan. Seterusnya, KPYPJ telah menyewakan 56.3% iaitu 36 unit komersial daripada 64 unit komersial yang diterima sejak tahun 2001 dan baki 28 unit tidak disewakan. Manakala, MBJB tidak menyewakan kesemua lapan unit lot komersil yang diterima seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.11
UNIT KOMERSIAL YANG TIDAK DISEWAKAN OLEH PUJB, KPYPJ DAN MBJB**

LOKASI UNIT KOMERSIAL	JUMLAH UNIT YANG DIURUSKAN	JUMLAH UNIT TIDAK DISEWAKAN	PERATUS TIDAK DISEWAKAN (%)
PENGURUSAN OLEH PUJB			
Kompleks Pekan Rabu Kluang (KPRK)	54	38	70.4
Bandar Tepian Sungai Mersing	9	6	66.7
Taman Johor Jaya, Johor	3	2	66.7
Kompleks Pekan Rabu Johor Bahru (KPRJB)	107	65	60.7
Jalan Manggis, Kluang	80	34	42.5
JUMLAH	253	145	57.3
PENGURUSAN OLEH KPYPJ			
Jalan Durian, Kluang	18	6	33.3
Jalan Persiaran Dato Ismail, Kluang	32	20	62.5
Jalan Manggis, Kluang	8	2	25.0
Jalan Duku	6	-	-
JUMLAH	64	28	43.8
PENGURUSAN OLEH MBJB			
Lot 74631, Permas Jaya	8	8	100
JUMLAH KESELURUHAN	325	181	55.7

Sumber: PUJB, KPYPJ dan MBJB

- ii. PUJB mengalami masalah untuk menyewakan kedai di tingkat 1 dan 2 kerana lot kedai tersebut hanya boleh disewakan kepada Bumiputera sahaja. Manakala, KPYPJ dan MBJB pula tidak dapat menyewakan premis

kerana kerosakan yang perlu dibaik pulih. Sehingga Disember 2016, sebanyak 181 daripada 325 unit yang diuruskan oleh PUJB, KPYPJ dan MBJB masih belum disewakan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.5



Kompleks Pekan Rabu Johor Bahru
- Unit Komersial yang Tidak
Disewakan Oleh PUJB
(29.12.2016)

GAMBAR 1.6



Pekan Rabu Kluang
- Unit Komersial yang Tidak
Disewakan Oleh PUJB
(15.11.2016)



GAMBAR 1.7

Permas Central, Johor Bahru
- Lapan Unit Premis Milik SSI Tidak Disewakan
(06.12.2016)

- iii. Lawatan Audit pada 5 Disember 2016 ke Permas Sentral yang diuruskan oleh MBJB mendapati unit komersil tersebut telah diceroboh menyebabkan berlaku kehilangan kabel elektrik dan peralatan asas seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.8



Permas Central, Johor Bahru
- Peralatan Asas Telah Dicuri
(06.12.2016)

GAMBAR 1.9



Permas Central, Johor Bahru
- Peralatan Asas Telah Dicuri
(06.12.2016)

Maklum Balas Majlis Bandaraya Johor Bahru Bertarikh 8 Mac 2017

Sebut harga telah disediakan bagi membaik pulih bangunan untuk kerja pendawaian baru, sistem perpaipan dan pemberian pintu dan jeriji tingkap serta kerja mengecat. Kerja pembaikan tersebut dijangka selesai akhir Ogos 2017 dan unit akan diserahkan kepada Bahagian Penguatkuasaan MBJB bagi menempatkan pejabat cawangan Bahagian Penguatkuasaan MBJB.

Pada pendapat Audit, penyewaan unit komersial oleh PUJB, KPYPJ dan MBJB adalah kurang memuaskan kerana 181 daripada 325 unit komersial atau 55.7% masih belum disewakan.

c. Perjanjian Pengurusan Belum Disediakan

- i. Kerajaan Negeri pada 23 April 2014 telah bersetuju agar PUJB mengambil alih urusan penjagaan, penyelenggaraan dan kutipan sewaan sepuluh lot kedai pejabat 4 tingkat di Jalan Manggis, Kluang dari KPYPJ seperti di **Gambar 1.10**. Bagaimanapun sehingga Disember 2016, SSI masih belum menyediakan dokumen perjanjian pengurusan untuk penyewaan bagi lot-lot kedai tersebut kepada PUJB walaupun sewa telah dikutip oleh pihak PUJB daripada penyewa sedia ada mulai bulan September 2015.



GAMBAR 1.10

Jalan Manggis, Kluang
- Lot Kedai yang Belum Diserahkan Secara Rasmi
Kepada PUJB
(15.11.2016)

- ii. Ketiadaan dokumen penyerahan dan perjanjian penyewaan menyebabkan PUJB tidak bertanggungjawab sebagai pihak pengurusan bangunan melibatkan kerja-kerja seperti pembersihan, keselamatan dan penyelenggaraan bangunan.

Maklum Balas Unit Pengurusan SSI Bertarikh 8 Mac 2017

Penyerahan kunci dan surat yang menyatakan syarat dan tanggung jawab PUJB terhadap pengurusan bangunan tersebut telah dibuat pada 28 Februari 2017.

Pada pendapat Audit, perjanjian pengurusan untuk penyewaan bagi lot-lot kedai kepada PUJB adalah kurang memuaskan kerana masih belum disediakan walaupun sewa telah dikutip oleh pihak PUJB daripada penyewa sedia ada sejak bulan September 2015.

d. Unit Komersial Belum Dijual

Kedai pejabat 3 tingkat di Mukim Bandar Maharani, Muar telah diserahkan kepada SSI pada 15 November 2011. Laporan Audit pada tahun 2012 telah membangkitkan mengenai lot kedai yang telah terbiar sejak kali terakhir disewa oleh KPYPJ pada bulan Jun 2012. Berdasarkan maklum balas kepada pihak Audit pada 3 April 2013, SSI memaklumkan bangunan tersebut akan dilupuskan secara tender terbuka dan pejabat dalam penyediaan dokumen tender. Nilaian semasa oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Muar bertarikh 22 Ogos 2016 adalah RM3.32 juta. Lawatan Audit pada 21 November 2016, mendapati unit komersial tersebut masih belum dijual dan terbiar seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.11



Mukim Bandar Maharani
- Unit Komersial Belum Dijual dan Terbiar
(21.11.2016)

GAMBAR 1.12



Maklum Balas Unit Pengurusan SSI Bertarikh 8 Mac 2017

Pihak SSI telah menerima enam tawaran untuk membeli kedai tersebut tetapi kesemua harga yang ditawarkan kurang daripada nilai yang diterima dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Selain itu, SSI telah mengemukakan permohonan kepada Majlis Perbandaran Muar untuk membantu kerja-kerja pembersihan dan SUKJ Bahagian Pengurusan bagi pembaikan bangunan untuk mengawal keselamatan unit-unit komersial tersebut sementara proses pelupusan dijalankan.

Pada pendapat Audit, pengurusan unit komersial di Mukim Bandar Maharani Muar oleh SSI adalah kurang memuaskan kerana masih belum dijual dan

terbiar walaupun telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012.

1.5.5. Pengurusan Rumah Awam Kos Rendah oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

Pada tahun 1991 hingga 2004 Kerajaan Negeri telah menawarkan pembelian sebanyak 3,321 unit Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) melibatkan 18 projek di lapan buah daerah dengan harga di antara RM20,000 hingga RM30,000 seunit. Semakan Audit terhadap 100 fail sewa beli mendapati kelemahan dalam pengurusan RAKR seperti berikut:

1.5.5.1. Hak Milik Telah Didaftarkan Atas Nama Individu Walaupun Bayaran Belum Selesai

Bagi RAKR yang belum dijelaskan sepenuhnya oleh pembeli, hak milik rumah hendaklah didaftarkan atas nama SSI. Semakan Audit mendapati sebanyak 35 daripada 367 hakmilik di RAKR Labis telah didaftarkan atas nama individu walaupun setiap pembeli masih mempunyai tunggakan bayaran sewa beli antara RM16,000 hingga RM20,000 dengan Bahagian Perumahan SUKJ. Sehingga Disember 2016, pihak Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. sebanyak dua pemilik asal telah menandatangani Borang 14A dan sedia untuk dijual oleh Bahagian Perumahan SUKJ;
- b. sebanyak 14 unit telah menjadi hak milik Kerajaan Negeri kerana tidak membayar cukai tanah;
- c. sebanyak tujuh hak milik rumah yang telah dijelaskan oleh pembeli kedua tetapi hak milik masih atas nama pembeli pertama; dan
- d. sebanyak 12 hak milik tanah mempunyai gadaian bank walaupun pembeli tidak diluluskan pinjaman oleh pihak bank.

Maklum Balas Bahagian Perumahan SUKJ Bertarikh 8 Mac 2017

Sebanyak lima unit rumah yang telah menjadi milik Pihak Berkuasa Negeri telah pun dijual dan baki sembilan unit lagi masih dalam proses penawaran. Manakala, sebanyak 12 hak milik tanah yang mempunyai gadaian bank tidak dapat diambil tindakan selanjutnya oleh Bahagian Perumahan SUKJ kerana pihak bank enggan membuat pelepasan gadaian.

Pada pendapat Audit, pengurusan pendaftaran hak milik bagi Rumah Awam Kos Rendah oleh Bahagian Perumahan SUKJ adalah kurang memuaskan kerana 35 hak milik di RAKR Labis telah didaftarkan atas nama individu walaupun setiap pembeli masih mempunyai tunggakan bayaran sewa beli.

1.5.5.2. Rumah Awam Kos Rendah Kosong/Terbiar dan Mengalami Kerosakan

- a. Semakan Audit mendapati 14.9% atau 52 daripada 348 unit RAKR Kulai tidak disewakan yang mempunyai tunggakan bayaran antara RM13,000 hingga RM22,000 sejak tahun 1993. Lawatan Audit telah dibuat pada 23 Oktober 2016 terhadap 20 unit rumah di Blok A dan Blok D mendapati kesemua unit rumah telah rosak, terbiar dan keadaan persekitaran yang tidak terurus seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.13



Blok A, RAKR Kulai
- Rumah Awam Kos Rendah Tidak Disewakan
dan Mengalami Kerosakan
(23.10.2016)

GAMBAR 1.14



Blok A, RAKR Kulai
- Rumah Awam Kos Rendah Tidak Disewakan
dan Mengalami Kerosakan
(23.10.2016)

GAMBAR 1.15



Blok D, RAKR Kulai
- Rumah Awam Kos Rendah Tidak Disewakan
dan Mengalami Kerosakan
(23.10.2016)

GAMBAR 1.16



Blok D, RAKR Kulai
- Rumah Awam Kos Rendah Tidak Disewakan
dan Mengalami Kerosakan
(23.10.2016)

- b. Semakan Audit seterusnya mendapati sebanyak lapan unit rumah di RAKR Labis telah dikosongkan sejak tahun 2010 kerana pembeli tidak membayar ansuran rumah berjumlah di antara RM5,200 hingga RM18,157 bagi seunit rumah. Lawatan Audit mendapati rumah tersebut telah mengalami kerosakan dan memerlukan penyenggaraan sebelum dijual semula seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.17



Jalan Keris 3, RAKR Labis
- Rumah Awam Kos Rendah Kosong/Terbiar
dan Mengalami Kerosakan
(23.10.2016)

GAMBAR 1.18



Jalan Badik 8, RAKR Labis
- Rumah Awam Kos Rendah Kosong/Terbiar
dan Mengalami Kerosakan
(23.10.2016)

- c. Bahagian Perumahan SUKJ menjelaskan rumah tersebut terbiar kerana telah rosak dan perlu dibaik pulih di samping proses pindah milik yang mengambil masa yang panjang. Sehingga Disember 2016, jumlah tunggakan sewa beli rumah yang tidak dapat dikutip berjumlah RM1.2 juta dan kos pembaikan dianggarkan berjumlah RM140,000 yang perlu dibelanjakan untuk membaik pulih 20 unit RAKR di Kulai dan lapan unit RAKR di Labis.

Pada pendapat Audit, pengurusan Rumah Awam Kos Rendah oleh Bahagian Perumahan SUKJ adalah kurang memuaskan kerana tunggakan sewa beli rumah yang tidak dikutip berjumlah RM1.2 juta dan sebanyak 28 unit rumah yang dilawati telah terbiar dan mengalami kerosakan.

1.5.6. Pengurusan Hartanah yang Diperoleh Daripada Pemaju Perumahan Melalui Pelepasan Lot Kuota Perumahan Bumiputera

Mulai bulan September 2013, pemaju yang diluluskan pelepasan lot kuota perumahan Bumiputera oleh Kerajaan Negeri dikehendaki membayar sebanyak 7.5% daripada harga jualan bagi setiap unit kuota Bumiputera yang dilepaskan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016, 11 pemaju perumahan telah diluluskan pelepasan kuota Bumiputera dan membayar kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk *in-kind* iaitu 73 unit pangaspuri/pangaspuri perkhidmatan dan 58 unit kedai pejabat bernilai RM77.15 juta. Semua hartaanah yang telah diterima didaftarkan hak milik atas nama SSI.

1.5.6.1. Penyerahan Hartanah Belum Dilaksanakan

- a. Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya 54 unit pangaspuri, 53 unit kedai pejabat, 19 unit pangaspuri perkhidmatan dan tiga unit kedai pejabat diuruskan oleh PUJB atau ditawarkan kepada koperasi yang berminat. Sehingga bulan Disember 2016, pihak Audit mendapati tindakan sebagaimana arahan Kerajaan Negeri masih belum diambil kerana daripada sejumlah 131 unit hartaanah diperolehi, Bahagian Perumahan

Pejabat SUKJ telah menerima kunci dan menjalankan pemeriksaan bangunan terhadap 15 unit rumah kedai pejabat 3 tingkat di Taman Setia Eco Cascadia Eco Park Johor Bahru dan 36 unit kedai pejabat 1 tingkat Perumahan Desa Rakyat Kong-Kong, Masai. Manakala bagi 80 unit hartanah yang lain, serahan kunci dan pemeriksaan bangunan belum dilaksanakan seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.12
STATUS HARTANAH YANG DIPEROLEHI DARIPADA PEMAJU
PERUMAHAN MELALUI PELEPASAN LOT KUOTA PERUMAHAN BUMIPUTERA

BIL.	HARTANAH	KEPUTUSAN/ BERTARIKH	STATUS		
			PERJANJIAN JUAL BELI	PEMERIKSAAN BANGUNAN	SERAH KUNCI
1.	54 Unit Pangsapuri (Pangsapuri Seri Mengkuang)	Diuruskan oleh PUJB/Ditawarkan Kepada Koperasi yang Bermimat/ 16.12.2015	01.02.2016	x	x
2.	36 Unit Kedai Pejabat 1 Tingkat (Perumahan Desa Rakyat Kong-Kong Masai)		01.02.2016	/	/
3.	15 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat (Taman Eco Cascadia Eco Park)		14.03.2016	/	/
4.	2 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat (Muar Parkland)		28.06.2016	x	x
5.	5 Unit Pangsapuri Perkhidmatan (Tropez Residence)		16.07.2015	x	x
6.	6 Unit Pangsapuri Perkhidmatan (Grandview 360, Taman Bayu Puteri)		x	x	x
7.	4 Unit Pangsapuri Perkhidmatan (Twin Galaxy Residence)		x	x	x
8.	4 Unit Pangsapuri Perkhidmatan (Paragon Suites@ CIQ)		x	x	x
9.	3 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat (Tripocana Danga Cove)	Belum Ada Keputusan	16.07.2015	x	x
10.	1 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat (Panoramic Jaya)	Belum Ada Keputusan	04.04.2016	x	x
11.	1 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat (Sawit Warisan Sdn. Bhd.)	Belum Ada Keputusan	13.03.2016	x	x

Sumber: Bahagian Perumahan Pejabat SUKJ

Nota: / - Telah Dilaksanakan x - Belum Dilaksanakan

- b. Bahagian Perumahan SUKJ menjelaskan penyerahan hartanah belum dilaksanakan memandangkan serahan kunci masih belum dilaksanakan oleh pemaju dan pemeriksaan bangunan tidak dapat dibuat. Sehingga 31 Disember 2016, penyerahan sebagaimana keputusan Kerajaan Negeri masih belum dilaksanakan oleh Bahagian Perumahan SUKJ melibatkan sejumlah 131 unit hartanah.
- c. Perjanjian jual beli antara SSI dan sebuah syarikat pemaju telah ditandatangani pada 16 Julai 2015 bagi terimaan *in-kind* lima unit pangsapuri perkhidmatan dan tiga unit kedai pejabat 3 tingkat bernilai RM3.96 juta di Johor Bahru sebagaimana di **Gambar 1.19**. Temu bual Audit dengan wakil syarikat pemaju memaklumkan serahan kunci belum dibuat kerana Kerajaan Negeri belum membayar tunggakan yuran penyenggaraan

serta deposit elektrik dan air yang telah didahulukan oleh syarikat pemaju berjumlah RM41,095. Semakan Audit selanjutnya terhadap salinan perjanjian jual beli yang telah ditandatangani mendapati tempoh tanggungan kecacatan telah tamat pada 16 Julai 2016 sedangkan pemeriksaan bangunan dan serahan kunci belum dilaksanakan. Lawatan Audit mendapati kerosakan kecil pada mozek lantai di sebuah rumah sebagaimana di **Gambar 1.20**.

GAMBAR 1.19



Johor Bahru
- Hartanah yang Diperoleh Melalui Pelepasan
Lot Kuota Perumahan Bumiputera
(24.11.2016)

GAMBAR 1.20



Johor Bahru
- Kerosakan Mozek Lantai
(24.11.2016)

Maklum Balas Bahagian Perumahan SUKJ Bertarikh 8 Mac 2017

Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya unit in-kind yang diterima sebagai ganti bayaran balik secara tunai diperiksa oleh pihak teknikal Bahagian Perumahan SUKJ dan melaporkan kerosakan terlibat untuk diperbaiki di bawah tanggungan pemaju serta diserahkan kepada Kerajaan dalam keadaan baik.

Pada pendapat Audit, pengurusan hartaanah yang diperoleh daripada pemaju perumahan melalui pelepasan lot kuota perumahan Bumiputera adalah kurang memuaskan kerana hartaanah masih belum diperiksa oleh Bahagian Perumahan SUKJ dan belum diserahkan kepada agensi/syarikat kerajaan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

1.5.6.2. Keadaan Hartanah Yang Kurang Memuaskan

Sebuah syarikat telah diluluskan pelepasan kuota Bumiputera bagi 13 projek perumahan pada tahun 2013. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menerima secara *in-kind* 54 unit rumah kediaman di Pangsapuri Seri Mengkuang pada harga RM125,000 seunit dengan nilai keseluruhan berjumlah RM6.75 juta. Projek perumahan ini telah diduduki oleh pembeli persendirian sejak tahun 2009. Perjanjian jual beli antara SSI dan pemaju telah ditandatangani pada 1 Februari 2016. Berdasarkan semakan fail, kesemua 54 unit yang ditawarkan kepada Kerajaan Negeri berada di tingkat 3 dan 4 yang melibatkan empat buah blok

bangunan berbeza. Lawatan Audit pada 24 November 2016 mendapati keadaan rumah tersebut adalah kurang memuaskan kerana terbiar, kotor, wayar kabel dicuri, terdapat kesan kebocoran atap dan resapan air pada dinding. Temu bual Audit dengan pegawai SUKJ Perumahan memaklumkan masih belum membuat pemeriksaan lanjut terhadap rumah yang diterima. Lokasi rumah yang kurang strategik dan berada di bangunan berbeza akan menyukarkan pengurusan penyenggaraan rumah pada masa akan datang seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.21



Blok C6, Pangsapuri Seri Mengkuang
Gelang Patah
- Unit Rumah yang Ditawarkan kepada
Kerajaan Negeri
(24.11.2016)

GAMBAR 1.22



Blok C1, Pangsapuri Seri Mengkuang
Gelang Patah
- Unit Rumah yang Ditawarkan kepada
Kerajaan Negeri
(24.11.2016)

GAMBAR 1.23



Pangsapuri Seri Mengkuang Gelang Patah
- Keadaan Rumah yang Terbiar dan Telah
Diceroboh
(24.11.2016)

GAMBAR 1.24



Pangsapuri Seri Mengkuang Gelang Patah
- Kesan Kebocoran Siling dan Resapan Air
Pada Dinding Rumah
(24.11.2016)

Pada pendapat Audit, pengurusan harta tanah yang diperoleh melalui pelepasan kuota perumahan Bumiputera adalah kurang memuaskan kerana rumah yang ditawarkan kepada Kerajaan Negeri adalah terbiar dan memerlukan penyenggaraan di samping lokasi yang kurang strategik.

1.5.7. Pengurusan Hartanah yang Diperoleh Daripada Projek Penswastaan

1.5.7.1. Tunggakan *In-Kind* Projek Penswastaan

Laporan Audit pada tahun 2010 telah membangkitkan tujuh projek penswastaan masih belum menyerahkan balasan *in-kind* kepada Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap lapan fail projek penswastaan mendapati sehingga Ogos 2016,

sebanyak tiga projek penswastaan masih belum menyelesaikan pulangan kepada Kerajaan Negeri melibatkan nilai pulangan *in-kind* berjumlah RM15.40 juta dan tunai berjumlah RM3.98 juta seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.13
SENARAI PROJEK PENSWASTAAN YANG MEMPUNYAI
TUNGGAKAN *IN-KIND* KEPADA KERAJAAN NEGERI SEHINGGA 31 DISEMBER 2016**

BIL.	NAMA PROJEK	NAMA SYARIKAT	TAHUN PERJANJIAN	<i>IN-KIND/CASH YANG BELUM DIJELASKAN</i>
1.	Pembangunan Projek Pembangunan Kompleks Membeli Belah di Atas Lot 3363 Jalan Yahya Awal Larkin, Johor Bahru	Zeus Development (Johor) Sdn. Bhd.	1995	6 daripada 9 tingkat menara pejabat bernilai RM7.13 juta
2.	Projek Penswastaan Pembangunan Perumahan dan Perniagaan di Mukim Jabi dan Mukim Buluh Kasap, Segamat	Landas Pesona (J) Sdn. Bhd.	18.10.2006	<ul style="list-style-type: none"> Dewan Serbaguna bernilai RM460,000 Taska bernilai RM200,500
3.	Projek Pembangunan Perumahan Secara Penswastaan di Atas PTD 12565 Mukim Ulu Benut, Simpang Renggam, Kluang	Tanjung Sakti Sdn. Bhd.	17.03.2003	<ul style="list-style-type: none"> Jambatan, Masjid, Balairaya, Tadika, Medan Selera dan pengindahan sungai bernilai RM7.61 juta Tunggakan tunai RM3.98 juta

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

Maklum Balas Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor Bertarikh 8 Mac 2017

Bagi Projek Pembangunan Kompleks Membeli Belah di Atas Lot 3363 Jalan Yahya Awal Larkin, Johor Bahru, pada 27 November 2016, UPENJ telah mengambil tindakan menghantar status kemajuan projek ini kepada pihak Kerajaan Negeri dan menunggu arahan lanjut dari pihak Kerajaan Negeri.

Bagi Projek Penswastaan Pembangunan Perumahan dan Perniagaan di Mukim Jabi dan Mukim Buluh Kasap Segamat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 8 Februari 2017 telah memutuskan agar pemaju membina Dewan Muafakat Johor bernilai RM500,000 di Taman Utama Segamat dan tadika di Taman Tasik Sejati bernilai RM200,500.

Bagi Projek Pembangunan Perumahan Secara Penswastaan di Atas PTD 12565 Mukim Ulu Benut Simpang Renggam, Kluang, pada 24 Oktober 2016 UPENJ telah menghantar draf notis untuk semakan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor (PUUNJ) bagi meremidi pemaju atas kemungkiran perjanjian.

Pada pendapat Audit, pengurusan harta tanah yang diperoleh melalui projek penswastaan adalah kurang memuaskan kerana pulangan *in-kind* bernilai RM15.40 juta masih belum diperoleh walaupun perjanjian telah ditandatangani sejak tahun 1995.

1.5.7.2. Hak Milik Belum Didaftarkan

- a. Laporan Audit pada tahun 2012 telah melaporkan mengenai 11 unit kedai pejabat di Jalan Yahya Awal dan Larkin Perdana belum dipindah milik kepada SSI. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2016, hak milik bagi bangunan tersebut masih belum didaftarkan atas nama SSI seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.25



Larkin Perdana, Johor Bahru
- Hak Milik Belum Didaftarkan Bagi Hartanah
Milik SSI
(29.11.2016)

GAMBAR 1.26



Jalan Yahya Awal
- Hak Milik Belum Didaftarkan Bagi
Hartanah Milik SSI
(29.11.2016)

- b. Selain itu, sebanyak 541 unit pelbagai jenis harta tanah yang telah siap dibina dan diduduki antara tahun 2001 hingga 2016 juga belum mempunyai dokumen hak milik yang berdaftar atas nama SSI. Pihak UPEN menjelaskan harta tanah belum didaftarkan hak milik atas nama SSI kerana projek belum dimuktamadkan. Oleh itu, SSI tidak dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang menduduki harta tanah sekiranya terdapat kesalahan kerana harta tanah belum didaftarkan hak milik atas nama SSI.

Maklum Balas Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor Bertarikh 8 Mac 2017

Proses pindah milik adalah di bawah tanggung jawab pemaju dan masih belum selesai.

Pada pendapat Audit, pengurusan harta tanah yang diperoleh melalui projek penswastaan adalah kurang memuaskan kerana 552 hak milik pelbagai jenis harta tanah yang telah siap dibina dan diduduki antara tahun 2001 hingga 2016 masih belum didaftarkan hak milik kepada SSI.

1.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, disyorkan supaya Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) mempertimbangkan perkara seperti berikut:

- 1.6.1. memastikan kutipan hasil dari segi tunggakan pulangan *in-kind* dan tunai; unit komersial yang belum dijual; hasil pajakan yang belum diterima; tunggakan pulangan sewa; tunggakan sewa beli RAKR dapat dikutip dan diselesaikan dalam tempoh sewajarnya;
- 1.6.2. menyelesaikan pendaftaran hak milik harta tanah yang diperoleh sama ada melalui projek penswastaan dan pelepasan lot kuota perumahan Bumiputera di samping penyelesaian Notis 5A bagi tanah yang telah diluluskan kepada SSI;
- 1.6.3. memuktamadkan semua perjanjian yang berkaitan dengan pajakan, sewa beli dan penyewaan bagi tujuan mendapatkan kutipan hasil yang sewajarnya;
- 1.6.4. mengkaji tindakan perundangan yang bersesuaian terhadap pemaju dan syarikat yang gagal menyelesaikan tunggakan balasan tunai, *in-kind*, pajakan dan sewaan;
- 1.6.5. mengkaji semula pulangan untuk pelepasan kuota perumahan bumiputera supaya setiap pelepasan dipulangkan dalam bentuk balasan tunai sahaja;
- 1.6.6. memantau prestasi penyewaan harta tanah yang diuruskan oleh agensi/anak syarikat Kerajaan supaya lot komersial tersebut tidak terbiar di samping memberikan pulangan pendapatan kepada SSI; dan
- 1.6.7. memperkuuhkan perbadanan dan struktur organisasi SSI dengan melantik Ahli Lembaga Pengarah yang berkelayakan di samping mewujudkan bahagian yang bersesuaian seperti bahagian teknikal, kewangan dan penguatkuasaan bagi menguruskan harta tanah SSI dengan lebih profesional.

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

2. PENGURUSAN PROJEK LADANG HUTAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Penubuhan Projek Ladang Hutan (PLH) merupakan salah satu pelan bersepadu strategi pengurusan sumber hutan. PLH dilaksanakan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) terosot yang mempunyai pokok hutan berdiameter 30cm ke atas dengan berat tidak melebihi 153 meter padu sehektar. Antara fungsi dan matlamat PLH adalah untuk menghutankan semula kawasan hutan terosot tanpa melibatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri. Selain itu, PLH bertujuan menampung bekalan kayu supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber kayu dari hutan asli dan menyokong pertumbuhan serta kelangsungan industri perabot dengan menggalakkan pengusaha menjalankan perladangan hutan secara mapan dengan skala yang ekonomik.

2.1.2. Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) telah diberi tanggungjawab terhadap pelaksanaan PLH dan dipantau oleh sebuah Jawatankuasa Teknikal yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Sejak tahun 1999 hingga 2007, seramai sepuluh pengusaha telah dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan PLH bagi tempoh antara 30 hingga 60 tahun. PLH telah dilaksanakan dalam kawasan HSK, Cadangan Hutan Simpan Kekal (CHSK) dan tanah Kerajaan yang meliputi kawasan seluas 73,888.80 hektar. Semua pengusaha hanya dibenarkan menanam tanaman hutan seperti pokok getah balak (*Timber Latex Clone* atau TLC) dan pokok akasia serta lain-lain pokok hutan yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri. Butiran lengkap pengusaha ladang hutan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.1
SENARAI PENGUSAHA DAN MAKLUMAT KAWASAN PLH**

BIL.	PENGUSAHA	LOKASI LADANG HUTAN	PERJANJIAN (TAHUN)	TEMPOH PERJANJIAN (TAHUN)	LUAS KAWASAN (HEKTAR)
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH JPNJ					
1.	ASB 491446-T	HSK Ulu Sedili, Kota Tinggi & Mersing	2002	60	35,223.47
2.	HSSB 40326-W	HSK Semberong, Mersing	2007	60+30	2,024.00
3.	SSB 455820-P	HSK Semberong, Mersing	2007	60+30	2,024.00
4.	JWSB 461145-D	CHSK Labis Tambahan, Mersing	2007	60+30	1,784.70
JUMLAH					41,056.17

BIL.	PENGUSAHA	LOKASI LADANG HUTAN	PERJANJIAN (TAHUN)	TEMPOH PERJANJIAN (TAHUN)	LUAS KAWASAN (HEKTAR)
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH UPENJ DI BAWAH PERJANJIAN KONSESI					
5.	STSB 223329-P *	HSK Sermin, Segamat	2001	30	1,296.00
6.	MISB 266619-H	HSK Sermin, Segamat	2001	30	1,304.00
7.	GISB 318308-D	HSK Sermin Tambahan, Segamat	2001	30	1,738.16
JUMLAH					4,338.16
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH UPENJ DI BAWAH PROGRAM LADANG HUTAN TEROSOT					
8.	Badan Berkanun Negeri 1	CHSK Kluang Tambahan, Kota Tinggi HSK Gemerih, Segamat CHSK Chemplak, Segamat CHSK Pogoh, Segamat CHSK Air Hitam, Muar CHSK Air Hitam Utara Tambahan, Muar CHSK Jorak, Muar CHSK Maokil Tambahan, Muar	2008	30+30	9,419.79
9.	Badan Berkanun Negeri 2	HSK Seluyut, Kota Tinggi HSK Mersing Tambahan, Mersing CHSK Punggai, Kota Tinggi CHSK Ulu Sedili Tambahan, Kota Tinggi & Mersing CHSK Pantai Timur, Kota Tinggi CHSK Sedili Kecil, Kota Tinggi	2009	30+30	12,616.58
10.	Badan Berkanun Negeri 3	CHSK Labis Tambahan, Mersing HSK Jemaluang Tambahan, Mersing HSK Gunung Arong Tambahan, Mersing & Kluang Bukit Lanjut, Segamat	2009	30+30	6,458.10
JUMLAH					28,494.47
JUMLAH KESELURUHAN					73,888.80

Sumber: JPNJ

Nota: * - Telah Diganti Dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) Pada Tahun 2010

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pengurusan PLH telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta menepati matlamat penubuhan ladang hutan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi proses selepas perjanjian ditandatangani dengan pengusaha sehingga pembangunan PLH yang dilaksanakan oleh JPNJ dan UPENJ dari tahun 2001 hingga tahun 2016. Skop pengauditan tidak meliputi proses pelantikan pengusaha kerana dokumen berkaitan tidak diperoleh. Pengauditan telah dilaksanakan di JPNJ, Pejabat Hutan Daerah Johor Utara, UPENJ dan semua pengusaha PLH yang telah dilantik.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah melalui semakan dokumen dan rekod terdiri daripada cabutan minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK), perjanjian, fail induk pengusaha dan laporan prestasi PLH. Selain itu, semakan juga dilakukan terhadap laporan pungutan hasil yang diperoleh daripada JPNJ, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan pengusaha terlibat. Pihak Audit juga melakukan lawatan dan pemeriksaan fizikal ke ladang hutan yang dipilih berdasarkan kepada daerah yang terlibat seperti Segamat, Mersing, Kluang dan Kota Tinggi bersama pegawai dari JPNJ dan pegawai hutan daerah untuk melihat kemajuan PLH. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai bertanggungjawab di UPENJ dan JPNJ serta pengusaha juga dilakukan bagi mendapatkan pengesahan dan ulasan mereka. Analisis terhadap laporan yang diperoleh juga dibuat untuk menilai sejauh mana kemajuan dan perkembangan PLH berbanding sasaran yang ditetapkan. Pengesahan telah diperoleh daripada pengusaha terlibat untuk mengesahkan pembayaran dan lain-lain implikasi kewangan yang terlibat.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dilaksanakan antara bulan Ogos hingga November 2016 mendapati secara keseluruhannya, Penubuhan Projek Ladang Hutan (PLH) oleh UPENJ adalah tidak memuaskan kerana tiada pemantauan dan penyeliaan secara khusus terhadap kemajuan projek menyebabkan berlaku kekurangan kutipan hasil kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM42.80 juta. Bagaimanapun, pengurusan PLH oleh JPNJ adalah memuaskan kerana pemantauan telah dilaksanakan oleh JPNJ dan pengusaha telah mematuhi syarat perjanjian melainkan HSSB 40326-W yang tidak menjelaskan Permit Penggunaan dan wang amanah yang berjumlah RM0.39 juta. Pengauditan yang dilaksanakan mendapati beberapa perkara yang bertentangan dengan syarat perjanjian seperti berikut:

- i. setelah pengukuran halus dibuat hanya 58,030.54 hektar atau 78.5% yang boleh diusahakan dan masih terdapat 11,262.71 hektar atau 19.4% daripada 58,030.54 hektar masih belum diusaha hasil walaupun perjanjian telah lama ditandatangani;

- ii. enam pengusaha masih belum membayar Permit Penggunaan berjumlah RM3.35 juta;
- iii. dua pengusaha tidak membayar *tapping right* berjumlah RM37.82 juta untuk tanaman kelapa sawit dan getah;
- iv. dua pengusaha terkurang/tidak membayar hak penggunaan berjumlah RM1.92 juta;
- v. empat pengusaha telah diberi kebenaran menanam kelapa sawit melibatkan keluasan antara 26.7% hingga 95.3% daripada keluasan kawasan yang diusaha hasil; dan
- vi. tiada klausa khusus mengenai kaedah bayaran dan tahun mula bayaran bagi kawasan yang selain daripada hutan simpan kekal (HSK) iaitu tanah yang masih berstatus Cadangan HSK (CHSK) dan tanah Kerajaan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas JPNJ dan UPENJ telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 6 Februari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Fizikal PLH

Kerajaan Negeri telah memberi kelulusan kepada sepuluh pengusaha bagi mengusahakan PLH dengan keluasan hutan berjumlah 73,888.80 hektar bermula dari tahun 2001 hingga 2009. Sehingga bulan Disember 2016 seluas 46,767.83 hektar (63.3%) telah diusahakan, 11,262.71 hektar (15.2%) belum diusahakan dan seluas 15,858.26 (21.5%) hektar tidak boleh diusahakan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

2.5.1.1. Keluasan Kawasan yang Diluluskan Tidak Tepat


Berdasarkan pengukuran halus yang dibuat oleh pengusaha melalui juruukur berlesen yang dilantik, hanya 58,030.54 hektar (78.5%) yang boleh diusahakan berbanding kawasan yang telah diluluskan dalam perjanjian seluas 73,888.80 hektar. Ini adalah kerana baki berjumlah 15,858.26 hektar atau 21.5% adalah merupakan kawasan yang telah diberi hak milik, kawasan tадahan air, rizab hidupan liar dan *Central Forest Spine* seperti di **Jadual 2.2** dan **Gambar 2.1** serta **Gambar 2.2**. Pihak Audit dimaklumkan, perubahan keluasan disebabkan oleh kelulusan dibuat berdasarkan kepada pelan kawasan sedia ada dan setelah pengukuran sempadan secara halus dibuat terdapat beberapa pertindihan kelulusan lain. Kesan daripada perbezaan keluasan menyebabkan pengusaha memohon penggantian kawasan dan seterusnya melewatkannya proses pembukaan PLH. Selain itu, ia juga menyebabkan lebih banyak bayaran oleh pengusaha.

JADUAL 2.2
KELUASAN KAWASAN YANG DILULUSKAN TIDAK TEPAT

BIL.	PENGUSAHA	LADANG	LUAS KAWASAN (HEKTAR)				
			PERJANJIAN	UKUR HALUS	BEZA		
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH JPNJ							
PERJANJIAN 2002							
1.	ASB 491446-T	HSK Ulu Sedili, Kota Tinggi & Mersing	35,223.47	35,223.47	0		
PERJANJIAN 2007							
2.	HSSB 40326-W	HSK Semberong, Mersing	2,024.00	2,024.00	0		
3.	SSB 455820-P	HSK Semberong, Mersing	2,024.00	2,024.00	0		
4.	JWSB 461145-D	CHSK Labis Tambahan, Mersing	1,784.70	1,624.00	160.70		
JUMLAH			41,056.17	40,895.47	160.70		
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH UPENJ DI BAWAH PERJANJIAN KONSESI							
PERJANJIAN 2001							
5.	STSB 223329-P	HSK Tambahan Sermin, Segamat	1,296.00	1,296.00	0		
6.	MISB 266619-H	HSK Tambahan Sermin, Segamat	1,304.00	927.00	377.00		
7.	GISB 318308-D	HSK Tambahan Sermin, Segamat	1,738.16	1,178.00	560.16		
JUMLAH			4,338.16	3,401.00	937.16		
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH UPENJ DI BAWAH PROGRAM LADANG HUTAN TEROSOT							
PERJANJIAN 2008							
8.	Badan Berkanun Negeri 1	CHSK Kluang Tambahan, Kota Tinggi HSK Gemerih, Segamat CHSK Chemplak, Segamat CHSK Pogoh, Segamat CHSK Air Hitam, Muar CHSK Air Hitam Utara Tambahan, Muar CHSK Jorak, Muar CHSK Maokil Tambahan, Muar	9,419.79	7,399.71	2,020.08		
PERJANJIAN 2009							
9.	Badan Berkanun Negeri 2	HSK Mersing Tambahan, Mersing	12,616.58	937.45	11,679.13		
10.	Badan Berkanun Negeri 3	CHSK Labis Tambahan, Mersing HSK Jemaluang Tambahan, Mersing HSK Gunung Arong Tambahan, Mersing & Kluang Bukit Lanjut, Segamat	6,458.10	5,396.91	1,061.19		
JUMLAH			28,494.47	13,734.07	14,760.40		
JUMLAH KESELURUHAN			73,888.80	58,030.54	15,858.26		


Sumber: JPNJ dan UPENJ

GAMBAR 2.1



CHSK Kluang Tambahan, Kota Tinggi
- Kawasan PLH yang Telah Berhak Milik
Setelah Pengukuran Halus Dibuat
(04.10.2016)

GAMBAR 2.2



HSK Sermin Tambahan, Segamat
- Kawasan PLH yang Telah Diberi Hak Milik
Kepada Orang Asli
(29.08.2016)

Pada pendapat Audit, keluasan kawasan yang diluluskan adalah kurang memuaskan kerana terdapat perbezaan keluasan yang ketara setelah pengukuran halus dibuat iaitu hanya 15,858.26 hektar (78.5%) sahaja yang boleh diusahakan berbanding seluas 73,888.80 hektar seperti yang diluluskan dalam perjanjian.

2.5.1.2. Kawasan Belum Diusahakan

a. Keluasan kawasan yang boleh diusaha hasilkan selepas pengukuran halus adalah berjumlah 58,030.54 hektar. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati 11,262.71 hektar atau 19.4% masih belum diusaha hasil walaupun perjanjian telah ditandatangani seawal tahun 2007 hingga 2009 seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.3

KELUASAN KAWASAN YANG DILULUSKAN BERBANDING YANG BELUM DIUSAHA HASIL

BIL.	PENGUSAHA	LADANG	HEKTAR	LUAS KAWASAN						
				DIUSAHA HASIL		BELUM DIUSAHA HASIL				
				(HEKTAR)	(%)	(HEKTAR)	(%)			
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH JPNJ										
PERJANJIAN 2002										
1.	ASB 491446-T	HSK Ulu Sedili, Kota Tinggi & Mersing	35,223.47	35,223.47	100	-	-			
PERJANJIAN 2007										
2.	HSSB 40326-W	HSK Semberong, Mersing	2,024.00	800.48	39.5	1,223.52	60.5			
3.	SSB 455820-P	HSK Semberong, Mersing	2,024.00	1,310.11	64.7	713.89	35.3			
4.	JWSB 461145-D	CHSK Labis Tambahan, Mersing	1,624.00	1,228.40	75.6	395.60	24.4			
JUMLAH			40,895.47	38,562.46	94.3	2,333.01	5.7			
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH UPENJ DI BAWAH PERJANJIAN KONSESI										
PERJANJIAN 2001										
5.	STSB 223329-P	HSK Tambahan Sermin, Segamat	1,296.00	1,296.00	100	-	-			
6.	MISB 266619-H	HSK Tambahan Sermin, Segamat	927.00	927.00	100	-	-			
7.	GISB 318308-D	HSK Tambahan Sermin, Segamat	1,178.00	1,178.00	100	-	-			
JUMLAH			3,401.00	3,401.00	100					
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH UPENJ DI BAWAH PROGRAM LADANG HUTAN TEROSOT										
PERJANJIAN 2008										
8.	Badan Berkanun Negeri 1	CHSK Kluang Tambahan, Kota Tinggi HSK Gemerih, Segamat CHSK Chempak, Segamat CHSK Pogoh, Segamat CHSK Air Hitam, Muar CHSK Air Hitam Utara Tambahan, Muar CHSK Jorak, Muar CHSK Maokil Tambahan, Muar	7,399.71	2,766.66	37.4	4,633.05	62.6			

BIL.	PENGUSAHA	LADANG	LUAS KAWASAN				
			HEKTAR	DIUSAHA HASIL		BELUM DIUSAHA HASIL	
				(HEKTAR)	(%)	(HEKTAR)	(%)
PERJANJIAN 2009							
9.	Badan Berkanun Negeri 2	HSK Mersing Tambahan, Mersing	937.45	937.45	100	-	-
10.	Badan Berkanun Negeri 3	CHSK Labis Tambahan, Mersing HSK Jemaluang Tambahan, Mersing HSK Gunung Arong Tambahan, Mersing & Kluang Bukit Lanjut, Segamat	5,396.91	1,100.26	20.4	4,296.65	79.6
JUMLAH			13,734.07	4,804.37	35.0	8,929.70	65.0
JUMLAH KESELURUHAN			58,030.54	46,767.83	80.6	11,262.71	19.4

Sumber: JPNJ dan UPENJ

b. **Jadual 2.3** menunjukkan tiga pengusaha yang mempunyai keluasan kawasan yang belum diusaha hasilkan melebihi 1,000 hektar iaitu HSSB 40326-W (HSSB), Badan Berkanun Negeri 1 dan Badan Berkanun Negeri 3. Ini adalah kerana tempoh pengukuran halus keluasan kawasan mengambil masa yang panjang di samping proses pengusahasilan dijalankan secara berperingkat. Pihak Audit dimaklumkan faktor utama yang menyebabkan kelewatan kawasan yang di usaha hasil adalah kerana pengusaha perlu melantik juruukur berlesen bagi menjalankan kerja parameter bagi setiap kawasan yang diluluskan, kelewatan penanaman TLC oleh pengusaha terhadap blok yang telah diusaha hasil dan kelewatan penyediaan *Environmental Management Plans*. Kesan daripada kelewatan pengusahasilan tersebut menyebabkan Kerajaan Negeri tidak mendapat pulangan hasil sehingga kini.

Maklum Balas UPENJ yang Diterima Pada 7 Mac 2017

Kertas kerja mengenai hala tuju Pembangunan Projek Ladang Terosot di Negeri Johor pada tahun 2015 telah memutuskan kawasan HSK yang belum diusaha hasil dikeluarkan daripada PLH. JPNJ telah diminta bagi membatalkan permohonan lesen dan permit bagi pengeluaran kayu balak dalam kawasan HSK yang belum usaha. UPENJ telah mengesyorkan agar disediakan perjanjian tambahan berkaitan keputusan tersebut dan ia dalam peringkat perbincangan bersama peguam Kerajaan sebelum dimuktamadkan.

Pada pendapat Audit, keluasan kawasan yang belum diusaha hasil adalah kurang memuaskan kerana seluas 11,262.71 hektar (19.4%) daripada

58,030.54 hektar masih belum diusahakan sejak tahun 2007 hingga kini. Keadaan ini boleh menyebabkan matlamat Kerajaan Negeri bagi menampung bekalan kayu industri perabot tempatan terjejas.

2.5.1.3. Kawasan yang Belum Ditanam TLC

- Keseluruhan keluasan kawasan yang telah diusaha hasil oleh sepuluh pengusaha adalah berjumlah 46,767.83 hektar. Semakan Audit mendapati tiga pengusaha dengan keluasan berjumlah 493.44 hektar atau 32.2% daripada 1,532.52 hektar yang telah diusaha hasil masih belum ditanam dengan TLC seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.4
KAWASAN YANG TELAH DIUSAHA HASIL TETAPI BELUM DITANAM DENGAN TLC**

BIL.	PENGUSAHA	LADANG	DIUSAHA HASIL (HEKTAR)	TELAH DITANAM (HEKTAR)	BELUM DITANAM		TIDAK BOLEH USAHA (HEKTAR)
					(HEKTAR)	(%)	
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH JPNJ							
1.	JWSB 461145-D	CHSK Labis, Mersing	1,228.40	820.20	86.90	9.6	321.30
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH UPENJ DI BAWAH PROGRAM LADANG HUTAN TEROSOT							
2.	Badan Berkanun Negeri 1	CHSK Kluang Tambahan, Kota Tinggi	358.28	39.88	318.40	88.9	-
3.	Badan Berkanun Negeri 3	HSK Jemaluang Tambahan, Mersing	375.26	179.00	88.14	33.0	108.12
JUMLAH			1,961.94	1,039.08	493.44	32.2	429.42

Sumber: JPNJ

- Pengesahan yang diperoleh daripada JPNJ, menjelaskan kawasan tersebut telah selesai diusaha hasil sejak Disember 2013 tetapi sehingga kini masih lagi belum melaksanakan proses penanaman TLC seperti di **Gambar 2.3** hingga **Gambar 2.5**. Berdasarkan maklumat daripada pengusaha PLH, tanaman TLC tidak dapat dibuat disebabkan hasil yang diterima daripada aktiviti pengusaha hasilan yang dilaksanakan ke atas kawasan yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung kos tanaman. JPNJ juga memaklumkan kelewatan kerja penanaman TLC di kawasan yang telah di usaha hasil disebabkan kewangan tidak mencukupi, kekurangan anak benih yang sesuai untuk penanaman dan keadaan cuaca yang tidak menentu (kurang hujan).

GAMBAR 2.3



Ladang Badan Berkanun Negeri 3
- Kawasan yang Telah Diusaha Hasil Tidak Ditanam
Dengan TLC
(05.10.2016)

GAMBAR 2.4



Ladang Badan Berkanun Negeri 1
- Kawasan yang Telah Diusaha Hasil Tidak Ditanam
Dengan TLC
(04.10.2016)



GAMBAR 2.5

Ladang Badan Berkanun Negeri 1
- Kawasan yang Telah Diteres Tetapi Belum
Ditanam TLC
(04.10.2016)

Pada pendapat Audit, penanaman TLC di kawasan yang telah diusaha hasil adalah memuaskan kerana hanya 493.44 hektar (1.1%) kawasan yang belum ditanam TLC berbanding keseluruhan kawasan yang telah diusaha hasil iaitu 46,767.83 hektar.

2.5.2. Kutipan Hasil

Pengusaha PLH dikehendaki memberi imbuhan atau pulangan kepada Kerajaan Negeri mengikut jumlah dan kaedah yang telah ditetapkan seperti mana yang dipersetujui dalam perjanjian yang ditandatangani. Antara bayaran yang perlu dijelaskan oleh pengusaha adalah seperti bayaran premium, royalti dan ses bagi mengeluarkan hasil kayu dari hutan yang diusaha hasil (tebang) dan bayaran Permit Penggunaan bagi kawasan yang telah ditanam atau bayaran *tapping right* bagi bilangan pokok yang ditanam. Kawasan yang boleh diusahakan adalah merujuk kepada kawasan yang boleh ditanam dengan TLC atau pokok akasia. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

2.5.2.1. Permit Penggunaan Tidak Dibayar

Seksyen 33 Enakmen Perhutanan Negara 1985, Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan aktiviti dilakukan di dalam HSK melalui pembayaran Permit

Penggunaan. Permit penggunaan akan dikenakan berdasarkan kawasan yang diusahakan atau ditanam dengan kadar RM100 sehektar setahun.

a. Projek Ladang Hutan HSSB 40326-W (HSSB)

Mengikut Klausula 3.2. Perjanjian Permit Penggunaan Untuk Membangunkan Ladang Hutan bagi HSSB, sewa bagi Permit Penggunaan berjumlah RM100 bagi setiap hektar perlu dibayar setiap tahun dan permit hendaklah dibayar mengikut keluasan kawasan yang diusahakan/ditanam. Semakan Audit mendapati HSSB tidak membuat bayaran Permit Penggunaan kepada JPNJ semenjak tahun 2008 hingga 2016 di mana **berdasarkan kiraan Audit anggaran hasil yang tidak dikutip adalah berjumlah RM288,949** seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.5
ANGGARAN BAYARAN PERMIT PENGGUNAAN
YANG TIDAK DIKUTIP SEHINGGA TAHUN 2008 HINGGA 2016**

PENGUSAHA	TAHUN	KAWASAN TANAMAN* (HEKTAR)	ANGGARAN JUMLAH PERLU DIBAYAR (RM)
HSSB 40326-W	2008 - 2014	244.61	171,227
	2015 - 2016	588.61	117,722
JUMLAH			288,949

Sumber: JPNJ

Nota: * - Keluasan Kawasan tanaman disahkan oleh JPNJ

b. Projek Ladang Hutan MISB 266619-H (MISB) dan GISB 318308-D (GISB)

Mengikut Klausula 5.01(xv) Perjanjian konsesi antara Kerajaan Negeri dengan MISB dan GISB menyatakan pengusaha perlu mendapatkan persetujuan, kebenaran atau permit daripada JPNJ bagi membolehkan penanaman TLC dilaksanakan di kawasan yang telah diusaha hasil. Semakan Audit mendapati MISB dan GISB tidak membayar Permit Penggunaan walaupun kawasan tersebut telah mula ditanam pada tahun 2005. Berdasarkan **kiraan Audit, anggaran hasil yang tidak dikutip adalah berjumlah RM2.52 juta** seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.6
ANGGARAN PERMIT PENGGUNAAN YANG
PERLU DIJELASKAN OLEH MISB DAN GISB SEHINGGA TAHUN 2016**

PENGUSAHA	LUAS KAWASAN TANAMAN (HEKTAR)	TAHUN TANAMAN	ANGGARAN BAYARAN TAHUNAN (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (2005-2016) (RM Juta)
MISB	927.00	2005	92,700	1.11
GISB	1,178.00	2005	117,800	1.41
JUMLAH			210,500	2.52

Sumber: JPNJ dan UPENJ

c. Projek Ladang Hutan Badan Berkanun Negeri 1 (BBN 1), Badan Berkanun Negeri 2 (BBN 2) dan Badan Berkanun Negeri 3 (BBN 3)

Klausula 7.3 Perjanjian Hak Penggunaan Antara Kerajaan Negeri dengan BBN 1, BBN 2 dan BBN 3 menetapkan Permit Penggunaan dikenakan bagi kawasan yang boleh usaha. Bayaran Permit Penggunaan mula dikenakan pada tahun keempat hingga ketujuh dengan kadar 25% daripada RM100 sehektar dan 50% bagi tahun kelapan hingga ke 20. Semakan Audit mendapati BBN 1, BBN 2 dan BBN 3 tidak membuat pembayaran Permit Penggunaan kepada Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 dan 2009. Berdasarkan **kiraan Audit sehingga tahun 2016, bayaran yang belum dijelaskan berdasarkan perjanjian adalah berjumlah RM0.54 juta** seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.7

**ANGGARAN BAYARAN PERMIT PENGGUNAAN YANG PERLU DIJELASKAN OLEH
BADAN BERKANUN NEGERI KEPADA KERAJAAN NEGERI SEHINGGA TAHUN 2016**

BIL.	PENGUSAHA/ TAHUN PERJANJIAN	TAHUN	KADAR BAYARAN PERHEKTAR (RM)	KAWASAN TANAMAN (HEKTAR)	JUMLAH (RM)		
1.	Badan Berkanun Negeri 1 2008	4 hingga 7 (2011-2014)	25	1,503.97	150,397		
		8 hingga 20 (2015-2016)	50		150,397		
JUMLAH					300,794		
2.	Badan Berkanun Negeri 2 2009	4 hingga 7 (2012-2015)	25	705.00	70,500		
		8 hingga 20 (2016)	50		35,250		
JUMLAH					105,750		
3.	Badan Berkanun Negeri 3 2009	4 hingga 7 (2012-2015)	25	904.00	90,400		
		8 hingga 20 (2016)	50		45,200		
JUMLAH					135,600		
JUMLAH KESELURUHAN					542,144		

Sumber: JPNJ dan UPENJ

Nota: Tahun Pertama Dikira dari Tahun Perjanjian Ditandatangani

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan Permit Penggunaan adalah tidak memuaskan kerana sejumlah RM3.35 juta tunggakan hasil yang masih belum dibayar oleh pengusaha kepada Kerajaan Negeri dan JPNJ.

2.5.2.2. Tunggakan *Tapping Right*

a. Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC)

STSB adalah pengusaha yang diberi kelulusan asal pada tahun 1999 oleh Kerajaan Negeri untuk mengusahakan PLH di HSK Sermin, Segamat. Bagaimanapun, perjanjian ini telah dibatalkan kerana STSB telah melanggar syarat perjanjian dengan melakukan tanaman kelapa sawit melebihi keluasan yang dibenarkan dan melakukan pemindahan ekuiti kepada pihak

ketiga tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Bagi menggantikan STSB, Kerajaan Negeri pada tahun 2010 telah menandatangani perjanjian dengan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC). Klaus 6.4 kepada Perjanjian tersebut menyatakan GLC perlu membayar pungutan hasil pertanian (*tapping right*) tanaman getah kepada Kerajaan Negeri dengan kiraan 250 batang pokok seekar dengan kadar antara RM10 hingga RM20 sepokok mengikut tahun kitar penanaman (*cycle*). GLC juga dikehendaki membayar pungutan hasil pertanian (*tapping right*) bagi tanaman kelapa sawit dengan kiraan 50 batang pokok seekar dengan kadar antara RM10 hingga RM20 sepokok mengikut tahun kitaran tanaman. Persetujuan bagi tahun permulaan untuk membayar *tapping right* juga telah dibuat iaitu bermula pada tahun 2008. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. pembayaran *tapping right* untuk tanaman getah dan kelapa sawit tidak dijelaskan oleh pengusaha. **Anggaran hasil yang belum diterima berdasarkan perjanjian bermula dari tahun 2008 hingga 2016 adalah berjumlah RM7.95 juta bagi tanaman getah dan RM20.33 juta bagi tanaman kelapa sawit; dan**
- ii. wujud perbezaan kawasan seluas 30.16 ekar bagi tanaman getah dan seluas 250.48 ekar bagi tanaman kelapa sawit antara perjanjian dengan maklumat JPNJ. Pengiraan keluasan kawasan tanaman getah di perjanjian adalah seluas 212 ekar berbanding dengan pengiraan JPNJ seluas 242.16 ekar manakala bagi tanaman kelapa sawit seluas 2,710 ekar berbanding dengan pengiraan JPNJ iaitu seluas 2,960.48 ekar. Berdasarkan perbezaan yang wujud, jumlah yang perlu dikutip ialah RM9.08 juta bagi tanaman getah dan RM22.20 juta bagi tanaman kelapa sawit. Butiran lengkap anggaran kutipan hasil bagi tanaman getah adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.8
ANGGARAN BAYARAN *TAPPING RIGHT* TANAMAN
GETAH DAN KELAPA SAWIT YANG TIDAK DIJELASKAN
OLEH GLC BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2016**

KITAR PENANAMAN (TAHUN)	KADAR (RM)	ANGGARAN BAYARAN TAHUNAN		ANGGARAN KESELURUHAN		JUMLAH PERBEZAAN (RM Juta)
		PERJANJIAN	AUDIT	PERJANJIAN (RM Juta)	AUDIT (RM Juta)	
JENIS TANAMAN GETAH						
1 hingga 3 (2008-2010)	10	RM10x250x212 =RM530,000	RM10x250x242.16 =RM605,400	1.59	1.82	0.23
4 hingga 10 (2011-2016)	20	RM20x250x212 =RM1,060,000	RM20x250x242.16 =RM1,210,800	6.36	7.26	0.90
JUMLAH				7.95	9.08	1.13

KITAR PENANAMAN (TAHUN)	KADAR (RM)	ANGGARAN BAYARAN TAHUNAN		ANGGARAN KESELURUHAN		JUMLAH PERBEZAAN (RM Juta)
		PERJANJIAN	AUDIT	PERJANJIAN (RM Juta)	AUDIT (RM Juta)	
JENIS TANAMAN KELAPA SAWIT						
1 hingga 3 (2008-2010)	10	RM10x50x2,710 =RM1,355,000	RM10x50x2,960.48 =RM1,480,240	4.07	4.44	0.37
4 hingga 10 (2011-2016)	20	RM20x50x2,710 RM2,710,000	RM20x50x2,960.48 RM2,960,480	16.26	17.76	1.50
JUMLAH				20.33	22.20	1.87

Sumber: JPNJ dan UPENJ

b. GISB 318308-D (GISB)

Penstrukturkan semula pulangan tunai PLH kepada Kerajaan Negeri bagi GISB telah dibuat pada tahun 2012. Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya pengusaha dikenakan bayaran kerana telah melanggar syarat perjanjian iaitu menanam kelapa sawit melebihi keluasan yang dibenarkan. Kadar bayaran *tapping right* adalah berjumlah RM10 sepokok dengan anggaran 50 pokok seekar yang mula dibayar selepas tahun kelima selepas kelapa sawit mula ditanam iaitu bermula pada tahun 2008. Bayaran tersebut akan diserahkan kepada Yayasan Anak Yatim Ledang dan badan/pertubuhan lain. Bagaimanapun, **semakan Audit mendapati tiada sebarang bayaran yang dibuat oleh GISB berjumlah RM9.54 juta seperti di jadual berikut:**

JADUAL 2.9
ANGGARAN BAYARAN TAPPING RIGHT KELAPA SAWIT
YANG TIDAK DIJELASKAN OLEH GISB BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2016

TAHUN	KADAR TAPPING RIGHT (RM)	LEBIHAN KAWASAN TANAMAN (EKAR)	BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN SETAHUN (RM Juta)	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)
1Hingga 3 (2008-2010)	10	1,274.91@ 50 pokok	0.64	1.92
4 Hingga10 (2011-2016)	20		1.27	7.62
JUMLAH			1.91	9.54

Sumber: UPENJ

Maklum Balas UPENJ yang Diterima Pada 7 Mac 2017

UPENJ telah mengadakan perbincangan bersama pihak pengusaha MBSB, GISB, JPNJ dan peguam Kerajaan pada 23 Februari 2017 dan 2 Mac 2017 berkaitan struktur pulangan kepada Kerajaan yang wajar dibayar berdasarkan kutipan bayaran fi komitmen. Pengusaha terlibat telah menyatakan persetujuan secara lisan untuk membayar tunggakan tersebut. UPENJ juga akan mengeluarkan surat peringatan tunggakan bayaran dalam masa terdekat dengan mengambil kira pandangan daripada peguam Kerajaan yang dilantik.

c. Terkurang Nyata Kadar *Tapping Right* Tanaman Getah

Kadar *tapping right* tanaman getah yang telah dipersetujui merujuk kepada keputusan Kerajaan Negeri pada tahun 2008 adalah RM10 bagi tahun pertama hingga ketiga, RM20 bagi tahun keempat hingga ke sepuluh dan RM10 bagi tahun ke 11 hingga seterusnya. Manakala kadar yang ditetapkan bagi getah mengikut Pekeliling Pejabat Tanah dan Galian (PTG) adalah antara RM10 hingga RM20 sepokok/setahun berdasarkan jenis, usia dan lokasi tanaman. Semakan Audit mendapati kadar yang dinyatakan di dalam Klausula 6 Perjanjian Hak Memungut Hasil Pertanian dan Penggunaan Tanah di antara Kerajaan Negeri dengan GLC adalah sebanyak RM5 hingga RM20 sepokok bagi tanaman getah seperti di **Jadual 2.10**. Kadar ini adalah lebih rendah daripada kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan PTG menyebabkan Kerajaan terkurang kutipan hasil berjumlah RM4.74 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.10
PERBANDINGAN KADAR TAPPING RIGHT GETAH
BERDASARKAN PEKELILING PTG, KELULUSAN KERAJAAN NEGERI DAN PERJANJIAN

JENIS TANAMAN	PEKELILING		MMK BIL.1325/2008		PERJANJIAN	
	TAHUN TANAMAN	KADAR SEPOKOK (RM)	TAHUN TANAMAN	KADAR SEPOKOK (RM)	TAHUN TANAMAN	KADAR SEPOKOK (RM)
Getah (Projek A)	Setahun	10-20	1-3	10	Tidak dikenakan bayaran sehingga tahun ke 6	
			4-10	20	7-10	5
			11 & seterusnya	10	11-15	10
					16-21	Tanaman semula (bayaran dikecualikan)
					22-25	5
					26-30	10
Getah (Projek B)	Setahun	10-20	1-3	10	1-3	10
			4-10	20	4-10	20
			11 & seterusnya	10	11-15	10
					16-21	Tanaman semula (bayaran dikecualikan)
					22-25	5
					26-30	10

Sumber: UPENJ

JADUAL 2.11
ANGGARAN KURANGAN BAYARAN TAPPING RIGHT
BERDASARKAN PERJANJIAN BAGI TAHUN 2008 HINGGA TAHUN 2016

TAHUN	PERBEZAAN KADAR TAPPING RIGHT (RM)	KAWASAN TANAMAN (EKAR)	BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN SETAHUN (RM Juta)	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)
Projek A				
2008-2013	10		0.45	2.70
2014-2016	15	181@ 250 pokok*	0.68	2.04
JUMLAH			1.13	4.74

Sumber: UPENJ

Nota: * - Kiraan batang pokok berdasarkan Perjanjian dengan kiraan 250 batang pokok sekar

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan *tapping right* adalah tidak memuaskan kerana terdapat tunggakan yang masih belum dikutip daripada pengusaha PLH berjumlah RM37.82 juta. Selain itu, perjanjian yang ditandatangani juga telah terkurang nyata kadar *tapping right* berbanding dengan kadar yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan Pekeliling PTG menyebabkan Kerajaan terkurang kutipan hasil berjumlah RM4.74 juta.

2.5.2.3. Pembayaran Hak Penggunaan

a. Badan Berkanun Negeri 1 (BBN 1), Badan Berkanun Negeri 2 (BBN 2) dan Badan Berkanun Negeri 3 (BBN 3)

Klaus 2 Perjanjian Hak Penggunaan Antara Kerajaan Negeri dengan BBN 1, BBN 2 dan BBN 3 menghendaki pengusaha membayar hak penggunaan kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM50,000 bagi setiap 1,000 ekar kawasan yang boleh usaha dan perlu dijelaskan dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh perjanjian ditandatangani. **Semakan Audit mendapati BBN1 telah terkurang bayar berjumlah RM0.86 juta kepada Kerajaan Negeri** manakala BBN 2 dan BBN 3 masing-masing telah terlebih bayar berjumlah RM2.72 juta dan RM0.08 juta. Pengiraan dan jumlah bayaran tersebut dibuat berdasarkan kawasan yang boleh usaha setelah pengukuran halus dilaksanakan. Butiran lengkap bayaran hak penggunaan yang telah dijelaskan oleh BBN 1, BBN 2 dan BBN 3 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.12
BAYARAN HAK PENGGUNAAN OLEH
BADAN BERKANUN NEGERI KEPADA KERAJAAN NEGERI

BIL.	PENGUSAHA	TARIKH PERJANJIAN	KAWASAN BOLEH USAHA (EKAR)	JUMLAH PERLU DIBAYAR (RM)	JUMLAH TELAH DIBAYAR (RM)	JUMLAH TERLEBIH/ (TERKURANG) BAYAR (RM Juta)
1.	Badan Berkanun Negeri 1	15.09.2008	18,284.68	914,234	50,000	(0.86)
2.	Badan Berkanun Negeri 2	13.01.2009	2,316.44	115,822	2,840,110	2.72
3.	Badan Berkanun Negeri 3	21.04.2009	13,335.76	666,788	750,000	0.08

Sumber: JPNJ dan UPENJ

b. Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC)

Berdasarkan Klaus 4.4. Perjanjian Hak Memungut Hasil Pertanian dan Penggunaan Tanah di antara Kerajaan Negeri dengan GLC menyatakan Kerajaan Negeri melantik GLC bagi membantu Kerajaan Negeri mendapatkan bayaran daripada pengusaha PLH (STSB dan pihak ketiga) berjumlah RM1.06 juta dan perlu diselesaikan dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh perjanjian ditandatangani atau dalam jangka masa yang dibenarkan oleh UPENJ. Semakan Audit mendapati **GLC tidak**

menjelaskan bayaran berjumlah RM1.06 juta kepada Kerajaan Negeri sehingga ke tarikh pengauditan.

Maklum Balas UPENJ yang Diterima Pada 7 Mac 2017

UPENJ telah mengadakan perbincangan pada 2 Mac 2017 bersama GLC, JPNJ dan peguam Kerajaan, GLC telah bersetuju secara lisan bagi menjelaskan tunggakan bayaran berjumlah RM1.06 juta secara berfasa dalam tempoh empat kali bermula dari bulan Jun hingga September 2017.

Pada pendapat Audit, pembayaran hak penggunaan kepada Kerajaan Negeri adalah kurang memuaskan kerana sejumlah RM1.92 juta masih belum dikutip daripada pengusaha walaupun perjanjian telah lama ditandatangani iaitu seawal tahun 2008.

2.5.2.4. Wang Amanah Terkurang Kutip

Klausma 3.1. Perjanjian Permit Penggunaan Untuk Membangunkan Ladang Hutan bagi HSSB menghendaki wang amanah berjumlah RM500,000 perlu dijelaskan secara keseluruhannya mengikut keluasan kawasan yang telah diusahakan iaitu pada kadar RM100 untuk setiap ekar. Berdasarkan maklumat JPNJ, HSSB telah membuka dua blok untuk diusaha hasil di mana blok 1 seluas 983.53 ekar dan blok 2 seluas 1,000.53 ekar. Semakan Audit mendapati wang amanah yang telah dijelaskan kepada JPNJ hanya berjumlah RM100,000 berbanding kawasan yang telah diberi kebenaran untuk diusaha hasil iaitu seluas 1,984.06 ekar menyebabkan terkurang kutip berjumlah RM98,406.

Maklum Balas JPNJ Bertarikh 29 Disember 2016

JPNJ akan membuat tuntutan bayaran tertunggak mulai tahun 2008 hingga 2017 berdasarkan kiraan ke atas kawasan yang dimajukan sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian. JPNJ juga akan membuat tuntutan bayaran wang amanah sebanyak RM98,406 daripada HSSB dan perkara ini akan dipanjangkan kepada Mesyuarat Lembaga Tawaran Membalak/Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor.

Pada pendapat Audit, pengurusan wang amanah di JPNJ adalah kurang memuaskan kerana sejumlah RM98,406 masih belum dikutip daripada HSSB berbanding jumlah keseluruhan kawasan yang diusaha hasil seluas 1,984.06 ekar.

2.5.2.5. Kegagalan pihak UPENJ dan JPNJ mengutip hasil yang tidak dijelaskan oleh pengusaha adalah berpunca daripada kelemahan pemantauan dan perjanjian di mana tiada klausa khusus dalam perjanjian yang menyatakan denda atau tindakan yang boleh dikenakan terhadap pengusaha sekiranya pembayaran permit dan hak penggunaan, *tapping right* serta wang amanah tidak dijelaskan.

2.5.3. Pemantauan Projek Ladang Hutan

PLH perlu diuruskan dengan cekap dan berkesan agar matlamat projek dapat dicapai. Terdapat beberapa kelemahan daripada segi pengurusan PLH yang boleh diperbaiki. Antara kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

2.5.3.1. Nisbah Tanaman Kelapa Sawit yang Tinggi

Konsep sebenar penubuhan PLH adalah untuk menyokong pertumbuhan pembangunan industri kayu dan perabot serta mengurangkan kebergantungan kepada sumber kayu dari hutan asli. Semakan Audit mendapati empat pengusaha telah diberi kebenaran oleh Kerajaan Negeri untuk menukar tanaman TLC kepada tanaman kelapa sawit. Bagaimanapun, daripada empat pengusaha tersebut dua daripadanya telah membuat tanaman kelapa sawit lebih daripada keluasan yang dibenarkan antara 515.95 hingga 712.45 hektar. Pihak Audit mendapati keluasan tanaman kelapa sawit bagi empat pengusaha tersebut adalah antara 26.7% hingga 95.3% daripada kawasan yang diluluskan untuk tanaman TLC seperti di **Jadual 2.13**. Antara tujuan kelulusan penanaman kelapa sawit oleh Kerajaan Negeri adalah bagi membantu menjana aliran tunai pengusaha dalam mengusahakan PLH. Oleh itu, ianya tidak bertepatan dengan objektif sebenar penubuhan PLH.

**JADUAL 2.13
KELUASAN KAWASAN TANAMAN
KELAPA SAWIT BERBANDING KESELURUHAN KAWASAN PLH**

BIL.	PENGUSAHA	KELUASAN KESELURUHAN (HEKTAR) (A)	LUAS KELULUSAN ASAL YANG DIBERI OLEH KERAJAAN NEGERI (HEKTAR) (B)	LUAS KELAPA SAWIT DITANAM (HEKTAR) (C)	LEBIHAN TANAMAN BERBANDING KELULUSAN (HEKTAR) (C-B)	PERATUS (%) (C/A)
1.	STSB 223329-P	1,296.09	485.64	1,198.09	712.45	92.4
2.	MISB 266619-H	927.00	404.00	404.00	-	43.6
3.	GISB 318308-D	1,178.00	607.05	1,123.00	515.95	95.3
4.	ASB 491446-T	35,223.47	35,223.47	9,415.00	-	26.7

Sumber: JPNJ dan UPENJ

Pada pendapat Audit, nisbah tanaman kelapa sawit berbanding tanaman TLC adalah kurang memuaskan kerana jumlah keluasan tanaman kelapa

sawit telah meliputi 26.7% hingga 95.3% dari kawasan yang diluluskan untuk tanaman TLC.

2.5.3.2. Kelemahan Dalam Perjanjian Projek

a. Tiada Kenaan Bayaran Terhadap Penggunaan Kawasan PLH Sebelum Tempoh Matang

- i. Mengikut Klausula 13.03 Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Negeri dengan MISB dan GISB, pengusaha hanya perlu membayar kepada Kerajaan Negeri sebanyak 15% daripada hasil jualan kasar kayu yang ditebang. Semakan Audit mendapati tiada klausula khusus menyatakan sebarang bentuk bayaran yang perlu dikenakan kepada pengusaha sebaik sahaja tanaman TLC ditanam sehingga ditebang.
- ii. Perjanjian JWSB 461145-D (JWSB) dengan JPNJ dan BBN 1, BBN 2 dan BBN 3 dengan Kerajaan Negeri pula hanya menetapkan bayaran Permit Penggunaan ke atas HSK kepada pengusaha atas kawasan yang ditanam dengan TLC. Semakan Audit mendapati tiada klausula khusus mengenai kaedah bayaran bagi kawasan yang selain daripada HSK iaitu tanah yang masih berstatus CHSK dan tanah Kerajaan.
- iii. Pihak Audit menganggarkan sekiranya ada ketetapan dalam perjanjian untuk dikenakan bayaran bagi penggunaan tanah selain daripada HSK sama ada dalam bentuk sewaan atau Lesen Pendudukan Sementara, hasil yang dijangka diperoleh pada setiap tahun adalah berjumlah RM1.01 juta seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.14
ANGGARAN BAYARAN PERMIT PENGGUNAAN
BAGI KAWASAN HUTAN YANG MASIH BERSTATUS TANAH KERAJAAN DAN CHSK**

BIL.	PENGUSAHA	LUAS KAWASAN		ANGGARAN HASIL SETAHUN (RM)
		CHSK (HEKTAR)	TANAH KERAJAAN (HEKTAR)	
1.	JWSB 461145-D	1,228.40*	-	122,840
2.	Badan Berkanun Negeri 1	7,641.27	118.47	775,974
3.	Badan Berkanun Negeri 3	1,067.65	29.44	109,709
JUMLAH		9,937.32	147.91	1,008,523#

Sumber: UPENJ dan JPNJ

Nota: * - Kawasan yang Telah Ditanam Dengan TLC

- Kiraan dibuat berdasarkan kadar RM100 sehektar setahun (Kadar Permit Penggunaan)

b. Tahun Mula Dikenakan Bayaran Tidak Jelas

Semakan Audit terhadap perjanjian yang dilaksanakan oleh UPENJ mendapati tahun mula bayaran tidak dinyatakan secara jelas di dalam perjanjian menyebabkan kekeliruan kepada pengusaha untuk menjelaskan

bayaran. Perkara tersebut telah memberi kesan kepada Kerajaan Negeri dari tempoh mula untuk mengutip hasil bayaran sama ada dari mula tempoh tanaman atau dari tempoh mula pengusahahasilan.

Maklum Balas UPENJ yang Diterima Pada 7 Mac 2017

Jawatankuasa Teknikal PLH dan Penasihat Undang-undang Kerajaan akan dirujuk berkaitan tafsiran Tahun Pertama yang terkandung dalam perjanjian dan akan mengguna pakai terma tersebut dalam perjanjian tambahan yang akan disediakan kelak. Sehubungan itu, satu surat kepada pihak peguam Kerajaan yang dilantik akan dikemukakan bagi mendapatkan ulasan berhubung perkara tersebut.

Pada pendapat Audit, penyediaan perjanjian PLH adalah kurang memuaskan kerana tiada terma khusus berkaitan dengan kadar bayaran dalam bentuk sewaan/ Permit Penggunaan atau lesen pendudukan sementara bagi kawasan yang diusaha hasil dan tempoh mula dikenakan bayaran tidak dinyatakan secara jelas.

2.5.3.3. Pembinaan Bangunan Kekal di Dalam Hutan Simpan Kekal

Seksyen 34 Enakmen Perhutanan Negara 1985, menetapkan Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan pendudukan atau perjalanan aktiviti bagi penyelidikan, pelajaran, rekreasi, penggunaan sumber air, penanaman sayuran, penubuhan loji penukaran dan penubuhan infrastruktur pembalakan dalam HSK dengan mengeluarkan Permit Penggunaan. Manual Perhutanan Jilid II Perenggan 2.3.2. menyatakan kelulusan untuk menduduki atau menjalankan aktiviti selain daripada yang dinyatakan di Seksyen 34 Enakmen Perhutanan Negara 1985 hendaklah memperoleh kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Menurut Klaus 5.01 b (ii) Perjanjian Konsesi Kerajaan Negeri antara MISB dan GISB, pengusaha tidak dibenarkan membina bangunan kekal melainkan dengan mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. MISB dan GISB telah membina bangunan kekal seperti pejabat, stor simpanan dan rumah kakitangan dalam kawasan PLH di HSK Tambahan Sermin, Segamat tanpa kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.6



Ladang GISB
- Bangunan Pejabat Dalam HSK
(29.08.2016)

GAMBAR 2.7



Ladang GISB
- Karters Kediaman Untuk Kakitangan Pejabat
(29.08.2016)

GAMBAR 2.8



Ladang GISB
- Rumah Kongsi Untuk Pekerja Ladang
(29.08.2016)

GAMBAR 2.9



Ladang MISB
- Karters Kediaman Untuk Kakitangan Pejabat
(29.08.2016)



GAMBAR 2.10

Ladang MISB
Rumah Kongsi Untuk Pekerja Ladang
(29.08.2016)

- b. Terdapat bangunan kekal dibina bagi menempatkan barang keperluan untuk PLH oleh pengusaha JWSB dalam kawasan CHSK Labis Tambahan, Mersing tanpa kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri seperti di gambar berikut:



GAMBAR 2.11

Ladang JWSB
Pembinaan Stor Bagi Menyimpan Barang
(29.08.2016)

- c. HSSB telah membina bangunan kekal dalam kawasan PLH di HSK Semberong, Mersing bagi kediaman pekerja ladang, pejabat dan stor penyimpanan barang seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.12



Ladang HSSB
- Stor Penyimpanan Barang
(28.08.2016)

GAMBAR 2.13



Ladang HSSB
- Bangunan Pejabat Dalam HSK
(28.08.2016)

Maklum Balas JPNJ Bertarikh 29 Disember 2016

JPNJ akan meneliti perjanjian yang ada di antara Pengusaha dengan Kerajaan Johor melalui UPENJ. Sekiranya terdapat klausa berkenaan dengan pembayaran Permit Penggunaan di atas pembinaan tersebut, JPNJ akan membuat kutipan berdasarkan keluasan dan back log selepas ianya diwarta sebagai HSK. JPNJ ada menerima permohonan daripada HSSB dan telah mengambil maklum terhadap keperluan pembinaan infra dengan merujuk kepada Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja Tahun 1990 (Akta 446) bagi menjamin kualiti dan kesejahteraan masyarakat ladang pihak majikan perlu menyediakan kemudahan asas seperti Perumahan Estet, Bekalan Air Awam/Sendiri, Kemudahan Jalan Berturap dan Tidak Berturap, Tempat Ibadat serta lain-lain kemudahan yang diperlukan. JPNJ juga akan menyediakan kertas kerja untuk pertimbangan Lembaga Tawaran Membalak Negeri Johor bagi pertimbangan dan kelulusan Permit Penggunaan terhadap infra yang dibina serta akan merujuk perkara ini kepada Pentadbir Tanah Mersing berhubung kaedah kutipan hasil yang bersesuaian.

Pada pendapat Audit, pembinaan bangunan dalam kawasan HSK adalah kurang memuaskan kerana belum dan tidak mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan PLH telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta menepati matlamat penubuhan ladang hutan pihak UPENJ dan JPNJ perlu bekerjasama dalam proses pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kelemahan yang dibangkitkan serta dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap syor seperti berikut:

- 2.6.1. UPENJ dan JPNJ perlu mengutip semula jumlah hasil yang tertunggak daripada pengusaha yang terlibat;
- 2.6.2. UPENJ dan JPNJ perlu mempertimbangkan tindakan yang tegas daripada segi perundangan terhadap pengusaha yang tegar dalam menjelaskan sebarang tunggakan hasil kepada Kerajaan Negeri;
- 2.6.3. UPENJ dan JPNJ perlu menyelaras satu sistem bersepadan bagi memantau dan menyelia setiap PLH dari segi penguatkuasaan dan kutipan hasil;
- 2.6.4. UPENJ perlu meneliti semula semua perjanjian yang telah ditandatangani untuk tindakan pembetulan dan pembaharuan dengan merujuk kepada Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri dan jabatan teknikal yang berkaitan; dan
- 2.6.5. UPENJ perlu memperkemaskan fungsi dan peranan Jawatankuasa Teknikal supaya hala tuju industri kayu di Negeri Johor dapat dipertingkatkan selaras dengan konsep penubuhan PLH.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI JOHOR

3. PENGURUSAN BANTUAN AM

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor (JKM) bertanggungjawab memberi perlindungan, pemulihan dan membangunkan kumpulan sasar atau masyarakat melalui perubahan sikap serta peningkatan keupayaan untuk berdikari. Salah satu program yang dilaksanakan oleh JKM dalam mencapai hasrat tersebut adalah program Bantuan Am. Program ini yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Johor adalah bertujuan seperti berikut:

- a. penyaraan pendapatan keluarga bagi memenuhi keperluan asas kehidupan;
- b. menggalakkan kumpulan sasar yang masih produktif supaya minat bekerja dan berdikari; dan
- c. meningkatkan taraf kehidupan kumpulan sasar agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna.

3.1.2. Kumpulan sasaran bagi penerimaan Bantuan Am adalah individu berpendapatan bulanan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 sebulan, Orang Kurang Upaya (OKU) yang berkeperluan, Orang Terdampar, Orang Papa dan kes wanita, gadis, keluarga yang berkeperluan dan tidak berkemampuan.

3.1.3. Kadar semasa Bantuan Am yang diterima bagi setiap penerima adalah RM150 setiap bulan. Kadar tersebut telah diluluskan semasa pembentangan Bajet Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2012 dan dikuatkuasakan mulai Januari 2012. Bagi tahun 2014 hingga 2016, JKM telah menerima peruntukan kewangan sejumlah RM28.10 juta dan sejumlah RM29.14 juta telah dibelanjakan. Selain itu, seramai 5,669 orang telah menerima bantuan ini sehingga bulan Disember 2016.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan pengurusan Bantuan Am telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan tertumpu kepada aspek kawalan peruntukan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian terhadap pengurusan Bantuan Am bagi tahun 2014 hingga Julai 2016.

Selain daripada pengauditan di JKM Negeri (Ibu Pejabat), pengauditan turut diadakan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kota Tinggi, Segamat dan Pontian.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan fail berkaitan permohonan, siasatan, kelulusan, penerimaan bantuan dan bayaran serta dokumen lain yang berkaitan. Lawatan ke rumah penerima bantuan dan temu bual juga dibuat untuk meninjau dan melihat situasi sebenar penerima Bantuan Am tersebut serta temu bual dengan pegawai JKM. Pihak Audit juga mendapatkan khidmat Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Johor bagi mengesahkan status kewujudan penerima bantuan. Selain itu, analisis maklumat permohonan dan kelulusan Bantuan Am dilakukan bagi menentukan tempoh kelulusan mematuhi prosedur ditetapkan.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2016 mendapati Pengurusan Bantuan Am di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor telah dilaksanakan dengan memuaskan dalam urusan pentadbiran iaitu semua permohonan disiasat untuk menentukan kelulusan bantuan diberi kepada golongan sasar yang layak. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- i. berlaku lebihan bayaran berbanding peruntukan melibatkan sejumlah RM1.04 juta pada tahun 2014 hingga 2016;
- ii. permohonan baru diluluskan melebihi tempoh dua minggu dari tarikh permohonan diterima dan kelulusan permohonan baru dan kajian semula oleh pegawai yang tidak diberi kuasa;
- iii. wang tunai bantuan berjumlah RM85,050 lewat diagihkan antara satu hari hingga 35 hari kepada penerima, bantuan tunai tidak disempurnakan dalam tempoh 21 hari dan bayaran bantuan kepada penerima meninggal dunia lewat dihentikan; dan
- iv. tiada proses kerja yang didokumenkan bagi penggunaan Sistem e-Bantuan dan kelemahan *link* antara sistem e-bantuan dengan sistem myIDENTITY.

Perkara yang ditemui dan maklum balas JKM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* yang telah diadakan pada 13 Februari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

3.5.1. Prestasi Perbelanjaan

3.5.1.1. Setiap tahun peruntukan dan perbelanjaan serta penerima Bantuan Am menunjukkan trend peningkatan. JKM Negeri Johor bagi tahun 2014 hingga 2016 telah memperuntukkan sejumlah RM28.10 juta bagi bayaran Bantuan Am dan sejumlah RM29.14 juta telah dibelanjakan. Selain itu, penerima bantuan telah meningkat sebanyak 323 orang atau 6.15% pada tahun 2016 berbanding tahun 2014. Butiran peruntukan, perbelanjaan dan penerima Bantuan Am bagi tempoh 2014 hingga 2016 seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.1
PERUNTUKAN, PERBELANJAAN DAN PENERIMA
BANTUAN AM BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN		PERBELANJAAN SEBENAR		LEBIHAN BAYARAN (RM Juta)
	ANGGARAN BILANGAN PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	JUMLAH (RM Juta)	
2014	4,943	8.90	5,256	9.35	0.45
2015	5,333	9.60	5,553	9.74	0.14
2016	5,333	9.60	5,699	10.05	0.45
JUMLAH		28.10		29.14	1.04

Sumber:JKM

3.5.1.2. Pada tahun 2014 hingga 2016 berlaku lebihan bayaran berbanding peruntukan melibatkan sejumlah RM1.04 juta. Lebihan bayaran berlaku disebabkan peningkatan bilangan penerima setiap tahun dan JKM tidak dapat menetapkan unjuran yang tepat bagi menentukan jumlah penerima bantuan setiap tahun. Ketiadaan kawalan perbelanjaan daripada peruntukan yang diterima menyebabkan berlaku lebihan bayaran pemberian bantuan tersebut.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan Bantuan Am adalah kurang memuaskan kerana berlaku lebihan bayaran berbanding peruntukan bagi tahun 2014 hingga 2016.

3.5.2. Pengurusan Permohonan Baru dan Kajian Semula Bantuan Am

Mengikut Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bil. 4 tahun 2008 (Panduan Pelaksanaan Penambahbaikan Pengurusan Bantuan Kebajikan), permohonan bantuan perlu disiasat segera bagi menentukan kelayakan penerima bantuan. Keseluruhan proses permohonan, siasatan, kelulusan dan pembayaran bantuan hendaklah tidak melebihi tempoh dua minggu daripada tarikh permohonan diterima. Selain itu, bagi memastikan penerima masih layak menerima bantuan, kajian semula perlu dilakukan ke atas penerima tersebut. Kajian tersebut perlu dijalankan dalam tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh setahun kelulusan

bantuan. Semakan Audit terhadap fail permohonan baru dan kajian semula Bantuan Am mendapatkan seperti berikut:

3.5.2.1. Kelewatan Meluluskan Permohonan Baru

- Sebanyak 1,151 permohonan baru Bantuan Am telah didaftarkan pada tahun 2014 hingga 2016 di JKMD Kota Tinggi, Pontian dan Segamat. Semakan Audit terhadap 280 (24.3%) fail individu penerima Bantuan Am mendapatkan permohonan baru diluluskan melebihi tempoh dua minggu dari tarikh permohonan diterima seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.2
TEMPOH KELULUSAN PERMOHONAN
BARU BANTUAN AM BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

DAERAH	PERMOHONAN BARU	FAIL PERMOHONAN BARU DISEMAK	TEMPOH KELULUSAN			PERATUS FAIL LEWAT DILULUSKAN (%)	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
			DALAM TEMPOH 2 MINGGU	MELEBIHI TEMPOH 2 MINGGU	TIDAK DAPAT DITENTUKAN*		
Kota Tinggi	64	52	39	13	-	25.0	1 - 30
Pontian	108	104	70	34	-	32.7	1 - 107
Segamat	979	124	14	102	8	82.3	3 - 273
JUMLAH	1,151	280	123	149	8	53.2	

Sumber: JKM

Nota: * - Tiada tarikh pada borang permohonan

- Berdasarkan **Jadual 3.2**, sebanyak 149 permohonan atau 53.2% daripada fail yang disemak di JKMD Kota Tinggi, Pontian dan Segamat diluluskan melebihi tempoh dua minggu daripada tarikh permohonan diterima. Kelewatan kelulusan adalah antara satu hingga 273 hari. Pihak Audit dimaklumkan kelewatan kelulusan bantuan am di daerah Segamat adalah disebabkan oleh bilangan permohonan baru yang tinggi dan kawasan pentadbiran yang luas.

3.5.2.2. Kelulusan Bantuan Baru dan Kajian Semula oleh Pegawai yang Tidak Diberi Kuasa

- Mengikut keputusan Kerajaan Negeri, mulai bulan November 2013 kuasa untuk meluluskan permohonan baru dan kajian semula Bantuan Am telah diturunkan daripada Pegawai Daerah kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD).
- Semakan Audit terhadap 280 fail individu penerima Bantuan Am yang diluluskan tahun 2014 hingga Julai 2016 oleh JKMD Kota Tinggi, Pontian dan Segamat mendapatkan sebanyak 169 (60.4%) permohonan baru berjumlah RM0.30 juta telah diluluskan oleh Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Gred S27 (PPKMD) seperti jadual berikut:

JADUAL 3.3
JUMLAH PENERIMA BANTUAN AM BARU
DILULUSKAN OLEH PEGAWAI TIDAK DIBERI KUASA

DAERAH	FAIL PERMOHONAN BARU DISEMAK	KELULUSAN OLEH PPKMD	PERATUS KELULUSAN OLEH PPKMD (%)
Kota Tinggi	52	49	94.2
Pontian	104	74	71.2
Segamat	124	46	37.1
JUMLAH	280	169	60.4

Sumber: JKM

- c. Selain itu, sebanyak 321 kelulusan kajian semula Bantuan Am berjumlah RM0.58 juta (69.3%) daripada 463 fail yang disemak diluluskan oleh PPKMD yang tidak diberi kuasa seperti jadual berikut:

JADUAL 3.4
JUMLAH KAJIAN SEMULA
DILULUSKAN OLEH PEGAWAI TIDAK DIBERI KUASA

DAERAH	JUMLAH FAIL DISEMAK	KELULUSAN OLEH PPKMD	PERATUS KELULUSAN KAJIAN SEMULA OLEH PPKMD (%)
Kota Tinggi	103	70	68.0
Pontian	207	141	68.1
Segamat	153	110	71.9
JUMLAH	463	321	69.3

Sumber: JKM

- d. Pihak Audit dimaklumkan, kebenaran meluluskan permohonan baru dan kajian semula oleh PPKMD mengambil kira Surat Pekeliling Ketua Pengarah JKM Bil. 3 tahun 2011 bertarikh 17 Jun 2011 yang membenarkan PPKMD meluluskan permohonan bantuan bulanan Persekutuan bagi tujuan mengelakkan kelewatan kelulusan.

Pada pendapat Audit, kebenaran tersebut adalah tidak meliputi peruntukan Bantuan Am daripada Kerajaan Negeri dan menyebabkan pembayaran berjumlah RM0.88 juta yang telah dibuat adalah tidak teratur dan sah.

3.5.3. Pengurusan Agihan Bantuan Am

Dua kaedah diguna oleh JKM dalam urusan agihan bantuan kepada penerima Bantuan Am sama ada dalam bentuk tunai atau melalui kemasukan ke akaun bank penerima. Semakan Audit untuk tiga daerah yang dipilih mendapati daerah Pontian dan Kota Tinggi telah membuat bayaran sepenuhnya melalui bank manakala JKM Daerah Segamat menggunakan kedua-dua kaedah pembayaran.

3.5.3.1. Bayaran Bantuan Am Secara Tunai Tidak Disempurnakan Dalam Tempoh 21 Hari

- a. Prosedur Kualiti JKM Utama 17 menyatakan pengagihan bantuan wang tunai mesti disempurnakan dalam tempoh 21 hari dari tarikh cek diterima.
- b. Semakan Audit terhadap 16 sampel baucar bayaran tunai di PKMD Segamat bagi bulan Januari 2014 hingga Julai 2016 mendapati wang tunai bantuan berjumlah RM85,050 lewat diagihkan antara satu hari hingga 35 hari. Mengikut penjelasan JKM, kelewatan pegawai mengagihkan wang bantuan disebabkan peningkatan bilangan penerima, kesukaran mengesan penerima bantuan kerana tidak menetap setempat khususnya golongan OKU dan Warga Emas. Selain itu, penerima tidak hadir ke kaunter pembayaran berpusat yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, tempoh bayaran bantuan tunai adalah kurang memuaskan kerana lewat diagihkan kepada penerima sehingga 35 hari menyebabkan kelewatan agihan kepada penerima bantuan daripada tempoh yang ditetapkan iaitu 21 hari.

3.5.3.2. Lebihan Wang Bantuan Am Secara Tunai Lewat Dikembalikan Kepada Perbendaharaan Negeri

- a. Arahan Perbendaharaan 96 menyatakan baki wang yang tidak dituntut hendaklah dipulangkan kepada Perbendaharaan dalam tempoh 21 hari dari tarikh ia diterima.
- b. Semakan Audit terhadap rekod pengembalian wang bantuan mulai bulan Januari 2014 hingga Julai 2016 di PKMD Segamat mendapati wang bantuan yang tidak dapat diagihkan berjumlah RM6,300. Semakan lanjut mendapati kesemua wang bantuan yang tidak dapat diagihkan lewat dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri di antara dua hingga 390 hari seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.5
LEBIHAN WANG BANTUAN LEWAT DIKEMBALIKAN KEPADA
PERBENDAHARAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA JULAI 2016**

BULAN	TARIKH TERIMA	JUMLAH TERIMA (RM)	JUMLAH AGIHAN (RM)	BAKI (RM)	TARIKH SEPATUTNYA PULANG	TARIKH PULANG	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
2014							
Januari	28.01.2014	5,250	4,950	300	18.02.2014		43
Februari	09.02.2014	600	450	150	02.03.2014	02.04.2014	31
	10.03.2014	4,800	4,500	300	31.03.2014		2
Mac	06.03.2014	600	450	150	27.03.2014	19.05.2014	53
	11.03.2014	900	750	150	01.04.2014		48
	09.04.2014	4,500	4,200	300	30.04.2014		20

BULAN	TARIKH TERIMA	JUMLAH TERIMA (RM)	JUMLAH AGIHAN (RM)	BAKI (RM)	TARIKH SEPATUTNYA PULANG	TARIKH PULANG	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
Jun	04.09.2014	750	450	300	25.09.2014	06.10.2014	12
	07.09.2014	450	300	150	28.09.2014		9
Julai	15.07.2014	600	450	150	05.08.2014	18.08.2014	14
	15.07.2014	450	300	150	05.08.2014		14
Ogos	07.09.2014	1,350	1,050	300	28.09.2014	06.10.2014	9
	04.09.2014	7,950	7,650	300	25.09.2014		12
Okttober	14.10.2014	7,950	7,800	150	04.11.2014	30.11.2014	27
2015							
Januari	03.03.2015	1,200	900	300	24.03.2015	15.12.2015	267
Februari	03.03.2015	8,100	7,800	300	24.03.2015		267
Mac	07.04.2015	600	450	150	28.04.2015		232
	08.04.2015	7,200	6,600	600	29.04.2015		231
April	28.04.2015	5,550	5,100	450	19.05.2015		211
Julai	08.07.2015	450	300	150	29.07.2015		140
Ogos	04.08.2015	600	450	150	25.08.2015		113
September	08.09.2015	600	450	150	29.09.2015		78
Okttober	26.10.2015	300	150	150	16.10.2015		390
November	04.11.2015	450	300	150	25.11.2015	08.11.2016	350
Disember	10.12.2015	1,050	750	300	31.12.2015		314
2016							
Januari	27.01.2016	300	150	150	17.02.2016	08.11.2016	266
Mac	30.03.2016	2,250	2,100	150	20.04.2016		203
April	05.04.2016	2,400	2,250	150	26.04.2016		196
Jun	19.06.2016	450	300	150	10.07.2016		144
JUMLAH		67,650	61,350	6,300			2 - 390

Sumber: PKMD Segamat

Nota: Kelewatan dikira selepas tempoh 21 hari tidak dituntut

Pada pendapat Audit, tempoh pengembalian wang tunai yang tidak dapat diagihkan kepada Perbendaharaan Negeri adalah tidak memuaskan kerana kelewatan pemulangan tunai sehingga 390 hari berbanding tempoh ditetapkan iaitu 21 hari dari tarikh bantuan diterima.

3.5.3.3. Wang Bantuan Tidak Diagihkan Pada Awal Bulan

- Prosedur Kualiti JKM Utama 17 bertarikh 1 Jun 2008 menyatakan pembayaran wang bantuan hendaklah dibuat pada setiap awal bulan semasa. Selain itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menetapkan mulai 1 September 2009, pembayaran bantuan hendaklah dibuat pada satu hari bulan setiap bulan. Bagi memastikan tarikh pembayaran tersebut dapat dicapai, JKM melalui Surat Pekeliling Bil. 4 Tahun 2008 bertarikh 11 Julai 2008 menjelaskan tarikh

penyediaan baucar bayaran adalah pada atau sebelum 17 hari bulan bagi penerimaan cek pada 25 haribulan bulan sebelum bayaran.

- b. Semakan Audit terhadap 500 baucar bayaran di PKMD Segamat bagi tahun 2014 hingga 2016 mendapati wang bantuan berjumlah RM4.17 juta melibatkan 2,728 (89.3%) daripada 3,055 bilangan bayaran lewat diagihkan/dibankkan antara satu hingga 108 hari. Bantuan berjumlah RM0.32 juta bagi 213 (36.8%) daripada 579 bilangan bayaran di PKMD Kota Tinggi pula lewat dibankkan antara satu hingga 56 hari melalui semakan terhadap 33 baucar bayaran. Selain itu, semakan terhadap 32 baucar bayaran di PKMD Pontian mendapati wang bantuan sejumlah RM0.29 juta bagi 29.1% atau 163 daripada 560 bilangan bayaran bantuan lewat dibankkan di antara satu hingga 26 hari. Jumlah yang terlibat bagi ketiga-tiga daerah mengikut tahun adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.6
WANG BANTUAN LEWAT DIAGIHKAN/DIBANKKAN KEPADA
PENERIMA BANTUAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA JULAI 2016

DAERAH	TAHUN	JUMLAH (RM Juta)	BIL. BAYARAN LEWAT DIAGIHKAN/ DIBANKKAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
Segamat	2014	1.57	870	1 - 108
	2015	1.73	960	1 - 67
	2016	0.87	898	1 - 44
	JUMLAH	4.17	2,728	
Kota Tinggi	2014	0.25	156	1 - 56
	2015	0.04	21	1 - 26
	2016	0.03	36	1 - 18
	JUMLAH	0.32	213	
Pontian	2014	0.25	137	1 - 18
	2015	0.03	12	1 - 14
	2016	0.01	14	1 - 26
	JUMLAH	0.29	163	

Sumber: Baucar Bayaran PKMD Segamat, Kota Tinggi dan Pontian

Nota: Kelewatan dikira dari hari ke-2 bulan bayaran

- c. Antara sebab pengagihan lewat dibuat ialah baucar bayaran lewat disediakan oleh PKMD dan seterusnya lewat dikemukakan kepada JKM Negeri. Semakan Audit terhadap Daftar Baucar Bayaran PKMD Segamat mendapati 447 (89.4%) daripada 500 baucar bagi tahun 2014 hingga 2016 lewat disediakan iaitu selepas 17 hari bulan pada bulan semasa untuk bayaran bulan berikutnya. Begitu juga bagi PKMD Kota Tinggi iaitu sebanyak 23 (69.7%) daripada 33 baucar dan PKMD Pontian sebanyak 23 (71.9%) daripada 32 baucar. Kelewatan penyediaan baucar bayaran oleh PKMD

menyebabkan pembayaran bantuan tidak dapat dilaksanakan pada 1 haribulan setiap bulan.

- d. Berdasarkan temu bual, kelewatan penyediaan baucar bayaran disebabkan JKM juga perlu membuat bayaran bagi sepuluh jenis bantuan lain yang memerlukan semakan teliti oleh penyedia dan kekurangan pegawai serta pertindihan tugas sekiranya berlaku bencana. Selain itu, kelewatan yang ketara pada tahun 2014 disebabkan peruntukan lewat diterima daripada Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, tempoh bayaran wang bantuan kepada penerima pada setiap awal bulan adalah tidak memuaskan kerana kelewatan bayaran sehingga 108 hari berbanding tarikh bayaran yang hendaklah dibuat pada 1hb setiap bulan.

3.5.3.4. Bayaran Bantuan Tidak Dihentikan Bagi Penerima yang Meninggal Dunia

- a. Bantuan sepatutnya hanya diberi kepada penerima yang layak dan masih hidup. Bagi memastikan bayaran tidak dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia, waris dikehendaki menandatangani Surat Akuan Waris yang berjanji akan melaporkan kepada JKM sekiranya berlaku kematian kepada penerima bantuan dan mengembalikan wang bantuan kepada JKM. Selain itu, bagi mengenal pasti status kematian penerima bantuan, pegawai JKM boleh membuat semakan dengan sistem myIDENTITY milik Jabatan Pendaftaran Negara yang dihubungkan dengan Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan V2.0 atau e-Bantuan.
- b. Hasil pengauditan terhadap 565 sampel baucar bayaran antara tahun 2014 hingga 2016 dan pengesahan daripada sistem myIDENTITY dalam e-Bantuan mendapati seramai 47 orang penerima Bantuan Am di PKMD Segamat dan masing-masing tiga orang di PKMD Kota Tinggi dan PKMD Pontian telah meninggal dunia. Daripada jumlah tersebut, 36 kes adalah melibatkan penerima bantuan melalui bank manakala 17 kes adalah bantuan secara tunai.
- c. Semakan lanjut mendapati enam orang penerima bantuan masih dibayar bantuan selepas kematian menyebabkan berlaku lebihan bayaran berjumlah RM2,700 seperti jadual berikut:

JADUAL 3.7
PENERIMA BANTUAN AM YANG TELAH MENINGGAL DUNIA
DAN MASIH MENERIMA BANTUAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA JULAI 2016

BIL.	NAMA	TARIKH KEMATIAN	BULAN TAMAT DALAM SISTEM e-BANTUAN	BULAN ELAUN MASIH DIBAYAR	JUMLAH (RM)
KOTA TINGGI					
1.	Thenmoli A/P Pereyasamy	24.07.2015	Oktober 2015	Ogos - September 2015	300
2.	P. Maniam A/L Perumal	18.11.2015	Ogos 2016	Disember 2015 - Julai 2016	1,050
PONTIAN					
3.	Rabita Binti Zainal Abidin	24.06.2016	Julai 2016	Julai 2016	150
4.	Sahat Bin Halil	24.04.2016	Mei 2016	Mei 2016	150
5.	Amir Bin Salamat	18.08.2014	Februari 2015	September 2014 - Februari 2015	900
SEGAMAT					
6.	Mohamad Bin Othman	22.12.2015	Disember 2015	Januari 2016	150
JUMLAH					2,700

Sumber: JKM

- d. Keadaan ini berlaku kerana waris lambat memaklumkan kepada JKM mengenai kematian penerima bantuan dan JKM bergantung kepada tempoh kaji semula serta lawatan ke rumah untuk mengesan kematian yang kadang kala melepas tempoh tiga bulan. Selain itu, pegawai penyiasat didapati tidak membuat semak silang dengan sistem myIDENTITY sebelum mengesahkan senarai penerima bantuan.

Maklum Balas JKM yang Diterima Pada 26 Februari 2017

JKM Negeri Johor memaklumkan telah menuntut semula daripada waris penerima bantuan yang telah meninggal dunia.

Pada pendapat Audit, semakan status kematian penerima bantuan dengan Sistem myIDENTITY tidak dilakukan pada setiap bulan sebelum pengesahan bayaran menyebabkan berlaku bayaran kepada penerima yang telah meninggal dunia.

3.5.3.5. Kelewatan Agihan Bantuan Am Baru

- a. Mengikut Panduan Pelaksanaan Penambahbaikan Pengurusan Bantuan Kebajikan bertarikh 11 Julai 2008, Bantuan Am baru hendaklah bermula dalam bulan yang sama selepas permohonan bantuan diluluskan.
- b. Semakan Audit terhadap 280 fail permohonan Bantuan Am baru di JKMD Kota Tinggi, Pontian dan Segamat mendapati 99.3% agihan bantuan tidak diberikan pada bulan yang sama dengan permohonan bantuan diluluskan.

Tarikh agihan bantuan bermula atau dibayar selepas kelulusan diberi adalah antara satu hingga empat bulan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.8
KELEWATAN AGIHAN BANTUAN BERMULA**

DAERAH	FAIL PERMOHONAN BARU DISEMAK	AGIHAN BERMULA		PERATUS BANTUAN BERMULA SELEPAS BULAN KELULUSAN (%)	TEMPOH KELEWATAN (BULAN)
		DALAM BULAN DILULUSKAN	SELEPAS BULAN DILULUSKAN		
Kota Tinggi	52	1	51	98.1	1-2
Pontian	104	-	104	100.0	1-2
Segamat	124	1	123	99.2	1-4
JUMLAH	280	2	278	99.3	

Sumber JKM

- c. Kelulusan bantuan bermula tidak diberikan pada bulan yang sama disebabkan sistem e-Bantuan telah menetapkan pemberian yang diluluskan akan dibayar pada bulan berikutnya. Ketepatan tempoh bayaran juga bergantung kepada peruntukan sedia ada di peringkat PTJ masing-masing.

Maklum Balas JKM yang Diterima Pada 13 Februari 2017

JKM Negeri Johor memaklumkan penambahbaikan manual e-Bantuan sedang dikemaskini bagi memastikan pemberian bantuan selaras dengan panduan pelaksanaan yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, percanggahan antara Panduan Pelaksanaan Penambahbaikan Pengurusan Bantuan Kebajikan dengan Sistem e-Bantuan menyebabkan kelewatan agihan bantuan berlaku.

3.5.4. Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-Bantuan)

3.5.4.1. Kelemahan Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-Bantuan)

- a. Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-Bantuan) merupakan sistem berdasarkan web yang dibangunkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). Sistem ini bertujuan untuk mewujudkan satu pangkalan data yang kemas kini dan teratur untuk melancarkan lagi proses pengurusan Skim Bantuan Kewangan. Objektif pelaksanaan sistem ini adalah untuk memudahkan tugas memasukkan data pemohon ke dalam pangkalan data, mempercepatkan proses kelulusan permohonan, memudahkan penjadualan pembayaran kepada penerima bantuan, mengemas kini maklumat penerima bantuan dan mempercepatkan penjanaan laporan serta analisis maklumat penerima bantuan.

- b. Semakan Audit mendapati tiada proses kerja yang didokumenkan bagi penggunaan Sistem e-Bantuan ini. Proses kerja melalui sistem e-bantuan tidak dibukukan atau didokumentasikan menyebabkan berlaku kesukaran di kalangan pegawai-pegawai baru untuk membuat rujukan berkenaan Sistem e-Bantuan.

Maklum Balas JKM yang Diterima Pada 13 Februari 2017

JKM Negeri Johor memaklumkan tindakan sedang diambil untuk mendokumentasikan sistem e-Bantuan untuk tujuan rujukan dan mempertingkatkan kawalan dokumen.

Pada pendapat Audit, pengurusan sistem e-Bantuan adalah kurang memuaskan kerana tiada dokumentasi untuk tujuan pegawai-pegawai membuat rujukan bagi tujuan penggunaan sistem tersebut.

3.5.4.2. Kelemahan *link* Sistem e-Bantuan Dengan Sistem myIDENTITY

- a. Kemas kini data penerima Bantuan Am perlu dilakukan dengan kerap terutama untuk memastikan agihan wang bantuan dapat dibayar kepada penerima yang layak. Sekiranya penerima bantuan telah meninggal dunia, waris perlu memaklumkan kepada pihak JKM maklumat kematian penerima supaya bayaran bantuan am dapat dihentikan serta-merta. Bagaimanapun, perkara ini tidak berlaku disebabkan waris si mati tidak peka dengan tanggungjawab untuk memaklumkan kematian penerima bantuan kepada pihak JKM.
- b. Bagi memastikan maklumat kematian penerima bantuan diperoleh segera, mulai tahun 2015, JKM telah menggunakan kemudahan sistem myIDENTITY milik Jabatan Pendaftaran Negara. Bagi tujuan kawalan, hanya satu pengguna dan kata laluan myIDENTITY dibenarkan bagi setiap daerah. Sistem ini yang dihubungkan terus dengan sistem e-Bantuan dapat memudahkan data peribadi penerima bantuan khususnya tarikh kematian yang kemas kini diperoleh. Sekiranya, penerima bantuan meninggal dunia, sistem e-Bantuan akan menunjukkan status auto tamat dan bantuan diberhentikan.
- c. Semakan Audit terhadap 30 kes penerima bantuan yang telah meninggal dunia di dalam sistem e-Bantuan mendapati 20 kes ditamatkan secara manual, dua kes penerima bantuan tidak dinyatakan tarikh kematian dan dua kes menunjukkan nombor kad pengenalan tidak dapat dikesan oleh sistem myIDENTITY.

- d. Semakan Audit juga mendapati ID pengguna Sistem myIDENTITY yang telah berpindah telah digunakan oleh pegawai lain bagi menentukan status kematian. Butiran seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 3.9
NAMA PEGAWAI JKM YANG MEMPUNYAI
ID myIDENTITY UNTUK TUJUAN SEMAKAN DATA**

BIL.	DAERAH	NAMA PEGAWAI BAGI ID YANG DIGUNAKAN	JAWATAN	MASIH BERKHIDMAT DI PKMD BERKENAAN PADA MASA PENGAUDITAN	ID DIGUNAKAN OLEH PEGAWAI LAIN PADA MASA PENGAUDITAN
1.	Kota Tinggi	Mohd Hashir bin Mohd Kamel	PKMD	Tidak	Ya
2.	Pontian	Nur Hairani binti Mohd Buang	PPKMD	Ya	Ya
3.	Segamat	Mohd Azizul bin Ibrahim	PKMD	Tidak	Tidak

Sumber: JKM

Maklum Balas JKM yang Diterima Pada 13 Februari 2017

JKM Negeri Johor memaklumkan tindakan untuk bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara dipertingkatkan bagi mengenal pasti kewujudan penerima bantuan.

Pada pendapat Audit, sistem e-Bantuan yang digunakan tidak dapat membantu JKM secara menyeluruh menyebabkan Bantuan Am tidak dapat diagihkan pada bulan yang sama ia diluluskan dan kematian penerima bantuan tidak dikesan secara automatik.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan Bantuan Am, adalah disyorkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor (JKMNJ) mengambil tindakan seperti berikut:

- 3.6.1. menentukan penurunan kuasa meluluskan Bantuan Am dibuat secara teratur dan bertulis kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah yang telah ditetapkan;
- 3.6.2. memastikan semakan melalui myIDENTITY bagi penerima Bantuan Am dilaksanakan secara bulanan bagi menentukan pembayaran bantuan kepada penerima yang layak dan masih hidup;
- 3.6.3. pemantauan berterusan dilakukan dalam memastikan hanya penerima yang layak diberi bantuan oleh Jabatan; dan
- 3.6.4. mengemaskini Manual Prosedur Kerja supaya selaras dengan sistem e-Bantuan yang diguna pakai.

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

4. PENGURUSAN LESEN PAPAN IKLAN

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2010, iklan ditafsirkan sebagai apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bertujuan untuk memberitahu orang ramai mengenai barang keluaran, perniagaan, tempat dan aktiviti atau apa-apa maklumat lain yang dipamerkan di atas dinding, cermin, bumbung, papan dinding adang, rangka, kain rentang, tiang atau mana-mana struktur, perekaan lain, bangunan, jalan atau tempat tumpuan awam, atau atas mana-mana tanah. Terdapat dua kategori iklan iaitu papan iklan luar seperti *billboard*, iklan dinding, iklan bumbung, iklan pagar serta iklan kain rentang dan papan iklan premis perniagaan iaitu papan tanda yang diletakkan di premis perniagaan. Sehingga bulan April 2016, terdapat sebanyak 260 papan iklan luar dan 34,941 papan tanda premis perniagaan telah dilesenkan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

4.1.2. Pemasangan paparan iklan perlu mengambil kira aspek keselamatan awam, keselesaan, nilai estetika, reka bentuk kawasan bandar dan pandangan penduduk. Pemasangan paparan iklan secara terbuka di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan perlu mendapat kelulusan tapak dan kelulusan mempamerkan. Kelulusan tapak di tanah Kerajaan diperoleh daripada Pihak Berkuasa Negeri secara Lesen Pendudukan Sementara berserta kelulusan daripada pihak berkepentingan seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan lesen papan iklan di Majlis Bandaraya Johor Bahru telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan lesen papan iklan luar dan iklan premis perniagaan bagi tahun 2014 hingga 2016 di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Bagi kes-kes tertentu, pengurusan lesen papan iklan luar dan iklan premis perniagaan sebelum tahun 2014 juga disemak. Sebanyak 80

fail papan iklan luar dan 70 papan iklan premis perniagaan telah dipilih sebagai sampel Audit dan dibuat semakan lanjut.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod, fail serta dokumen berkaitan. Semakan dilakukan terhadap fail permohonan lesen papan iklan, dokumen bayaran lesen iklan serta pemantauan dan penguatkuasaan papan iklan. Lawatan Audit di lokasi papan iklan luar dan premis perniagaan serta temu bual dengan pegawai yang terlibat turut diadakan untuk mendapat pengesahan.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan April hingga Julai 2016 mendapati secara umumnya pengurusan lesen papan iklan adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan dalam pengurusan lesen papan iklan yang telah memberikan implikasi kewangan kepada MBJB dari segi kekurangan kutipan hasil lesen berjumlah RM779,232. Antara perkara yang ditemui adalah seperti berikut:

- i. ketidakpatuhan terhadap undang-undang/garis panduan yang ditetapkan bagi lesen yang diluluskan;
- ii. pembaharuan lesen papan iklan tanpa dokumen sokongan;
- iii. papan iklan dipamerkan tanpa lesen;
- iv. tunggakan bayaran lesen papan iklan luar yang masih belum dikutip; dan
- v. pemantauan dan penguatkuasaan tidak dijalankan secara menyeluruh.

Perkara yang ditemui dan maklum balas MBJB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* yang diadakan pada 29 September 2016. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

4.5.1. Prestasi Pengurusan Lesen Papan Iklan

4.5.1.1. Prestasi Permohonan dan Kelulusan

- a. Bagi tahun 2014 hingga 2016, MBJB telah menerima sebanyak 82 permohonan lesen papan iklan luar dan 9,204 lesen papan iklan premis perniagaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35.4% atau 29 permohonan lesen papan iklan luar dan 65.5% atau 6,025 lesen papan iklan premis perniagaan telah diluluskan. Permohonan dan kelulusan lesen papan

iklan untuk setiap kategori bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.1
PERMOHONAN DAN KELULUSAN LESEN PAPAN IKLAN
LUAR DAN PREMIS PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

STATUS PERMOHONAN	TAHUN/KATEGORI IKLAN						JUMLAH	
	2014		2015		2016			
	IL	PP	IL	PP	IL	PP	IL	PP
Terima	53	2,247	16	3,283	13	3,674	82	9,204
Lulus	14	1,244	4	1,520	11	3,261	29	6,025

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota: * - IL: Iklan Luar ** - PP: Iklan Premis Perniagaan

- b. Pada tahun 2014, sebanyak 26.4% atau 14 permohonan lesen papan iklan luar diluluskan berbanding 53 permohonan yang diterima. Manakala, pada tahun 2015 hanya 25.0% atau empat permohonan telah diluluskan. Jumlah kelulusan lesen papan iklan luar yang rendah pada tahun 2014 dan 2015 disebabkan pada tahun 2014 Jawatankuasa Pelesenan MBJB telah memutuskan untuk membuat pembekuan permohonan baru dan menaik taraf papan iklan luar sedia ada. Seterusnya pada tahun 2016, MBJB telah meluluskan 84.6% atau 11 daripada 13 permohonan yang diterima.
- c. Bagi papan iklan premis perniagaan, sebanyak 55.4% atau 1,244 daripada 2,247 permohonan diluluskan pada tahun 2014. Pada tahun 2015, sebanyak 46.3% atau 1,520 daripada 3,283 permohonan yang diterima telah diluluskan. Kadar kelulusan papan iklan premis perniagaan pada tahun 2015 adalah rendah disebabkan permohonan ditolak kerana pemohon telah memamerkan papan iklan premis perniagaan sebelum kelulusan dan iklan yang dipamerkan tidak mematuhi Undang-undang Kecil MBJB. Manakala pada tahun 2016, MBJB telah meluluskan 88.8% atau 3,261 daripada 3,674 permohonan yang diterima.

Pada pendapat Audit, prestasi kelulusan permohonan lesen papan iklan adalah memuaskan kerana telah berlaku peningkatan kelulusan yang begitu tinggi pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya.

4.5.1.2. Prestasi Pencapaian Kewangan

- a. Bagi tahun 2014 hingga 2016, kutipan sebenar bagi lesen papan iklan luar dan papan iklan premis perniagaan adalah berjumlah RM25.62 juta berbanding dengan anggaran yang ditetapkan iaitu RM27.5 juta. Jumlah anggaran hasil dan kutipan sebenar lesen papan iklan luar dan premis perniagaan bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.2
**JUMLAH ANGGARAN DAN HASIL SEBENAR LESEN IKLAN LUAR
 DAN IKLAN PREMIS PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

KATEGORI IKLAN	JUMLAH HASIL (RM Juta)						JUMLAH (RM Juta)	
	2014		2015		2016			
	ANGGARAN	HASIL SEBENAR	ANGGARAN	HASIL SEBENAR	ANGGARAN	HASIL SEBENAR	ANGGARAN	HASIL SEBENAR
Iklan Luar	9.10	5.53	11.40	5.28	7.00	2.99	27.5	13.80
Premis Perniagaan		3.66		2.73		5.43		11.82
JUMLAH	9.10	9.19	11.40	8.01	7.00	8.42	27.5	25.62

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

- b. Kutipan lesen papan iklan pada tahun 2015 adalah RM8.01 juta dengan pengurangan hasil sebanyak RM1.18 juta berbanding tahun 2014 yang berjumlah RM9.19 juta. Perkara ini disebabkan MBJB telah membuat pembekuan kelulusan lesen papan iklan luar dan juga membatalkan sebanyak 55 lesen papan iklan luar di jejantas/jejambat/gantry/sky sign di dalam kawasan pentadbiran MBJB. Seterusnya, kutipan hasil bagi lesen papan iklan premis perniagaan telah menurun daripada RM3.66 juta pada tahun 2014 kepada RM2.73 juta pada tahun 2015 dengan penurunan sebanyak RM930,000. Menurut pegawai MBJB, antara sebab penurunan hasil pada tahun 2015, Majlis menetapkan supaya papan iklan premis perniagaan yang menutup keseluruhan fasad bangunan diturunkan dan membatalkan lesen papan iklan premis perniagaan yang terlibat. Manakala bagi tahun 2016, jumlah kutipan hasil lesen papan iklan luar dan premis perniagaan telah meningkat kepada RM8.42 juta yang disumbang melalui peningkatan kutipan hasil lesen iklan premis perniagaan. Peningkatan hasil lesen papan iklan premis perniagaan ini disebabkan oleh pertambahan bilangan premis perniagaan di bawah seliaan MBJB setelah persempadan semula kawasan MBJB.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil lesen papan iklan adalah memuaskan kerana hasil pada tahun 2016 telah meningkat berbanding tahun 2015 dan melebihi anggaran yang ditetapkan.

4.5.2. Pematuhan Garis Panduan Papan Iklan Luar

Pelesen yang diluluskan lesen papan iklan luar hendaklah mematuhi Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan dan Garis Panduan Papan Iklan Luar yang dikeluarkan oleh MBJB. Arahan dan syarat yang ditetapkan oleh MBJB hendaklah dipatuhi dan sekiranya gagal pihak MBJB boleh mengambil tindakan seperti merampas wang amanah atau mengambil tindakan mahkamah. Semakan Audit dan pemeriksaan fizikal terhadap 80 lokasi papan iklan luar mendapati beberapa kelemahan dalam pematuhan garis panduan papan iklan luar seperti berikut:

4.5.2.1. Stiker, Nombor Rujukan, Logo dan Visi MBJB Tidak Dipamerkan

- a. Mengikut syarat kelulusan lesen papan iklan luar, pelesen dikehendaki mempamerkan stiker MBJB tahun terkini; mencatatkan nombor rujukan fail di sudut kanan bawah papan iklan yang dipasang dan mencetak logo dan visi MBJB di papan iklan. Ini adalah bagi tujuan kawalan dan pemantauan papan iklan luar oleh MBJB. Lawatan Audit mendapati 25 papan iklan luar tidak mematuhi syarat mempamerkan stiker, nombor rujukan, logo dan visi MBJB seperti contoh gambar berikut:

GAMBAR 4.1



Jalan Wong Ah Fook
- Papan Iklan Luar Tidak Mempamerkan Stiker/Nombor Rujukan/Logo dan Visi MBJB
(27.04.2016)

GAMBAR 4.2



Persimpangan Persiaran Tanjung/Jalan Tampoi
- Papan Iklan Luar Tidak Mempamerkan Stiker/Nombor Rujukan/Logo dan Visi MBJB
(27.04.2016)

- b. Mengikut temu bual yang telah dijalankan bersama pihak MBJB mendapati pelesen tidak mematuhi syarat tersebut walaupun telah dikeluarkan surat peringatan pada 12 Ogos 2015 dan surat susulan pada 13 April 2016. Pihak Audit mendapati ketidakpatuhan tersebut menyebabkan pihak MBJB sukar mengenal pasti papan iklan luar yang berlesen. Mengikut maklum balas MBJB, butiran lesen papan iklan dan nombor rujukan fail MBJB telah diseragamkan dalam satu stiker lesen papan iklan luar. Kesemua papan iklan luar yang berlesen telah ditampal stiker tersebut seperti contoh gambar berikut:

GAMBAR 4.3



Jalan Wong Ah Fook
- Papan Iklan Luar Telah Dipasang Stiker Maklumat Pelesen, Logo dan Visi MBJB
(13.03.2017)

GAMBAR 4.4



Persimpangan Persiaran Tanjung/Jalan Tampoi
- Papan Iklan Luar Telah Dipasang Stiker Maklumat Pelesen, Logo dan Visi MBJB
(13.03.2017)

Pada pendapat Audit, tindakan penyeragaman stiker lesen papan iklan luar adalah memuaskan kerana telah menunjukkan butiran yang lengkap.

4.5.2.2. Penukaran Visual Iklan Tanpa Kebenaran dan Bayaran Kepada MBJB


a. Perenggan 27(a), Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan Majlis Bandaraya Johor Bahru 2010 (UUK MBJB 2010) menyatakan penukaran visual bagi setiap lesen iklan hendaklah mendapat kebenaran Majlis dan setiap penukaran visual tersebut akan dikenakan bayaran sebagaimana bayaran lesen. Lawatan Audit mendapati 32 papan iklan luar telah ditukar visual iklan seperti di gambar berikut. Semakan Audit terhadap fail papan iklan luar mendapati, tiada permohonan penukaran visual iklan oleh pelesen dan tiada bayaran dikenakan bagi penukaran visual tersebut.

GAMBAR 4.5



Persimpangan Jalan Tebrau/Dato' Sulaiman
- Visual Papan Iklan Luar Berbeza Dengan Rekod Inventori (25.05.2016)

GAMBAR 4.6



Persimpangan Jalan Tebrau/Dato' Sulaiman
- Visual Papan Iklan Luar Berbeza Dengan Rekod Inventori (25.05.2016)

GAMBAR 4.7



Jalan Tun Razak
- Visual Papan Iklan Luar Berbeza Dengan Rekod Inventori (25.05.2016)

GAMBAR 4.8



Jalan Tun Razak
- Visual Papan Iklan Luar Berbeza Dengan Rekod Inventori (25.05.2016)

GAMBAR 4.9



Jalan Tebrau, Simpang Jalan Kuning
- Visual Papan Iklan Luar Berbeza Dengan Rekod Inventori (27.04.2016)

GAMBAR 4.10



Jalan Tebrau, Simpang Jalan Kuning
- Visual Papan Iklan Luar Berbeza Dengan Rekod Inventori (27.04.2016)

- b. Pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru menjelaskan MBJB tidak pernah mengenakan sebarang bayaran penukaran visual. Bagaimanapun, merujuk kepada perenggan 27(a) UUK MBJB 2010 telah menetapkan penukaran visual perlu mendapat kebenaran MBJB dan dikenakan bayaran sebagaimana bayaran lesen. Mengikut perkiraan Audit, pihak MBJB telah terkurang mengutip hasil bagi penukaran visual berjumlah RM342,070 bagi 32 papan iklan luar yang dikira berdasarkan kadar lesen tahunan bagi setiap papan iklan.

Maklum Balas Majlis Bandaraya Johor Bahru bertarikh 13 Mac 2017

MBJB telah memutuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil. 10/2016 pada 30 Oktober 2016 yang telah bersetuju memperakukan dan meluluskan Kertas Kerja Kajian Semula Kadar Bayaran Penukaran Visual Iklan Luar. Keputusan ini juga telah diluluskan dalam Mesyuarat Penuh MBJB Bil. 10/2016 pada 2 November 2016. Berkuat kuasa 2 November 2016, setiap penukaran visual dikenakan bayaran proses berjumlah RM100 sahaja.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan bayaran bagi penukaran visual adalah kurang memuaskan kerana MBJB telah terkurang mengutip hasil penukaran visual berjumlah RM342,070 bagi 32 papan iklan luar yang dikira berdasarkan kadar lesen tahunan bagi setiap papan iklan.

4.5.3. Pembaharuan Lesen Papan Iklan Luar Diluluskan Tanpa Dokumen Sokongan

4.5.3.1. Berdasarkan surat arahan pembaharuan lesen papan iklan luar, pelesen dikehendaki mengemukakan salinan Lesen Pendudukan Sementara yang telah diperbaharui; Polisi Insurans Perlindungan Awam; Laporan Pemeriksaan Struktur Papan Iklan oleh Jurutera Bertauliah; kelulusan agensi seperti Jabatan Kerja Raya bagi penggunaan rizab jalan dan salinan perjanjian sewa tanah bagi iklan luar di atas tanah persendirian.

4.5.3.2. Semakan Audit terhadap sampel 93 pembaharuan lesen papan iklan luar tahun 2016 yang melibatkan 12 pelesen mendapati:

- a. sebanyak empat pelesen tidak mengemukakan Laporan Pemeriksaan Struktur Papan Iklan oleh Jurutera Bertauliah melibatkan 43 papan iklan;
- b. sebanyak satu pelesen tidak mengemukakan salinan Polisi Insurans Perlindungan Awam bagi dua papan iklan;

- c. sebanyak enam pelesen mengemukakan salinan Polisi Insurans yang tidak meliputi perlindungan awam sehingga 31 Disember 2016 melibatkan 55 papan iklan; dan
- d. kesemua pelesen tidak mengemukakan Lesen Pendudukan Sementara terkini bagi papan iklan di atas Tanah Kerajaan dan kelulusan dari Jabatan Kerja Raya bagi papan iklan yang di atas tanah rizab jalan.

4.5.3.3. Semakan Audit mendapati pihak MBJB tidak menyemak secara terperinci dokumen sokongan yang perlu dikemukakan semasa pembaharuan lesen.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembaharuan lesen papan iklan oleh MBJB adalah tidak memuaskan kerana pembaharuan lesen diluluskan walaupun dokumen sokongan tidak lengkap.

4.5.4. Papan Iklan Tanpa Lesen

4.5.4.1. Papan Iklan Luar Tanpa Lesen

Mengikut Perenggan 7 dalam Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan (MBJB) 2010, tiada seorang pun boleh memamerkan atau mendirikan apa-apa iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis. Papan iklan yang tidak dilesenkan akan dirobohkan oleh Unit Pelesenan dan Penguatkuasaan MBJB. Lawatan Audit ke 100 tapak papan iklan luar mendapati masih ada papan iklan luar yang tidak dilesenkan seperti berikut:

a. Billboard Tanpa Lesen Mengikut Inventori Iklan Luar Tiada Kelulusan

- i. *Billboard* merupakan paparan iklan bagi barang, aktiviti atau perkhidmatan yang disokong oleh tiang. Mengikut Jadual Ketiga, Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan (MBJB) 2010, kadar bayaran bagi *billboard* adalah RM200 bagi 10 meter persegi pertama dan RM90 bagi meter persegi berikutnya. Berdasarkan Inventori Iklan Luar Tiada Kelulusan, sehingga bulan Mei 2016 terdapat sebanyak 83 *billboard* yang diiklankan tanpa lesen di kawasan MBJB masih belum dirobohkan.
- ii. Lawatan Audit ke 20 *billboard* yang telah disenaraikan dalam Inventori Iklan Luar Tiada Kelulusan mendapati sebanyak 11 *billboard* masih belum dirobohkan dan empat daripadanya masih lagi memaparkan visual iklan seperti contoh **Gambar 4.11** dan **Gambar 4.12**. Lanjutan daripada penemuan tersebut, pihak Audit menganggarkan MBJB tidak dapat mengutip hasil bagi 20 *billboard* berjumlah RM16,133 setahun. Pihak MBJB memaklumkan bahawa tidak semua *billboard* tanpa lesen dirobohkan kerana MBJB berhasrat untuk melesenkan *billboard* yang boleh memberi pulangan hasil kepada MBJB. Daripada sejumlah 11 iklan

haram yang dibangkitkan Audit, sebanyak lima iklan haram telah dirobohkan seperti contoh **Gambar 4.13** dan **Gambar 4.14**.

GAMBAR 4.11



Simpang Jalan Padi Mahsuri
- Billboard Tanpa Lesen
(25.04.2016)

GAMBAR 4.12



Simpang Kempas Lama
- Billboard Tanpa Lesen
(25.04.2016)

GAMBAR 4.13



Simpang Jalan Padi Mahsuri
- Billboard Tanpa Lesen
Telah Dirobohkan oleh MBJB
(03.10.2016)

GAMBAR 4.14



Simpang Kempas Lama
- Billboard Tanpa Lesen
Telah Dirobohkan oleh MBJB
(03.10.2016)

b. Billboard Tanpa Lesen Tiada Dalam Inventori Iklan Luar Tiada Kelulusan

Lawatan Audit selanjutnya telah mengenal pasti sebanyak sepuluh *billboard* tidak berlesen tetapi tiada dalam Inventori Iklan Luar Tiada Kelulusan seperti di gambar berikut. Perkiraan Audit menganggarkan pihak MBJB telah kehilangan kutipan hasil bagi sepuluh *billboard* berjumlah RM70,748 setahun.



GAMBAR 4.15

Jalan Tampoi Hadapan Persimpangan
Ungku Mohsin
-Papan Iklan Tanpa Lesen
(27.04.2016)

Maklum Balas Majlis Bandaraya Johor Bahru Bertarikh 13 Mac 2017

Daripada sejumlah sepuluh papan iklan haram yang dibangkitkan di dalam Laporan Audit, sebanyak enam papan iklan telah dirobohkan; satu papan

iklan dalam proses rayuan permohonan lesen dan baki tiga papan iklan dalam tindakan notis roboh.

Pada pendapat Audit, pengurusan *billboard* adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat sepuluh daripada 21 atau 47.6% *billboard* tanpa lesen yang belum diambil tindakan oleh MBJB.

c. Iklan Pagar


- i. Iklan pagar ialah iklan yang dipasang pada pagar sementara bagi menutup sesuatu visual yang kurang menarik seperti pembinaan bangunan. Berdasarkan Kertas Perakuan Datuk Bandar MBJB, kadar bayaran yang telah ditetapkan oleh MBJB untuk lesen iklan pagar bagi 10 meter persegi pertama ialah RM200 dan RM12 bagi setiap meter persegi berikutnya.
- ii. Semakan Audit mendapati hanya 11 buah syarikat telah membuat permohonan dan diluluskan lesen iklan pagar. Lawatan Audit mendapati sebanyak 12 syarikat tidak memohon lesen tetapi telah mendirikan iklan pagar dengan anggaran ukuran di antara 35.55 meter persegi hingga 2,140.36 meter persegi. Mengikut perkiraan Audit, anggaran kutipan lesen iklan pagar bagi 12 syarikat yang tidak membuat permohonan iklan pagar adalah berjumlah RM156,320 setahun. Contoh papan iklan pagar tanpa lesen adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 4.16



Permas Jaya
- Papan Iklan Pagar Tanpa Lesen
(25.05.2016)

GAMBAR 4.17



Kota Southkey
- Papan Iklan Pagar Tanpa Lesen
(25.05.2016)

Maklum Balas Majlis Bandaraya Johor Bahru Bertarikh 13 Mac 2017

MBJB telah mengeluarkan notis amaran kepada syarikat yang mempamerkan iklan pagar tanpa lesen. Sebanyak dua syarikat telah membuka papan iklan pagar dan tiga syarikat telah membuat permohonan serta diluluskan lesen iklan pagar. Selain itu, MBJB juga telah mengeluarkan notis amaran terakhir kepada syarikat yang masih gagal membuat permohonan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil. 10/2016 bertarikh 30 Oktober 2016 telah bersetuju memperakukan dan meluluskan Kertas Kerja Cadangan Kelulusan Bagi Kajian Semula Kadar Bayaran Bagi Papan Iklan Pagar. Keputusan ini juga telah diluluskan dalam Mesyuarat Penuh MBJB Bil. 10/2016 bertarikh 2 November 2016.

Pada pendapat Audit, pengurusan papan iklan pagar adalah kurang memuaskan kerana MBJB telah terkurang mengutip hasil berjumlah RM156,320 setahun bagi 12 syarikat yang telah mempamerkan iklan pagar tanpa lesen. Selain itu, masih terdapat tujuh daripada 12 atau 58.3% papan iklan pagar tanpa lesen yang belum diambil tindakan oleh MBJB.

d. Iklan Dinding/*Building Wrap*

- i. Iklan Dinding ialah panel untuk papan iklan yang dipasang pada dinding atau pada satu jarak dari dinding atau iklan pada dinding di sebelah luar bangunan yang tidak mempunyai permukaan terbuka. Manakala, *building wrap* merupakan kaedah pengiklanan yang dipasang pada bangunan menggunakan bahan yang membenarkan cahaya dan udara semula jadi memasuki dalaman bangunan. Mengikut Garis Panduan Papan Iklan Luar MBJB, kadar lesen bagi iklan dinding dan *building wrap* bagi tempoh setahun ialah RM200 bagi 10 meter persegi pertama dan RM90 bagi meter persegi berikutnya.
- ii. Semakan Audit mendapati hanya empat syarikat yang mempunyai lesen iklan dinding dan *building wrap*. Lawatan Audit mendapati, sebanyak dua iklan dinding dan 14 *building wrap* tidak mempunyai lesen iklan. Mengikut pengiraan Audit, anggaran RM120,246 setahun sepatutnya dapat dikutip oleh MBJB sekiranya ia dilesenkan. **Gambar 4.18** dan **Gambar 4.19** ialah iklan dinding tanpa lesen.

GAMBAR 4.18



Danga City Mall
- Papan Iklan Dinding Tanpa Lesen
(15.06.2016)

GAMBAR 4.19



KSL Plaza
- Papan Iklan Dinding Tanpa Lesen
(15.06.2016)

Maklum Balas Majlis Bandaraya Johor Bahru Bertarikh 13 Mac 2017

MBJB telah mengeluarkan notis amaran pada 21 September 2016 kepada syarikat yang mempamerkan papan iklan dinding tanpa lesen. Sebanyak satu papan iklan telah dibuka oleh pemilik premis dan baki 15 papan iklan masih belum dibuka atau dibuat permohonan lesen. Notis terakhir 10 Mac 2017 telah dihantar kepada syarikat sebelum tindakan penguatkuasaan selanjutnya diambil.

Pada pendapat Audit, pengurusan papan iklan dinding/*building wrap* adalah kurang memuaskan kerana MBJB terkurang mengutip hasil sejumlah RM120,246 setahun bagi dua iklan dinding dan 14 *building wrap* yang telah dipamerkan tanpa lesen. Selain itu, masih terdapat 15 daripada 16 atau 93.8% papan iklan dinding/*building wrap* tanpa lesen yang belum diambil tindakan oleh MBJB.

e. Iklan Bumbung/*Gantry*/Jejantas/Jejambat

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil. 3/2015 MBJB pada 19 Mac 2015 telah memutuskan untuk membatalkan semua lesen papan iklan luar di semua bumbung/*gantry*/jejantas/jejambat dalam pentadbiran MBJB selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Bandar Selamat MBJB. Kesemua pelesen dikehendaki membuka dan menurunkan struktur papan iklan sebelum 18 April 2015. Lawatan Audit pada bulan April 2016 mendapati masih terdapat sebanyak 11 iklan bumbung dan lima iklan *gantry*/jejantas/jejambat di sekitar Bandaraya Johor Bahru seperti di **Gambar 4.20** hingga **Gambar 4.22**. Semakan Audit selanjutnya mendapati, sebanyak tiga pelesen iklan bumbung membayar lesen iklan bagi tahun 2015. Bagaimanapun bagi papan iklan yang lain, kesemuanya adalah tidak berlesen. Anggaran kerugian hasil oleh MBJB adalah berjumlah RM73,715 setahun.

GAMBAR 4.20



Jalan Tebrau
- Papan Iklan Bumbung Belum Diturunkan Bagi Lesen
yang Telah Dibatalkan
(27.04.2016)

GAMBAR 4.21



Jalan Wong Ah Fook
- Papan Iklan Bumbung Belum Diturunkan Bagi Lesen
yang Telah Dibatalkan
(27.04.2016)



GAMBAR 4.22

Jalan Tebrau
- Papan Iklan Jejantas/Jejambat Belum Diturunkan
Bagi Lesen yang Telah Dibatalkan
(27.04.2016)

- ii. Berdasarkan temu bual Audit dengan pegawai MBJB, tidak semua papan iklan luar haram dirobohkan disebabkan kos yang tinggi ditanggung oleh MBJB bagi menurunkan papan iklan tersebut terutamanya yang terletak di atas bumbung bangunan. Setakat 29 September 2016, sejumlah RM125,000 telah dibelanjakan bagi menurunkan papan iklan tanpa lesen.

Maklum Balas Majlis Bandaraya Johor Bahru Bertarikh 13 Mac 2017

MBJB telah mengeluarkan notis amaran kepada syarikat yang mempamerkan papan iklan luar tanpa lesen iaitu iklan bumbung/gantry/jejantas/jejambat. Sebanyak lima papan iklan telah dirobohkan; satu syarikat dalam proses rayuan; surat pemakluman telah dikeluarkan kepada JKR untuk tindakan selanjutnya bagi tiga papan iklan jejantas/jejambat dan tujuh papan iklan dalam tindakan kontraktor untuk dirobohkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan papan iklan bumbung/gantry/jejantas/jejambat adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat 11 iklan bumbung dan lima iklan gantry/jejantas/jejambat di sekitar Bandaraya Johor Bahru walaupun Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membatalkan semua lesen papan iklan luar tersebut.

4.5.4.2. Papan Iklan Premis Perniagaan Tanpa Lesen

- a. Mengikut perenggan 18(1), Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan (MBJB) 2010, Datuk Bandar boleh mengarahkan penurunan papan iklan secara terus bagi pelesen yang tidak mematuhi peraturan dan spesifikasi papan iklan premis perniagaan yang telah ditetapkan. Bagi tahun 2013 hingga September 2016, MBJB telah menurunkan sebanyak 105 papan iklan premis perniagaan yang tidak mematuhi peraturan dan spesifikasi.
- b. Semakan Audit ke atas Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Bilangan 23 dan 24/2015 serta Bilangan 1, 2, 3 dan 4/2016 mendapati, sebanyak 110 permohonan telah ditolak kerana tidak mengikuti standard dan spesifikasi

yang dibenarkan. Lawatan Audit terhadap kesemua permohonan lesen iklan yang ditolak mendapati 37 syarikat masih mempamerkan papan iklan di premis perniagaan mereka.

Maklum Balas Majlis Bandaraya Johor Bahru Bertarikh 13 Mac 2017

MBJB telah menurunkan 15 papan iklan premis perniagaan tidak berlesen; 16 premis perniagaan telah membuat permohonan dan memperoleh lesen iklan yang sah, dan enam masih dalam tindakan serta telah dinotiskan.

- c. Gambar berikut adalah tindakan menurunkan papan iklan yang telah dibuat oleh MBJB selepas teguran Audit.

GAMBAR 4.23



Taman Mount Austin
- Papan Iklan Premis Perniagaan di Pamer
Tanpa Lesen
(23.05.2016)

GAMBAR 4.24



Taman Mount Austin
- Papan Iklan Premis Perniagaan
Tanpa Lesen Diturunkan oleh MBJB
(16.10.2016)

- d. Lawatan Audit seterusnya di kawasan pentadbiran MBJB mendapati sebanyak 49 papan iklan premis perniagaan yang dipamerkan tidak berlesen dan tidak mematuhi syarat papan iklan premis perniagaan seperti berikut:


- i. sebanyak lapan papan iklan tidak mengikut spesifikasi MBJB;
- ii. sebanyak tujuh papan iklan tidak menggunakan bahasa Kebangsaan;
- iii. sebanyak 30 papan iklan menutup fasad bangunan; dan
- iv. sebanyak empat papan iklan melebihi ketinggian garis atap.

Maklum Balas Majlis Bandaraya Johor Bahru Bertarikh 13 Mac 2017

MBJB telah menurunkan kesemua papan iklan tidak berlesen kecuali bagi 39 premis perniagaan yang baru diterima daripada persempadanan semula Pihak Berkuasa Tempatan yang memerlukan siasatan dan semakan lanjut. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18 papan iklan premis perniagaan telah mempunyai lesen yang sah dan 21 papan iklan premis perniagaan masih tidak berlesen. Tindakan notis amaran telah diambil kepada semua pelesen premis perniagaan.

- e. Gambar berikut adalah tindakan menurunkan papan iklan yang telah dibuat oleh MBJB selepas teguran Audit.

GAMBAR 4.25



Sebelum

Taman Austin Perdana
- Papan Iklan Premis Perniagaan Tanpa Lesen dan
Menutup Fasad Bangunan
(29.05.2016)

GAMBAR 4.26



Selepas

Taman Austin Perdana
- Papan Iklan Premis Perniagaan Tanpa Lesen dan
Menutup Fasad Bangunan Diturunkan oleh MBJB
(16.10.2016)

Pada pendapat Audit, pengurusan papan iklan premis perniagaan adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat 27 daripada 86 atau 31.4% papan iklan premis perniagaan tanpa lesen yang masih belum diambil tindakan oleh MBJB.

4.5.5. Tuggakan Bayaran Lesen Papan Iklan Luar

Pelesen dikehendaki memperbaharui lesen iklan sebelum bulan Januari tahun berikutnya. Semakan Audit terhadap senarai bayaran lesen iklan luar sehingga 31 Mei 2016 mendapati sebanyak 24 pelesen belum menjelaskan tunggakan berjumlah RM3.50 juta di mana 15 pelesen yang mempunyai tunggakan berjumlah RM3.27 juta telah dibatalkan lesen. MBJB telah menghantar surat peringatan kepada semua pelesen yang mempunyai tunggakan lesen papan iklan luar. Lawatan Audit keenam lokasi papan iklan luar yang telah dibatalkan lesen mendapati masih terdapat tiga struktur papan iklan luar seperti contoh di gambar berikut:



GAMBAR 4.27

Hadapan Pasaraya Smart
-Papan Iklan Luar yang Mempunyai Tunggakan dan
Lesen Dibatalkan MBJB
(15.08.2016)

Maklum Balas Majlis Bandaraya Johor Bahru Bertarikh 16 Oktober 2016

MBJB telah melantik syarikat peguam pada 16 Ogos 2016 untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pelesen yang mempunyai tunggakan. MBJB telah mengemukakan senarai syarikat pengiklan yang dibatalkan lesen serta mempunyai tunggakan sejumlah RM3.27 juta kepada panel peguam pada

25 Julai 2016 untuk tindakan saman. Urusan tindakan peguam akan dipantau dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan tunggakan bayaran lesen papan iklan luar adalah kurang memuaskan kerana tunggakan RM3.50 juta masih belum diperoleh.

4.5.6. Penguatkuasaan Papan Iklan

Tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara sistematik, berterusan dan berkesan agar pelesen sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang dan syarat-syarat lesen. Secara umumnya, pihak MBJB telah menjalankan tindakan penguatkuasaan seperti mengenakan kompaun dan menjalankan operasi penurunan papan iklan premis perniagaan serta merobohkan papan iklan luar yang tidak berlesen. Tindakan operasi penguatkuasaan dijalankan di 24 zon di empat kawasan Parlimen Daerah Johor Bahru mengikut arahan Datuk Bandar. Perancangan penguatkuasaan adalah dibuat secara berjadual mengikut bilangan penguatkuasa yang telah ditetapkan di 24 zon yang terlibat.

4.5.6.1. Papan Iklan Luar

Berdasarkan rekod penguatkuasaan papan iklan tanpa lesen MBJB, pada tahun 2013 hingga bulan September 2016, sebanyak 98 *billboard* telah dirobohkan oleh MBJB. Semakan Audit mendapati pada tahun 2013 hingga 2015 Unit Penguatkuasaan tidak pernah membuat penguatkuasaan terhadap iklan pagar (*hoarding*), iklan dinding dan iklan bumbung yang tidak mempunyai lesen. Bagaimanapun, penguatkuasaan terhadap *bunting* dan sepanduk adalah baik kerana pada tempoh tahun 2014 hingga bulan Mei 2016 Unit Penguatkuasaan telah menurunkan sebanyak 12,031 bunting dan sebanyak 2,535 sepanduk yang telah tamat tempoh; mempamerkan di tempat yang tidak dibenarkan dan tidak membuat bayaran permit.

Maklum Balas Majlis Bandaraya Johor Bahru Bertarikh 13 Mac 2017

MBJB telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan melalui pengeluaran notis dan kompaun kepada syarikat yang mempamerkan iklan tanpa kelulusan.

Pada pendapat Audit, pengurusan penguatkuasaan papan iklan luar adalah kurang memuaskan kerana MBJB tidak pernah membuat penguatkuasaan terhadap iklan pagar, iklan dinding dan iklan bumbung yang tidak mempunyai lesen.

4.5.6.2. Papan Iklan Premis Perniagaan

- a. Mengikut perenggan 18(1), Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan (MBJB) 2010, Datuk Bandar boleh mengarahkan penurunan papan iklan secara terus bagi pelesen yang tidak mematuhi peraturan dan spesifikasi papan iklan premis perniagaan yang telah ditetapkan. Berdasarkan keratan akbar bertarikh 2 Januari 2016 sebagaimana di gambar berikut, MBJB telah mengenal pasti hampir 5,000 papan iklan premis perniagaan di kawasan pentadbirannya yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan.

GAMBAR 4.28

JOHOR BAHRU: Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mengenal pasti hampir 5,000 papan iklan premis perniagaan di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu tidak mematuhi syarat seperti ditetapkan.

Datuk Bandar, A Rahim Nin, berkata MBJB sejak Mei tahun lalu sudah beberapa kali memberi peringatan kepada pemilik premis perniagaan berhubung pematuhan syarat serta dasar berkaitan papan iklan.

"MBJB menetapkan saiz papan iklan berukuran 4'x20' selain tidak boleh menutup pengudaraan dan pencahayaan tingkap bangunan. Notis mengenai perkara ini juga sudah kita keluarkan sejak Mei, lalu.


"Bagaimanapun, kita dapati ada premis masih tidak mematuhi syaratnya, maka bermula hari ini MBJB akan mengadakan operasi dari semasa ke semasa bagi menurunkan papan iklan berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri taklimat serta pelancaran operasi penurunan papan iklan perniagaan tidak mematuhi syarat dan dasar MBJB di sini, sebentar tadi.

A Rahim berkata, operasi hari ini menyasarkan penurunan 50 papan iklan dengan kekuatan seramai 150 anggota MBJB termasuk lima pihak kontraktor.

- Keratan Akbar Mengenai Papan Iklan Tidak Mematuhi Syarat di MBJB
(02.01.2016)

- b. Mengikut Laporan Operasi Penurunan Papan Iklan Premis Perniagaan bagi tahun 2015 hingga Mac 2016, sebanyak 200 keping notis supaya menurunkan papan iklan telah dikeluarkan oleh MBJB. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 108 papan iklan premis perniagaan telah diturunkan, manakala baki 92 papan iklan masih belum diturunkan. Lawatan Audit telah dibuat ke 35 premis perniagaan mendapat 18 papan iklan premis perniagaan telah diturunkan; tiga papan iklan telah diturunkan tetapi pemilik premis masih memasang papan iklan lain yang tidak mematuhi syarat; dua premis perniagaan telah berhenti beroperasi dan baki 12 papan iklan belum diturunkan. Papan iklan yang masih belum diturunkan walaupun notis telah dikeluarkan oleh MBJB adalah seperti di **Gambar 4.29**. Mengikut maklum balas MBJB, kesemua papan iklan premis perniagaan tidak berlesen telah diturunkan.



GAMBAR 4.29

Taman Bukit Kempas
- Papan Iklan Premis Belum Diturunkan Walaupun
Notis Telah Dikeluarkan oleh MBJB
(14.07.2016)

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan papan iklan premis perniagaan adalah memuaskan kerana semua 17 papan iklan premis perniagaan tanpa lesen berdasarkan sampel Audit telah diturunkan.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya Majlis Bandaraya Johor Bahru mempertimbangkan perkara berikut.

- 4.6.1. memastikan kekurangan kutipan hasil dari segi bayaran penukaran visual; *billboard* tanpa lesen; iklan pagar tanpa lesen; iklan dinding tanpa lesen; iklan bumbung/*gantry/jejambat/jejantas* tanpa lesen dan tunggakan bayaran lesen iklan luar dapat dikutip dan diselesaikan dalam tempoh sewajarnya;
- 4.6.2. menyegerakan tindakan mahkamah terhadap pelesen yang mempunyai tunggakan serta papan iklan tanpa lesen bagi mengelakkan isu papan iklan tanpa lesen semakin berleluasa;
- 4.6.3. menyegerakan tindakan pelupusan terhadap papan iklan tanpa lesen yang tidak boleh dilesenkan kerana faktor keselamatan atau lokasi. Selain itu, kos untuk menurunkan papan iklan sepatutnya ditanggung oleh pemilik papan iklan; dan
- 4.6.4. menyediakan perancangan aktiviti penguatkuasaan yang menyeluruh meliputi semua jenis papan iklan luar dan papan iklan premis perniagaan supaya dapat mengatasi masalah papan iklan tanpa lesen dan pelesen yang tidak mematuhi syarat lesen.

MAJLIS DAERAH PONTIAN

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

5. PENGURUSAN PEROLEHAN

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Perolehan adalah suatu kaedah bagi mendapatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang diperlukan daripada pembekal atau kontraktor yang berkelayakan. Arahan Perbendaharaan 168 menetapkan keizinan membuat perolehan oleh Pegawai Pengawal yang mana peruntukan telah disediakan dalam anggaran yang diluluskan tertakluk kepada peraturan Perbendaharaan.

5.1.2. Majlis Daerah Pontian (MDP) dengan keluasan 4,996.92 hektar dan Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) dengan keluasan 12,763 hektar telah ditubuhkan di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pelaksanaan perolehan di MDP dan MDKT dibuat berdasarkan peruntukan perbelanjaan tahunan mengikut keutamaan. Pengurusan perolehan di MDP dan MDKT diuruskan oleh semua jabatan mengikut keperluan. Jabatan Kewangan menguruskan proses pembayaran bagi memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan dapat dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

5.1.3. Jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk tujuan perolehan berbanding dengan jumlah peruntukan perolehan bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PEROLEHAN MDP DAN MDKT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN PEROLEHAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
MDP			
2014	23.11	22.51	97.4
2015	44.29	41.07	92.8
2016	45.31	39.75	87.7
JUMLAH	112.71	103.33	91.7
MDKT			
2014	29.37	21.74	74.0
2015	30.78	30.49	99.1
2016	42.25	36.68	86.8
JUMLAH	102.40	88.91	86.8

Sumber: MDP dan MDKT

Nota: Peruntukan Meliputi Peruntukan Daripada Majlis, Kerajaan Persekutuan dan Negeri

5.1.4. Pecahan perolehan mengikut kaedah perolehan iaitu lantikan terus, sebut harga dan tender bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.2
KAEDAH PEROLEHAN MDP DAN MDKT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	LANTIKAN TERUS		SEBUT HARGA		TENDER		RUNDINGAN TERUS		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
MDP										
2014	825	7.01	82	14.80	-	-	4	0.7	911	22.51
2015	670	2.56	120	22.51	4	11.00	1	5.00	795	41.07
2016	817	6.55	107	17.59	8	15.61	-	-	932	39.75
JUMLAH	2,312	16.12	309	54.90	12	26.61	5	5.70	2,638	103.33
MDKT										
2014	1,609	3.82	163	15.66	4	2.27	-	-	1,776	21.74
2015	1,253	6.43	172	18.75	10	5.31	-	-	1,435	30.49
2016	1,162	5.69	126	28.30	1	2.69	-	-	1,417	36.68
JUMLAH	4,024	15.94	461	62.70	15	10.28	-	-	4,628	88.91

Sumber: MDP dan MDKT

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan perolehan telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi semua kaedah perolehan daripada segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang dilaksanakan bagi tahun 2014 hingga 2016. Pengauditan telah dilaksanakan di pejabat MDP dan MDKT. Semakan telah dilaksanakan melalui pemilihan sampel secara *random* ke atas dokumen perolehan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.3
BILANGAN SAMPEL PENGAUDITAN DOKUMEN
PEROLEHAN MDP DAN MDKT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	LANTIKAN TERUS (KERJA)		LANTIKAN TERUS (BEKALAN)		SEBUT HARGA		TENDER		RUNDINGAN TERUS		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
MDP												
2014	17	0.31	47	0.20	24	6.12	0	-	4	0.70	92	7.33
2015	34	0.61	23	0.10	32	9.01	3	6.03	1	4.97	93	20.72
2016	30	0.55	42	0.33	35	7.67	8	15.61	0	-	115	24.16
JUMLAH	81	1.47	112	0.63	91	22.80	11	21.64	5	5.67	300	52.21
MDKT												
2014	11	0.17	5	0.03	24	3.55	1	0.98	-	-	41	4.73
2015	7	0.09	38	0.11	34	6.02	-	-	-	-	79	6.22
2016	24	0.45	33	0.26	28	5.56	-	-	-	-	85	6.27
JUMLAH	42	0.71	76	0.40	86	15.13	1	0.98	-	-	205	17.22

Sumber: MDP dan MDKT

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pemeriksaan dijalankan terhadap rekod dan dokumen perolehan yang berkaitan. Selain itu, lawatan fizikal juga dijalankan dengan kerjasama pegawai daripada MDP dan MDKT bagi mengesahkan aset yang diterima serta projek yang dilaksanakan. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab telah dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya daripada pengauditan yang telah dilaksanakan terhadap sampel yang dipilih, pihak Audit mendapati Pengurusan Perolehan di MDP dan MDKT adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui daripada sampel yang diaudit adalah seperti berikut:

- i. kajian pasaran tidak dilaksanakan di MDP berjumlah RM0.63 juta dan MDKT berjumlah RM0.21 juta menyebabkan harga perolehan melebihi daripada harga pasaran;
- ii. spesifikasi kerja tidak disediakan dengan jelas, sempurna dan terperinci melibatkan kos perolehan berjumlah RM9.01 juta di MDP dan RM2.14 juta di MDKT;
- iii. kelewatan menyiapkan kerja tanpa lanjutan masa dan tidak dikenakan denda melibatkan 52 kerja di MDP yang berjumlah RM13.25 juta dan enam kerja di MDKT yang berjumlah RM0.76 juta;
- iv. kelewatan perakuan siap kerja oleh pegawai penguasa melibatkan 85 kerja di MDP yang berjumlah RM7.85 juta dan di MDKT melibatkan 30 kerja berjumlah RM5.34 juta;
- v. pecah kecil perolehan melibatkan 97 perolehan berjumlah RM1.30 juta di MDP dan 62 perolehan di MDKT berjumlah RM0.94 juta; dan
- vi. sebanyak lima perolehan di MDP berjumlah RM0.90 juta dan satu projek berjumlah RM0.98 juta tidak digunakan dan terbiar.

Perkara yang ditemui dan maklum balas MDP dan MDKT telah dibincangkan dalam *Exit Conference* yang telah diadakan pada 14 Mac 2017 dan 27 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut:

5.5.1. Perancangan Perolehan

Perancangan perolehan diperlukan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan perolehan. Ia bertujuan bagi mengelak daripada berlakunya perbelanjaan perolehan pada hujung tahun semata-mata untuk menghabiskan

peruntukan. Semakan Audit terhadap perancangan perolehan MDP dan MDKT mendapatkan perkara seperti berikut:

5.5.1.1. Kajian Pasaran Tidak Dilaksanakan

Arahan Perbendaharaan 169.1 menyatakan setiap pegawai yang menguruskan perolehan bertanggungjawab membuat kajian pasaran yang berpatutan supaya perolehan itu adalah yang paling sesuai dan menguntungkan. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 Perenggan 1 (i) (c) (ii) menyatakan kajian pasaran perlu dijalankan dan trend harga pembelian oleh agensi lain boleh dijadikan sebagai panduan. Kajian hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyenggaraan dan faktor lain yang berkaitan. Semakan Audit mendapatkan perkara seperti berikut:

a. MDP

Sebanyak 112 sampel perolehan bekalan di MDP yang berjumlah RM0.63 juta tidak dilakukan kajian pasaran. MDP hanya mendapatkan harga bagi setiap bekalan yang diperlukan secara langsung daripada pihak pembekal untuk tujuan perbandingan harga. Pihak Audit dimaklumkan kajian pasaran dilakukan oleh kakitangan bagi penyediaan spesifikasi kerja dengan membuat perbandingan harga antara pihak pembekal, kontraktor serta jabatan luaran melalui panggilan telefon, namun tiada bukti dikemukakan.

b. MDKT

Sebanyak 43 atau 56.6% daripada 76 sampel perolehan bekalan di MDKT berjumlah RM0.21 juta tiada kajian pasaran seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.4
PEROLEHAN TANPA KAJIAN PASARAN DI MDKT**

TAHUN	BIL. SAMPEL DISEMAK	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	BIL. SAMPEL TIADA KAJIAN PASARAN	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	SAMPEL TANPA KAJIAN PASARAN (%)
2014	5	0.03	3	0.03	60.0
2015	38	0.11	20	0.06	52.6
2016	33	0.26	20	0.13	60.6
JUMLAH	76	0.40	43	0.21	56.6

Sumber: MDKT

- c. Kesan daripada tiada kajian pasaran yang dibuat, harga perolehan adalah lebih tinggi daripada harga di pasaran. Sebagai contoh, semakan Audit terhadap perolehan peralatan komputer, audio projektor dan mesin *binding* elektrik di MDKT mendapatkan harga yang ditawarkan oleh pembekal lebih tinggi

dari pada harga pasaran antara 20.2% hingga 239.3% seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.5
ANALISA PERBANDINGAN HARGA PEROLEHAN DI MDKT**

BIL.	PERIHAL ASET/ UNIT DIBELI	KOS PEROLEHAN SEUNIT (RM)	HARGA PASARAN (RM)			PERBEZAAN HARGA (RM)	PERBEZAAN HARGA (%)
			1	2	3		
1.	Mesin <i>Binding</i> Elektrik/1	5,599	1,145	1,650	-	3,949	239.3
2.	Audio Projector Panasonic PT EX610/2	15,727	11,500	-	-	4,227	36.8
3.	Komputer Lenovo H30-50/29	2,900	2,378	2,413	1,797	487	20.2
4.	Komputer Riba G50-80/2	4,650	2,299	2,199	1,999	2,351	102.3

Sumber: Laman Web Pembekal

Maklum Balas MDP Bertarikh 21 Mac 2017

Mulai bulan April 2017, MDP telah menyediakan borang permohonan perbelanjaan JKEW(B)7-1 untuk diselaraskan dengan keperluan kajian pasaran sebelum cadangan perolehan diluluskan oleh pihak pengurusan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kajian pasaran adalah tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.

5.5.1.2. Penyediaan Harga Anggaran Jabatan

Arahan Perbendaharaan 179.1 (a) & 179.2 (a) menetapkan Jadual Kadar Harga Kejuruteraan Awam, Bangunan dan Elektrik yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan boleh diguna pakai oleh semua jabatan. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 Perenggan 1 (i) (c) (ii) & (iii) juga menyatakan *trend* harga pembelian dalam urusan perolehan sama ada oleh agensi atau agensi lain boleh dijadikan sebagai panduan dan hendaklah mengambil kira dasar/peraturan khusus Kerajaan dan dasar semasa. Semakan Audit terhadap sampel perolehan kerja di MDP dan MDKT mendapati:

a. MDP

Semakan Audit mendapati MDP tidak merujuk kepada Jadual Kadar Harga yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya bagi kerja *requisition* dan tidak membuat perbandingan dengan Pihak Berkusa Tempatan lain semasa penyediaan spesifikasi kerja bagi sebutharga. Selain itu, terdapat beberapa spesifikasi kerja yang disediakan oleh MDP tidak diperincikan mengikut kerja

yang dilaksanakan. Pihak Audit juga mendapati sebanyak 57 daripada 188 perolehan mempunyai anggaran harga jabatan yang lebih tinggi daripada Jadual Kadar Harga dan Pihak Berkuasa Tempatan lain.

b. MDKT

Semakan Audit mendapati sebanyak 35 kerja lantikan terus berjumlah RM0.59 juta tidak mempunyai anggaran harga jabatan kerana spesifikasi kerja tidak disediakan.

- c. Oleh kerana MDP tidak mengikut Jadual Kadar Harga bagi penyediaan anggaran harga jabatan menyebabkan harga anggaran jabatan lebih tinggi berbanding dengan Jadual Kadar Harga. Analisis Audit terhadap anggaran harga jabatan yang disediakan oleh MDP mendapati 2.2% hingga 74.5% anggaran harga jabatan lebih tinggi berbanding Jadual Kadar Harga dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain seperti di **Jadual 5.6** menyebabkan berlaku lebihan bayaran yang dianggarkan berjumlah RM1.17 juta seperti di **Jadual 5.7**.

JADUAL 5.6
PURATA PERBEZAAN ANGGARAN JABATAN DENGAN
JADUAL KADAR HARGA/PERBANDINGAN PBT LAIN DI MDP

TAHUN	TENDER		SEBUT HARGA		LANTIKAN TERUS	
	BIL. PEROLEHAN	PURATA PERBEZAAN (%)	BIL. PEROLEHAN	PURATA PERBEZAAN (%)	BIL. PEROLEHAN	PURATA PERBEZAAN (%)
2014	-	-	11	2.2 - 41.1	5	4.0 - 38.4
2015	-	-	17	2.6 - 53.8	3	10.1 - 40.0
2016	1	60.4 - 72.1	20	7.1 - 74.5	-	-

Sumber: MDP

JADUAL 5.7
CONTOH KERJA YANG MEMPUNYAI ANGGARAN HARGA
JABATAN LEBIH TINGGI DARIPADA JADUAL KADAR HARGA DAN PBT LAIN

BUTIRAN KERJA	UNIT	HARGA JABATAN	ASAS KIRAAN*	PERBEZAAN (RM)	PERBEZAAN (%)
MEMBINA GELANGGANG SERBAGUNA DAN MENAIKTARAF PEJABAT YAYASAN MDP					
Memasang Jeriji Besi Tingkap Berukuran 4 x 6 (<i>Grille</i>)	Unit	400.00	328.50	71.50	17.9
Memasang Jeriji Besi Tingkap Berukuran 3 x 7 (<i>Grille</i>)	Unit	500.00	284.30	215.70	43.1
MENAIKTARAF DAN PENGGANTIAN SEMULA LONGKANG SERTA KERJA BERKAITAN DI TAMAN RAMBAH, PONTIAN					
Membina dan Menyiapkan Pemasangan Parit Konkrit <i>Precast</i> Berbentuk U 600mm x 600mm Dengan <i>Strut</i>	Meter Panjang	270.00	257.00	13.00	4.8
Membekal Membina dan Menyiapkan Tembok Konkrit Berukuran 228mm Tebal x 300mm Tinggi x 1000mm Panjang	Meter Panjang	110.00	70.90	39.10	35.5

BUTIRAN KERJA	UNIT	HARGA JABATAN	ASAS KIRAAN* (RM)	PERBEZAAN (RM)	PERBEZAAN (%)
Membina dan Menyiapkan Pemasangan Parit Konkrit <i>Precast</i> Berbentuk U 300mm X 300mm Dengan <i>Strut</i>	Meter Panjang	160.00	93.90	66.10	41.3
MENAIKTARAF MEDAN SELERA DAN KERJA BERKAITAN DI R&R PONTIAN, JALAN ABAS					
Membekal dan Membina Besi Penghadang Jenis <i>G.I. Hollow</i> Empat Segi 1.6mm Tebal Berukuran 1000m(T) x 1000m(P)	Meter Panjang	420.00	210.00	210.00	50.0
Menyediakan Tenaga Pekerja Untuk Mengelat Dua Lapisan Cat Jenis <i>Weather Shield</i> Pada Permukaan Luar Bangunan	Meter Persegi	15.00	9.90	5.10	34.0
MENGECAT DAN KERJA BERKAITAN DI PUSAT INFORMASI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN, JALAN DATO' ALI, PONTIAN					
Memasang Pagar Jenis Anti <i>Climb</i> Berukuran 1800mm Tinggi	Meter Panjang	350.00	240.00	110.00	31.4
Mengelat 2 Lapisan Cat Emulsi Pada Permukaan Luar dan Dalam Bangunan	Meter Persegi	10.00	7.20	2.80	28.0
Mengelat 2 Lapisan Cat Jenis <i>Weather Shield</i> Pada Permukaan Luar Bangunan	Meter Persegi	16.00	9.90	6.10	38.1

Sumber: MDP

Nota: * - Asas kiraan adalah berdasarkan kiraan daripada Jadual Kadar Harga atau perbandingan daripada PBT lain

Pada pendapat Audit, penyediaan anggaran harga jabatan adalah tidak memuaskan kerana anggaran harga jabatan di MDP melebihi daripada Jadual Kadar Harga manakala bagi MDKT tidak disediakan.

5.5.1.3. Penyediaan Spesifikasi Kerja

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 bagi Kaedah Perolehan Kerajaan perenggan 1 (iv) (c) menyatakan, spesifikasi yang disediakan perlu mengandungi perkara-perkara seperti warna, saiz, bentuk, kualiti dan nisbah kandungan dan hendaklah dinyatakan dengan jelas serta terperinci supaya tidak menimbulkan keraguan kepada kontraktor/pembekal. Arahan Perbendaharaan 174.1(a) menyatakan apabila tender atau sebut harga dipelawa, spesifikasinya hendaklah jelas supaya petender mendapat gambaran mengenai kehendak Kerajaan. Ia juga penting bagi tujuan penyeliaan dan pemantauan serta menentukan butiran yang dinyatakan dalam spesifikasi kerja dibekalkan/dilaksanakan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. MDP

- Semakan Audit mendapati spesifikasi kerja bagi 14 lantikan terus, 22 sebut harga dan lima tender di MDP yang berjumlah RM7.43 juta telah dinyatakan secara pukal seperti di **Jadual 5.8**. Antara kerja yang dilaksanakan secara pukal adalah seperti di **Jadual 5.9**.

JADUAL 5.8
BILANGAN DAN KOS PEROLEHAN YANG TERLIBAT
DENGAN SPESIFIKASI KERJA YANG DINYATAKAN SECARA PUKAL

TAHUN	LANTIKAN TERUS			SEBUT HARGA			TENDER			JUMLAH KESELURUHAN		
	BIL.	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	KOS PUKAL (RM Juta)	BIL.	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	KOS PUKAL (RM Juta)	BIL.	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	KOS PUKAL (RM Juta)	BIL.	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	KOS PUKAL (RM Juta)
2014	4	0.07	0.04	1	0.15	0.05	0	0	0	5	0.22	0.09
2015	8	0.14	0.11	10	2.9	0.28	1	0.9	0.07	19	3.94	0.46
2016	2	0.03	0.02	11	3.03	0.49	4	11.19	6.37	17	14.25	6.88
JUMLAH	14	0.24	0.17	22	6.08	0.82	5	12.09	6.44	41	18.41	7.43

Sumber: MDP

JADUAL 5.9
ANTARA CONTOH SPESIFIKASI KERJA YANG DINYATAKAN SECARA PUKAL

BIL.	NO. SEBUT HARGA	PERIHAL	BUTIRAN KERJA	KOS KERJA TERLIBAT (RM)
1.	MDP/T/69/2014	Membekal Kios Penjaja Bergerak Untuk Golongan Miskin Tegar, Miskin dan Mudah Miskin di PBT MDP	Membekal Peralatan dan Bahan Bagi Perniagaan Mengikut Keperluan Seperti Peti Sejuk, Tong Gas, Dapur, Beras, Gula, Tepung	50,000
2.	MDP/T/84/2015	Membina Pusat Komuniti Bandar di Stesen Bas Benut Zon 13 MDP dan Kerja-Kerja Berkaitan, Benut, Pontian	Membekal dan Menyiapkan Pusat Komuniti Menggunakan Konsep Office Cabin	64,900
3.	MDP/T/60/2016	Menaiktaraf dan Kerja Berkaitan di Stor MDP, Jalan Sg. Gurap, Pontian	Menghampar dan Melapis ACW 14 (Menggunakan Tan Metrik)	175,000
			Membekal, Menghampar, Menambak Rata serta Memampatkan Crusher Run	109,500
			Membina dan Mengecat Bebendum (Kerb) Dengan 2 Lapisan Cat Yang Berwarna Hitam dan Putih	1,000
4.	MDP/T/38/2016	Penyenggaraan Longkang dan Kerja Berkaitan di Taman Sri Maju	Pengorekan, Pemotongan Lantai Konkrit, Menggali dan Membuka Pembetung dan Parit Konkrit	10,000
5.	MDP/T/53/2016	Kerja-Kerja Menaiktaraf Tandas Awam di Gerai MDP, Pekan Nanas	Menyenggara dan Menaiktaraf Sistem Paip (Jika Perlu) Dalam Tandas Lelaki, Perempuan dan Surau	10,000
			Kerja Pembersihan Permukaan Bangunan (Luar dan Dalam)	3,000
			Menyediakan Tenaga Pekerja Untuk Mengecat 2 Lapisan Cat Jenis Weather Shield Pada Permukaan Luar dan Dalam	5,000
			Menyediakan Tenaga Pekerja Untuk Mengecat 1 Lapisan Cat Undercoat Pada Permukaan Luar dan Dalam	2,000
			Membekal dan Memasang Jubin Dalam Tandas Lelaki dan Perempuan	12,000
			Membekal dan Memasang Papan Tanda Tandas Awam	3,000

Sumber: MDP

- ii. Selain itu, semakan Audit juga mendapati spesifikasi kerja bagi satu tender, 13 sebut harga dan 12 lantikan terus dengan kos berjumlah RM1.58 juta tidak lengkap dan terperinci bagi setiap perihal item yang terlibat seperti tiada nama jalan berserta bilangan dan jenis kerja yang dilaksanakan. Bilangan dan kos kerja yang terlibat adalah seperti di

Jadual 5.10. Antara kerja yang tidak mempunyai spesifikasi kerja tidak lengkap dan terperinci seperti di **Jadual 5.11.**

JADUAL 5.10
KERJA BAGI BILL OF QUANTITIES YANG TIDAK
LENGKAP DI MDP BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	TENDER		SEBUT HARGA		LANTIKAN TERUS	
	BIL.	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	BIL.	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	BIL.	KOS PEROLEHAN (RM Juta)
2014	-	-	3	0.12	3	0.02
2015	1	0.25	6	0.63	6	0.11
2016	-	-	4	0.39	3	0.06
JUMLAH	1	0.25	13	1.14	12	0.19

Sumber: MDP

JADUAL 5.11
ANTARA CONTOH SPESIFIKASI KERJA YANG TIDAK LENGKAP

BIL.	NO. SEBUT HARGA	PERIHAL KERJA	KOS KERJA TERLIBAT (RM)	PENEMUAN AUDIT
1.	MDP/T/85/2014	Menaiktaraf Jalan dan Kerja Berkaitan di Taman Sri Damansara, Pekan Nanas, Pontian	43,740	Tiada nama jalan disertakan <ul style="list-style-type: none"> • Kerja menurap laluan masuk ke rumah kediaman • Garisan Jalan - garisan tepi, garisan tengah putus-putus, garisan berhenti dan <i>hump</i> • Papan tanda berhenti/papan tanda nama jalan
2.	MDP/T/43/2014	Menaiktaraf Jalan dan Kerja Berkaitan di Taman Pontian Jaya, Pontian	26,123	Tiada nama jalan disertakan <ul style="list-style-type: none"> • Garisan Jalan - garisan tepi, garisan tengah putus-putus, garisan berhenti dan mengecat <i>hump</i> • Papan tanda berhenti/papan tanda nama jalan
3.	MDP/T/42/2014	Menaiktaraf Jalan dan Kerja Berkaitan di kawasan 'B', Pekan Nenas, Pontian	52,913	Tiada nama jalan disertakan <ul style="list-style-type: none"> • Garisan Jalan - garisan tepi, garisan tengah, garisan berhenti • Papan tanda berhenti, papan tanda nama jalan • Kerja mengecat bonggol
4.	MDP/T/70/2015	Menaiktaraf dan Penggantian Semula Longkang serta Kerja Berkaitan di Taman Pontian Jaya (Fasa2), Pontian	479,630	Tiada nama jalan disertakan <ul style="list-style-type: none"> • Kerja pembinaan longkang, membuang longkang lama, membina tembok konkrit dan <i>strut</i> • Kerja pembinaan jalan
5.	MDP/T/52/2015	Penyelenggaraan Jalan dan Kerja Berkaitan di Taman Mutiara	249,056	Tiada nama jalan disertakan <ul style="list-style-type: none"> • Garisan Jalan - garisan tepi, garisan tengah putus-putus, garisan berhenti dan bonggol • Papan tanda berhenti/papan tanda nama jalan/papan tanda bonggol
6.	MDP/T/29/2016	Penyelenggaraan Jalan dan Kerja Berkaitan di Jalan Andak, Jalan Abd Jalil dan Jalan Hussin Abd Rahman, Benut	75,744	Tiada nama jalan disertakan <ul style="list-style-type: none"> • Garisan Jalan - garisan berhenti, garisan tengah, garisan tepi dan anak panah • Papan tanda berhenti • Pembinaan <i>kerb</i> Kerja penyelenggara longkang dan membina longkang, membuang longkang lama, membina tembok konkrit dan <i>strut</i>

Sumber: MDP

b. **MDKT**

- i. Semakan Audit mendapati sebanyak empat perolehan sebutharga di MDKT bernilai RM1.55 juta pada tahun 2016 tidak mempunyai spesifikasi yang jelas seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.12
SENARAI KERJA BAGI BILL OF QUANTITIES
YANG TIDAK LENGKAP DI MDKT PADA TAHUN 2016

BIL.	PERIHAL/NO. SEBUT HARGA	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	CATATAN
1.	MDKT/P/MARRIS/2016/15 Penyenggaraan Jalan dan Perabot Jalan di Kawasan Bercukai MDKT	0.47	Nama Jalan yang terlibat tidak disenaraikan secara terperinci
2.	MDKT/P/MARRIS/2016/20 Membekal dan Memasang Papan Nama Jalan di Sekitar Taman Kota Jaya	0.29	
3.	MDKT/P/MARRIS/2016/21 Membekal dan Memasang Papan Nama Jalan di Sekitar Bandar Kota Tinggi	0.39	
4.	MDKT/P/MARRIS/2016/22 Membekal dan Memasang Papan Nama Jalan di Taman Sri Saujana Kota Tinggi	0.40	
JUMLAH		1.55	

Sumber: MDKT

- ii. Semakan Audit juga mendapati 35 sampel kerja yang bernilai RM0.59 juta tidak disediakan spesifikasi kerja. Antara kerja yang terlibat adalah membina tempat duduk bertingkat di Taman Kanak-kanak Taman Kota, Kota Tinggi dilaksanakan dengan kos RM20,000 yang tidak mempunyai spesifikasi kerja seperti gambar berikut:



GAMBAR 5.1

Taman Kanak-Kanak, Taman Kota, Kota Tinggi
- Tempat Duduk Bertingkat yang Dibina
(20.12.2016)

- iii. Selain itu, 31 sampel pembelian terus bekalan dan perkhidmatan bernilai RM0.15 juta tidak disokong dengan spesifikasi bekalan/perkhidmatan.
- c. Ketiadaan spesifikasi kerja yang jelas, sempurna dan terperinci telah menimbulkan kesulitan kepada MDP dan MDKT untuk membuat perakuan kerja siap dan pengesahan pembayaran.

Maklum Balas MDKT yang Diterima Pada 27 Mac 2017

Mulai 2017, Jawatankuasa Spesifikasi telah menyediakan spesifikasi kerja.

Pada pendapat Audit, penyediaan spesifikasi kerja adalah tidak memuaskan kerana tidak disediakan dengan jelas, sempurna dan terperinci.

5.5.2. Pengurusan Perolehan

Perancangan setiap perolehan hendaklah dibuat dengan teliti dan pelaksanaan projek oleh Majlis perlu disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan mengikut syarat-syarat lain yang terkandung dalam dokumen kontrak serta peraturan-peraturan berkaitan. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan mendapati perkara seperti berikut:

5.5.2.1. Pelantikan Jawatankuasa Spesifikasi

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 Perenggan 1 (iv) menyatakan Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah dilantik oleh Ketua Agensi bagi menyediakan spesifikasi umum/khusus/teknikal bagi setiap perolehan yang hendak dibuat. Ahli Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang pegawai yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan atau wakil daripada bahagian yang berkaitan. Semakan Audit mendapati MDP dan MDKT tidak melantik Jawatankuasa Spesifikasi bagi menyediakan spesifikasi kerja, perkhidmatan dan bekalan yang jelas, sempurna dan terperinci. Ketiadaan jawatankuasa spesifikasi tersebut menyebabkan ketiadaan rujukan harga jabatan dan spesifikasi kerja disediakan tidak secara khusus serta terperinci. Ini akan menyukarkan pelaksanaan perolehan daripada segi pengesahan kerja dan pembayaran.

Maklum Balas MDKT yang Diterima Pada 27 Mac 2017

Jawatankuasa Spesifikasi Kerja telah ditubuhkan melalui surat bertarikh 1 Mac 2017.

Pada pendapat Audit, pelantikan Jawatankuasa Spesifikasi adalah tidak memuaskan kerana tidak dilantik mengikut peraturan.

5.5.2.2 Pelantikan Jawatankuasa Sebut Harga

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia P.K 2.1 (xiii) (a) (3), pegawai pengawal hendaklah melantik semua ahli Jawatankuasa Sebut Harga secara bertulis yang

terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang pegawai di mana seorang daripadanya hendaklah pegawai dari kumpulan pengurusan dan profesional. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada bulan Jun 2003 (RM Bil.1315/2003) telah memutuskan keahlian lembaga tender/sebut harga adalah terdiri daripada Yang Dipertua sebagai pengurus, setiausaha, jurutera dan seorang ahli Majlis yang bertaraf profesional atau Ketua Whip sebagai ahli. Semakan Audit terhadap pelantikan ahli jawatankuasa sebut harga di MDP dan MDKT adalah seperti berikut:

a. MDP

Semakan Audit mendapati keahlian Jawatankuasa Sebut Harga MDP pada tahun 2015 tidak selari dengan arahan dan dasar Kerajaan Negeri kerana Jurutera MDP tidak dilantik sebagai ahli tetapi diganti dengan Penolong Jurutera.

b. MDKT

Semakan Audit terhadap pelantikan Jawatankuasa Sebut Harga di MDKT mendapati telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

- c. Pelantikan ahli sebut harga yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan boleh menyebabkan perolehan yang diputuskan tidak sah yang mana memberi implikasi kepada keseluruhan perolehan yang telah diluluskan sejak tahun 2015.

Maklum Balas MDP yang Diterima Pada 7 Mac 2017

MDP mengakui pindaan terhadap keahlian Jawatankuasa Sebut Harga dan Jawatankuasa Perubahan Kerja telah dibuat dengan menukar jawatan Jurutera kepada Penolong Jurutera. Bagaimanapun, tindakan pembetulan keahlian Jawatankuasa telah dibuat pada bulan Jun 2016.

Pada pendapat Audit, pelantikan jawatankuasa sebut harga di MDP adalah tidak memuaskan kerana telah bertentangan dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri.

5.5.2.3. Peti Tawaran Sebut Harga

Arahan Perbendaharaan 196 menyatakan peti tawaran hendaklah dikunci dengan dua kunci berbeza dan anak kuncinya dipegang secara berasingan oleh dua orang pegawai berkaitan. Para 7(viii)(a)(2) 1PP adalah dirujuk. Arahan

Perbendaharaan 197.2(b) menjelaskan peti tawaran hendaklah dibuka pada waktu yang ditetapkan. Para 7 (viii)(b) (1) 1PP PK4 menjelaskan peti tawaran hendaklah dibuka secepat mungkin selepas sebut harga ditutup. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. **MDP**

Semakan Audit terhadap peti tawaran sebut harga mendapati telah diuruskan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

b. **MDKT**

- i. semakan Audit terhadap peti tawaran sebut harga mendapati hanya seorang Pembantu Tadbir Kanan Gred N26 dilantik sebagai pemegang kunci peti tersebut.
- ii. semakan Audit terhadap 87 fail tender dan sebut harga mendapati sebanyak 56 sebut harga atau 64.4% bernilai RM8.45 juta telah lewat dibuka antara satu hingga 28 hari seperti di **Jadual 5.13**.
- iii. kelemahan kawalan kunci peti tawaran dan kelewatan membuka peti tawaran yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan akan menjelaskan ketelusan proses perolehan secara sebut harga dan tender yang dilaksanakan.

JADUAL 5.13
SENARAI TENDER/SEBUT HARGA DI MDKT YANG LEWAT DIBUKA

TAHUN	BILANGAN TENDER/ SEBUT HARGA DISEMAK	BILANGAN SEBUT HARGA LEWAT DIBUKA	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	PERATUS SEBUT HARGA LEWAT DIBUKA (%)
2014	25	12	1.77	1 - 28	48.0
2015	34	24	3.02	1 - 20	70.5
2016	28	20	3.66	5 - 20	71.4
JUMLAH	87	56	8.45		64.4

Sumber: MDKT

Maklum Balas MDKT yang Diterima Pada 27 Mac 2017

Pelantikan dua orang pegawai dipertanggungjawabkan untuk memegang kunci peti tawaran telah dibuat melalui surat bertarikh 28 Disember 2016.

Pada pendapat Audit, pengurusan peti sebut harga di MDP adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan di MDKT adalah tidak memuaskan

kerana tidak di senggara mengikut peraturan yang ditetapkan dan lewat dibuka.

5.5.2.4. Pemilihan Lantikan Terus, Sebut Harga dan Tender

Arahan Perbendaharaan 166.2 (ii), 193, 197.3 dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 bagi Kaedah Perolehan Kerajaan mengenai Had Nilai, Kuasa Dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi telah menggariskan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi semasa pemilihan kontraktor melalui tender, sebut harga atau lantikan terus. Antara kriteria yang patut dipertimbangkan bagi pemilihan kontraktor adalah:

- a. memenuhi kesemua syarat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga;
- b. keupayaan/kemampuan menyebut harga seperti pengalaman kerja yang lepas, prestasi kerja/kontrak semasa, projek yang sedang dilaksanakan/dalam tangan; dan
- c. kemampuan kewangan hendaklah dinilai bagi sebut harga bernilai melebihi RM 200,000 hingga RM 500,000 daripada segi modal minimum sekurang-kurangnya 1.5% daripada anggaran jabatan.

Arahan Perbendaharaan 170.1 menyatakan sebut harga hendaklah ditawarkan sekurang-kurangnya kepada lima pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sekiranya bilangan pelawaan sebut harga yang dikehendaki tidak boleh diperoleh, Urus Setia Sebut Harga hendaklah mencatatkan minit bahawa berpuas hati dengan bilangan pembekal adalah kurang daripada lima pembekal. Mengikut 1PP PK2/2013 Para 7(iii) (a) (b), perolehan hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya lima pembekal tempatan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. MDP

- Semakan Audit mendapati 18 kontraktor atau 17.6% daripada 102 sampel di MDP **tidak disokong** oleh Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga/Tender dan tidak disertakan dengan justifikasi yang terperinci, namun **telah dipilih** oleh Jawatan Kuasa Sebut Harga/Tender seperti di **Jadual 5.14**. Analisis Audit mendapati lapan atau 44.4% daripada 18 kontraktor yang dipilih mempunyai harga yang lebih tinggi daripada harga anggaran jabatan, tidak menetapkan tempoh waktu penyiapan dan tidak mempunyai modal kewangan yang mencukupi.

JADUAL 5.14
**BIL. KONTRAKTOR DI MDP YANG DILANTIK DARIPADA SENARAI KONTRAKTOR
YANG TIDAK DISOKONG OLEH AHLI JAWATANKUASA PENILAIAN SEBUTHARGA/TENDER**

TAHUN	SAMPEL KERJA		KONTRAKTOR BERJAYA (TIDAK MEMENUHI SYARAT)		KEUPAYAAN KONTRAKTOR (TIDAK MEMENUHI SYARAT)					
	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	HARGA LEBIH TINGGI	TEMPOH TIDAK MUNASABAH	KEUPAYAAN KEWANGAN	MAKLUMAT TIDAK LENGKAP	LOJI DAN PERALATAN	CIDB
2014	24	6.12	4	1.56	-	3	1	-	-	-
2015	35	15.00	3	0.92	1	-	-	1	-	1
2016	43	23.09	11	14.62	1	-	2	5	2	1
JUMLAH	102	44.21	18	17.10	2	3	3	6	2	2

Sumber: MDP

- Semakan Audit juga mendapati sebanyak sepuluh kerja di MDP berjumlah RM1.38 juta mempunyai anggaran harga yang sama antara harga jabatan dengan harga kontraktor/pembekal seperti di **Jadual 5.15**. Selain itu, setiap item dalam spesifikasi Jabatan sama dengan butiran item di spesifikasi kontraktor.

JADUAL 5.15
**KOS PEROLEHAN YANG DITAWARKAN OLEH
KONTRAKTOR SAMA DENGAN ANGGARAN JABATAN DI MDP**

BIL.	NO. FAIL	PERIHAL KERJA	KOS PEROLEHAN	
			JABATAN (RM)	KONTRAKTOR (RM)
1.	MDP/T/62/2014	Membekal dan Menyediakan Kelengkapan Bagi Program Kelab Sukan Rekreasi & Komuniti (SRCC) Bagi Parliment Tanjung Piai	150,000	150,000
2.	MDP/T/63/2014	Membekal dan Menyediakan Kelengkapan Bagi Program Kelab Sukan Rekreasi & Komuniti (SRCC) Bagi Parliment Tanjung Piai	150,000	150,000
3.	MDP/LS/S/10/ 2015	Membekal, Menghantar, dan Menanam Pokok Bonsai dari Jenis <i>Podocarpus</i> Bonsai di Laman Diraja, Pontian	31,650	31,650
4.	MDP/T/41/2015	Membekal dan Memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Laman Diraja, Pontian	110,000	109,666
5.	MDP/LS/S/1/2015	Membuka, Memindah dan Memasang Semula Alat Permainan Kanak-Kanak di Kawasan Taman Awam Tepi Laut, Pontian	82,750	82,700
6.	MDP/T/84/2015	Membina Pusat Komuniti Bandar di Stesen Bas Benut Zon 13 MDP dan Kerja Berkaitan, Benut, Pontian	94,352	93,950
7.	MDP/JKA/SH/1/2016 6	Membekal dan Menghantar Barang dan Peralatan Keselamatan Vektor	33,956	33,956
8.	MDP/T/67/2016	Menaiktaraf Rumah Kediaman Tuan YDP dan Kerja Berkaitan	265,380	265,380
9.	MDP/LS/S/M/9/ 2014	Menaiktaraf Landskap di Kawasan Taman Awam Tepi Laut Pontian, Johor	320,000	315,200
10.	MDP/T/69/2014	Membekal Kios Penjaja Bergerak Utk Golongan Miskin Tegar, Miskin dan Mudah Miskin di MDP	150,000	149,700
JUMLAH			1,388,088	1,382,202

Sumber: MDP

- Semakan Audit terhadap 188 sampel yang dipilih di MDP mendapati 56 perolehan kerja bernilai RM19.62 juta telah dilaksanakan oleh lapan kontraktor yang sama walaupun diberi kepada 36 syarikat yang berlainan. Ini adalah berdasarkan kepada analisis audit terhadap nombor telefon syarikat, nama kakitangan syarikat dan tandatangan pegawai yang sama bagi setiap dokumentasi yang terlibat seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.16
KONTRAKTOR YANG SAMA TETAPI
MEMPUNYAI NAMA SYARIKAT YANG BERBEZA DI MDP**

BIL.	CATATAN PERSAMAAN	BIL. SYARIKAT	BIL. PEROLEHAN	KOS PEROLEHAN (RM Juta)
1.	Tandatangan	2	2	0.30
2.	Nombor telefon	3	3	6.18
3.	• Nama kakitangan syarikat • Nama kakitangan mengambil cek	11	22	1.28
4.	• Nama kakitangan syarikat • Nama kakitangan mengambil cek	8	12	0.95
5.	Nama kakitangan mengambil cek	2	3	0.20
6.	• Nama kakitangan syarikat • Nama kakitangan mengambil cek	5	9	0.94
7.	Nama kakitangan syarikat	3	3	0.91
8.	Nama kakitangan mengambil cek	2	2	8.86
JUMLAH		36	56	19.62

Sumber: MDP

Nota: Nama pengambil cek adalah individu yang sama kepada kakitangan/pemilik syarikat yang lain.

ii. MDKT

- Semakan Audit mendapati pemilihan dan pelantikan kontraktor telah mengikut kriteria yang ditetapkan dan tidak bertentangan dengan peraturan yang diguna pakai.
- Semakan Audit juga mendapati sebanyak lapan sebut harga di MDKT yang bernilai RM0.59 juta telah mendapat pelawaan kurang daripada lima pembekal tanpa pengesahan urusetia seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.17
SENARAI SEBUT HARGA DI MDKT YANG DIBIDAKURANG DARIPADA LIMA PEMBEKAL**

BIL.	NO. SEBUT HARGA/PERIHAL KERJA	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	BIL. PEMBEKAL
2014			
1.	MDKT/PB/T/2014/021 Kerja Memasang Papan Tanda 'Kota Tinggi' dan 'Daerah Pelancongan Bersejarah' di Persimpangan Empat Desaru - Bypass, Jalan Desaru, Kota Tinggi	0.18	3
2.	MDKT/JPA/06/25 Kerja Membina Bilik Ketua Audit, Ketua Unit Undang-Undang serta Membekal dan Memasang Partition di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi	0.03	3
JUMLAH		0.21	6

BIL.	NO. SEBUT HARGA/PERIHAL KERJA	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	BIL. PEMBEKAL
2015			
3.	MDKT/JPA/2015/03/33 Kerja Membekal dan Memasang serta Menguji Terima Lantai Khas Bagi Bilik Server serta Kemudahan Berkaitan di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi	0.03	4
4.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2015/58 Kerja Membina Balai Aktiviti Wanita di Taman Kota, Kota Tinggi	0.05	4
5.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2015/68 Kerja Membina Baru Balai Aktiviti Wanita di Kampung Rantau Panjang	0.05	3
6.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2015/64 Kerja Menaiktaraf Gelanggang Permainan Kampung Sri Aman	0.03	3
JUMLAH		0.16	14
2016			
7.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2016/40 Kerja Membina Baru Balai Aktiviti di Jalan SS 5, Taman Sri Saujana	0.19	4
8.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2016/25 Kerja Menaiktaraf Balai Aktiviti Kg. Sri Aman, Kota Tinggi	0.03	1
JUMLAH		0.22	5
JUMLAH KESELURUHAN		0.59	25

Sumber:MDKT

- iii. Pemilihan kontraktor yang tidak mengikut kriteria telah menyebabkan projek lewat disiapkan dan menjelaskan peluang kepada kontraktor yang berkelayakan.

Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor adalah tidak memuaskan kerana pemilihan kontraktor di MDP tidak mengikut kriteria yang ditetapkan di samping harga kontraktor yang sama bagi setiap item dengan anggaran jabatan. Manakala bagi MDKT pemilihan kontraktor adalah memuaskan dan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

5.5.3. Pentadbiran Kontrak

5.5.3.1. Bon Pelaksanaan

Para 3 Surat KPKR Bil 22/2016 menjelaskan bahawa kontraktor yang berjaya hendaklah membayar Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai tender dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Insurans Atau Takaful. Sekiranya tidak boleh berbuat demikian maka kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan hendaklah dilakukan sebagaimana ditetapkan dalam peraturan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. MDP

Semakan Audit terhadap pengurusan proses bon pelaksanaan mendapati telah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

b. MDKT

Semakan Audit terhadap projek tender Kerja Ubahan Tambahan Ruang Dalaman Sebahagian Tingkat Bawah Pasar Awam/Kompleks Perniagaan Sedia ada di Lot PTB 112, Jalan Niaga Kota Tinggi bernilai RM0.98 juta mendapati Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM49,000 tidak dapat dikenakan disebabkan penangguhan projek.

- c. Ketiadaan bon pelaksanaan memberi kesan kepada perolehan sekiranya berlaku sebarang pelanggaran syarat kontrak perolehan yang tidak menjamin kepentingan Kerajaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan bon pelaksanaan adalah baik di MDP manakala tidak memuaskan di MDKT kerana tiada bon pelaksanaan/wang jaminan pelaksanaan tidak dapat dikenakan kepada kontraktor.

5.5.3.2. Pengurusan Perjanjian Kontrak

Mengikut PK 4 1PP, kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin oleh kedua pihak atau selewat-lewatnya empat bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. MDP

Semakan Audit terhadap pengurusan perjanjian kontrak adalah memuaskan kerana telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

b. MDKT

Semakan Audit mendapati dua fail kontrak perkhidmatan keselamatan telah lewat dimuktamadkan antara 125 hingga 136 hari seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.18
DOKUMEN PERJANJIAN PERKHIDMATAN KESELAMATAN
DI MDKT BAGI TAHUN 2015 DAN 2016 LEWAT DIMUKTAMADKAN**

BIL.	PROJEK	KOS PEROLEHAN (RM)	TEMPOH KONTRAK (RM)	TARIKH LANTIKAN	TARIKH PERJANJIAN	LEWAT (HARI)
1.	Kawalan Keselamatan Tanpa senjata di Terminal Tun Sri Lanang Kota Tinggi	108,624	01.01.2015 Hingga 31.12.2015	01.01.2015	06.05.2015	125
2.	Kawalan Keselamatan Tanpa di Dewan Futsal dan Dewan Serbaguna Taman Kota Jaya Kota Tinggi	114,212	01.01.2016 Hingga 31.12.2017	01.01.2016	16.05.2016	136
JUMLAH		222,836				

Sumber: MDKT

- c. Kelewatan menandatangani perjanjian kontrak boleh menjelaskan pelaksanaan pemantauan terhadap perolehan yang dilaksanakan kerana tidak

dapat mengambil sebarang tindakan sekiranya berlaku kepada pelanggaran syarat perjanjian.

Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian kontrak di MDP adalah baik manakala di MDKT adalah kurang memuaskan kerana lewat ditandatangani.

5.5.3.3. Penyediaan Inden Kerja/Pesanan Tempatan

Arahan Perbendaharaan 176.1 (a) & (b) menyatakan sebelum sesuatu tender atau sebut harga disetuju terima, pegawai pengawal hendaklah berpuas hati syarat perolehan telah dinyatakan dengan jelas seperti spesifikasi, harga seunit, kuantiti, tarikh, masa dan tempat serahan. Sekiranya nilai perolehan tidak melebihi RM50,000 memadai bagi agensi menggunakan borang pesanan kerajaan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin/terpelihara. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. MDP

Sebanyak empat inden kerja di MDP yang berjumlah RM0.70 juta telah dikeluarkan selepas kerja siap antara 16 hingga 542 hari seperti di **Jadual 5.19**. Semakan Audit juga mendapati kerja rundingan terus telah dilaksanakan antara satu hingga 496 hari daripada tarikh permohonan kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri (PKN) dibuat.

JADUAL 5.19
INDEN KERJA DAN PERMOHONAN
KEBENARAN BAGI RUNDINGAN TERUS DI MDP LEWAT DIBUAT

BIL.	PERHAL KERJA	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	TARIKH SIAP KERJA (A)	TARIKH INDEN KERJA (B)	LEWAT (HARI) A-B	TARIKH MOHON KELULUSAN PKN (C)	LEWAT (HARI) (A-C)	TARIKH KELULUSAN PKN
1.	Penyenggaraan Sistem Penghawa Dingin di Bangunan MDP	0.20	30.11.2014	16.12.2014	16	01.12.2014	1	16.12.2014
2.	Membaikpulih Infrastruktur dan Kerja Berkaitan di Dataran Hadapan Balairaya Benut dan Kawasan Sekitar Sempena Kembara Mahkota Johor 2014 di Benut	0.19	10.06.2014	17.12.2014	190	01.12.2014	174	16.12.2014
3.	Membaikpulih Dewan Jubli Intan & Kerja Berkaitan Sempena Istiadat Penyampaian Pingat	0.22	10.06.2014	17.12.2014	190	01.12.2014	174	16.12.2014
4.	Pemasangan Tiang Bendera di Dataran Pontian	0.09	01.05.2015*	24.10.2016	542	08.09.2016	496	07.10.2016
JUMLAH		0.70						

Sumber: MDP

Nota: * - Tarikh Milik Tapak

b. MDKT

- Semakan Audit mendapati sebanyak 53 pesanan tempatan dan 72 inden kerja di MDKT lewat dikeluarkan antara satu hingga 103 hari kepada pembekal dan kontraktor seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.20

BILANGAN PESANAN TEMPATAN (PT) DAN INDEN KERJA DI MDKT LEWAT DISEDIAKAN

TAHUN	BIL. DISEMAK		BILANGAN LEWAT		KOS PEROLEHAN (RM)		KELEWATAN (HARI)		PERATUS BILANGAN LEWAT (%)
	PT	INDEN	PT	INDEN	PT	INDEN	PT	INDEN	
2014	5	35	2	28	0.01	2.98	44 - 49	3 - 69	70.0
2015	38	41	30	20	0.08	2.51	6 - 103	1 - 82	63.3
2016	33	52	21	24	0.11	1.45	1 - 78	4 - 38	52.9
JUMLAH	76	128	53	72	0.20	6.94			82.2

Sumber: MDKT

- Semakan Audit terhadap 86 sampel sebut harga di MDKT mendapati 28 atau 32.5% inden kerja sebutharga tahun 2014 hingga 2016 bernilai RM4.41 juta telah tidak dicatatkan dengan lengkap iaitu tarikh sepatutnya kerja siap, tarikh perakuan siap kerja dan tarikh penerimaan kembali inden pada Borang Inden Kerja seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.21

BILANGAN INDEN KERJA SEBUT HARGA DI MDKT TIDAK LENGKAP

TAHUN	BILANGAN SEBUT HARGA DISEMAK	BILANGAN INDEN KERJA TIDAK LENGKAP	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	PERATUS INDEN TIDAK LENGKAP (%)
2014	24	8	1.48	33.3
2015	34	5	0.34	14.7
2016	28	15	2.59	53.5
JUMLAH	86	28	4.41	32.5

Sumber: MDKT

- Sebanyak enam projek di MDKT telah dikeluarkan inden kerja lebih awal sebelum SST dikeluarkan kepada kontraktor antara enam hingga 83 hari. Manakala 22 projek lagi tidak dapat disahkan tempoh penyediaan Inden Kerja disebabkan maklumat tarikh SST dan tarikh Inden Kerja tidak dicatatkan. Selain itu, sebanyak 21 inden kerja dikeluarkan melebihi 14 hari selepas SST dikeluarkan antara dua hari hingga 99 hari seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.22
SENARAI INDEN SEBUT HARGA DI MDKT DIKELUARKAN
SEBELUM TARikh SST, TIDAK LENGKAP DAN LEWAT DIKELUARKAN

TAHUN	BILANGAN TENDER/SEBUT HARGA DISEMAK	BIL. INDEN DIKELUARKAN SEBELUM TARikh SST	MAKLUMAT TIDAK LENGKAP	BIL. INDEN DIKELUARKAN MELEBIHI 14 HARI SELEPAS SST
2014	24	-	2	7
2015	34	3	3	10
2016	28	3	17	4
JUMLAH	86	6	22	21

Sumber: MDKT

- c. Kelewatan mengeluarkan inden/pesanan tempatan menyebabkan proses pelaksanaan perolehan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.

Maklum Balas MDKT yang Diterima Pada 27 Mac 2017

MDKT telah mengambil tindakan dengan memastikan maklumat penting disemak dan dicatatkan sebelum pembayaran dibuat.

Pada pendapat Audit, penyediaan inden kerja/pesanan tempatan adalah tidak memuaskan kerana lewat dan tidak lengkap.

5.5.4. Pelaksanaan Kerja/Bekalan/Perkhidmatan

Agensi hendaklah membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Agensi juga perlu menyediakan jadual pelaksanaan khusus untuk setiap perolehan. Semakan Audit terhadap kemajuan kerja perolehan yang dilaksanakan oleh MDP dan MDKT mendapati perkara seperti berikut:

5.5.4.1. Pematuhan Spesifikasi Kerja/Bekalan

Pelaksanaan kontrak kerja hendaklah mengikut butiran kerja dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak dan sebarang perubahan kerja/bekalan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai Penguasa. Lawatan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. MDP

Sebanyak tujuh kerja di MDP yang berjumlah RM0.25 juta telah disiapkan tanpa mengikut spesifikasi seperti di *bill of quantity* (BQ) yang telah dimuktamadkan seperti di **Jadual 5.23**, **Gambar 5.2** dan **Gambar 5.3**. Perkara ini berlaku kerana kelemahan dalam penyediaan spesifikasi kerja serta penentuan terhadap pematuhan spesifikasi kerja selepas kerja siap.

JADUAL 5.23
KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI DI MDP

BIL.	PERIHAL KERJA	SPESIFIKASI KERJA	KUANTITI (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	SEBENAR DIBEKAL (UNIT)	TIDAK DIBEKAL	
						ITEM	KOS (RM)
1.	Membina Gerai Berbungung serta Kelengkapannya Ditapak Dataran Niaga Tepi Laut, Pontian MDP/T/68/2014	Membuat tapak tiang	32 tapak	150	20	12	1,800
		Tiang	32 tiang	14,275 @ 127.4	20	12	1,529
		Beam	32 beam		16	16	2,038
		Kekuda	32 kekuda		6	26	3,312
		Kekuda utama	16 kekuda utama		4	12	1,529
2.	Menaiktaraf Gerai MDP di Kukup, Pontian MDP/T/56/2015	Kerja membekal dan memasang siling <i>metal deck</i> G28	385mp	40	200mp	185 mp	7,400
3.	Menurap <i>Premix</i> dan Membina Tiang Bendera MDP/I50090	Kerja membekal dan membina tiang bendera jenis <i>stainless steel</i> berukuran 6 m tinggi x 80 mm	2	3,500	tiang bendera bukan dari jenis <i>stainless steel</i>		7,000
4.	Menaiktaraf Medan Selera di Jalan Pengangkutan, Medan KOOP, Pontian MDP/T/67/2015 - reka bentuk sebenar tidak sama dengan lukisan sebut harga seperti Gambar 5.2 dan Gambar 5.3	1. Membekal dan memasang kerusi dan meja berangka besi dari <i>Fibre Glass Mat & Resin Mixture</i> jenis segi empat untuk 4 orang	20	500	13 set	7 set	3,500
		2. Kerja elektrik					
		• Lampu Kalimantang	58	300	21	37	11,100
		• Kipas	24	300	16	16	2,400
		3. Pemasangan besi rangka bumbung dan bumbung bagi <i>open shed</i> dengan kecerunan 15" di hadapan gerai termasuk memasang bahan berikut:					
		• Tiang		pukal	Tiada	3,000	Tidak dibuat 79,000
		• Beam utama 50mm x 38mm x1.9mm tebal-1 batang panjang bangunan		pukal	Tiada	3,000	
		• Beam utama 50mm x 38mm x1.9mm tebal - 2 batang lebar bangunan		pukal	Tiada	3,000	
		• Beam tengah 38mm x38mm x 1.7mm tebal – 5 batang lebar bangunan		pukal	Tiada	5,000	
		• Besi <i>truss/batern purin</i> 38 mm x38mm x 1.7mm tebal – 8 batang 40mp		pukal	Tiada	5,000	
		• Bumbung <i>metal decking</i> 0.42 tebal(G26) 40 x 8m		Pukal	Tiada	30,000	
		4. Peruntukan sementara				30,000	TM
5.	Membaiki Gerai Majlis Daerah Pontian di Kawasan Ayer Baloi, Benut dan Pekan Nenas,	Membekal dan memasang pintu <i>roller shutter</i> bersaiz 2' x10' digerai Benut	2	3,300	Tiada	2	6,600

BIL.	PERIHAL KERJA	SPESIFIKASI KERJA	KUANTITI (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	SEBENAR DIBEKAL (UNIT)	TIDAK DIBEKAL	
						ITEM	KOS (RM)
	Pontian MDP/1500029						
6.	Membina dan Menyiapkan Sebuah Dewan Muafakat Johor di Taman Saujana MDP/T/48/2016	• Membina pondok pengawal	1	40,000	Tiada	1	40,000
		• Membina rumah pam	1	20,000	Tiada	1	20,000
7.	Membina dan Menyiapkan Sebuah Dewan Muafakat Johor di Taman Sri Sentosa MDP/T/49/2016	• Membina pondok pengawal	1	42,400	Tiada	1	42,400
		• Membina rumah pam	1	25,000	Tiada	1	25,000
JUMLAH							254,608

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDP

Nota: TM – Tiada Maklumat

GAMBAR 5.2



Lukisan di Spesifikasi Kerja Sebut Harga

GAMBAR 5.3



Jalan Pengangkutan, Medan KOOP, Pontian
- Gerai Sebenar yang Dibina Tidak Sama
Dengan Lukisan Sebutharga
(09.01.2016)

b. MDKT

- Sebanyak tujuh kerja di MDKT yang berjumlah RM0.28 juta tidak mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan seperti di **Gambar 5.4**, **Gambar 5.6** dan **Gambar 5.8**. Bagaimanapun, tindakan pembetulan telah dilaksanakan selepas teguran Audit dibuat seperti di **Gambar 5.5** dan **Gambar 5.7**. Butiran lengkap seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.24
PEMBEKALAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI DI MDKT

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	PENEMUAN AUDIT				
			SPESIFIKASI KERJA	KUANTITI (NOS)	KADAR (RM)	JUMLAH HARGA (RM)	BEKALAN KERJA SEMASA PEMERIKSAAN FIZIKAL AUDIT
1.	MDKT/PB/T/2013/060	0.39	Membekal dan menanam pokok <ol style="list-style-type: none"> Pokok Bucida Batik Pokok Bucida Daun Hijau 	30 20	800 700	24,000 14,000	<ul style="list-style-type: none"> Pokok Bucida Batik ditanam – 25 nos Pokok Bucida Daun Hijau ditanam – 19 nos
			Kerja memasang pagar	L/S	10,000	10,000	Telah dirobohkan
			Kerja memasang papan tanda	3	2,800	8,400	Telah dirobohkan kerana fakta sejarah tidak tepat

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	PENEMUAN AUDIT				
			SPESIFIKASI KERJA	KUANTITI (NOS)	KADAR (RM)	JUMLAH HARGA (RM)	BEKALAN KERJA SEMASA PEMERIKSAAN FIZIKAL AUDIT
2.	MDKT/PB/T/2015/38	0.29	Membina <i>Bollard</i> konkrit	16	300	4,800	Tidak dibina
			Papan Tanda Taman i. Memasang huruf aluminium 'TAMAN AWAM KEJIRANAN SS5' di Papan Tanda	L/S	10,000	10,000	Huruf aluminium tidak di pasang
			Pembekalan dan Tanaman Pokok <i>Bucida Buceras</i>	6	350	2,100	<i>Bucida</i> batik – 4 nos
3.	MDKT/P/KPKT/(SEN1) 2016 04	0.39	Kemasan Siling	15.62m ²	140	2,187	• Tiada siling dipasang seperti di Gambar 5.4
			Lampu LED <i>downlight</i> <i>Siling Exhaust Fan</i> Pam Penggalak Air	15 2 2	230 280 2,800	3,450 560 5,600	• Lampu dinding dipasang • <i>Exhaust fan</i> dan pam penggalak air tidak dipasang
			Tangki Air dan Perparitan	2	1,800	3,600	Tiada bekalan air di tandas perempuan
4.	MDKT/P/KPKT/(YBTM)/2016/40	0.19	Kerja Ubahsuai Bangunan	L/S	-	5,000	<i>Grill</i> tidak dipasang seperti di Gambar 5.6
5.	MDKT/P/KT/2016/65	0.19	Melepa lantai untuk memasang jubin lantai	190.15m ²	150	28,523	Lantai konkrit bercat warna kelabu
			Memasang panel <i>gypsum board</i> di ruang tangga serta memasang <i>cloud glass panel</i> dan pintu kaca	L/S		10,000	<i>Cloud glass</i> panel dan pintu kaca tidak dipasang seperti di Gambar 5.8
			Membekal dan memasang lampu <i>ceiling LED Downlight</i>	20	200	4,000	Pemasangan 12 lampu kalimantan
6.	MDKT/P/KPKT/(YBTM)/2016/22	0.15	Membina 3 unit gerai sebagaimana pelan serta kemudahan mengikut Arahan Pengguna	52m ²	2,652	137,904	Bumbung asal telah diubah kepada bumbung limas
7.	MDKT/P/MARRIS/2016/22	0.39	Papan Tanda Awas Had Laju Kawasan Sekolah	4	480	1,920	Tidak Dipasang
JUMLAH		1.99				276,044	

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDKT

GAMBAR 5.4



Terminal Bas Tun Sri Lanang, Kota Tinggi
- Siling Tandas Tidak Dipasang
(19.12.2016)

GAMBAR 5.5



Terminal Bas Tun Sri Lanang, Kota Tinggi
- Siling Tandas Telah Dipasang
(21.3.2017)

GAMBAR 5.6



Dewan Taman Kota Jaya, Kota Tinggi
- Grille Tidak Dipasang
(19.12.2016)

GAMBAR 5.7



Dewan Taman Kota Jaya, Kota Tinggi
- Grille Telah Dipasang
(21.3.2017)



GAMBAR 5.8

Pejabat MDKT
- Pintu Kaca Tidak Dipasang
(19.12.2016)

- ii. Semakan Audit juga mendapati sejumlah RM0.14 juta perolehan bekalan melibatkan 47 set komputer peribadi tidak dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan kerana sebanyak 14 CPU telah rosak dan keupayaan komputer adalah lebih rendah daripada spesifikasi yang ditetapkan.
- c. Ketidakpatuhan kepada spesifikasi kerja menyebabkan kerugian kepada pihak Kerajaan kerana perolehan yang diterima tidak setimpal dengan bayaran yang telah dijelaskan. Kos item yang tidak mengikut spesifikasi di MDP adalah berjumlah RM0.25 juta dan di MDKT berjumlah RM0.41 juta.

Maklum Balas MDKT yang Diterima Pada 27 Mac 2017

MDKT telah memasang siling dan grille mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Selain itu, Arahan Perubahan Kerja bagi penukaran huruf pada papan tanda Taman Awam telah disediakan.

Pada pendapat Audit, pematuhan spesifikasi kerja adalah tidak memuaskan kerana telah menyebabkan pihak Kerajaan telah terlebih bayar item yang tidak mengikut spesifikasi dan tidak dibekalkan iaitu berjumlah RM0.66 juta.

5.5.4.2. Arahan Perubahan Kerja

Mengikut AP 202.1 (a) Arahan Perubahan Kerja bermaksud sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi

atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. MDP

Semakan Audit terhadap 102 sampel perolehan mendapati 55 sampel atau 53.9% telah diluluskan Arahan Perubahan Kerja yang melibatkan perubahan antara 20% hingga 100% terhadap spesifikasi kerja yang telah ditetapkan seperti di **Jadual 5.25**. Selain itu, semakan Audit juga mendapati sebanyak 21 atau 38.2% daripada 55 kerja lewat diluluskan Arahan Perubahan Kerja manakala sepuluh atau 18.2% dikeluarkan selepas tamat tempoh kerja siap iaitu antara satu hingga 152 hari.

JADUAL 5.25
BILANGAN SEBUT HARGA DAN TENDER
YANG MEMPUNYAI ARAHAN PERUBAHAN KERJA DI MDP

TAHUN	JENIS PEROLEHAN	BILANGAN		PERATUS APK SETAHUN	TEMPOH KELEWATAN APK	
		SAMPEL AUDITAN	APK		0-10 HARI SEBELUM TARikh SIAP KERJA	SELEPAS TAMAT TEMPOH SIAP KERJA
2014	Sebut harga	24	12	50.0	6	3
	Tender	-	-	-	-	-
2015	Sebut harga	32	12	37.5	5	1
	Tender	3	2	66.7	-	-
2016	Sebut harga	35	23	66.7	10	3
	Tender	8	6	75.0	-	3
JUMLAH		102	55	53.9	21	10

Sumber: MDP

Nota: APK – Arahan Perubahan Kerja

b. MDKT

Semakan Audit terhadap 30 sampel perolehan di MDKT mendapati sebanyak tujuh perolehan bernilai RM2.06 juta telah disiapkan tanpa kelulusan Arahan Perubahan Kerja walaupun terdapat tambahan atau kurangan kerja seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.26
PEROLEHAN DISIAPKAN TANPA KELULUSAN ARAHAN
PERUBAHAN KERJA DI MDKT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	PERIHAL/ NO. SEBUT HARGA	KOS PEROLEHAN ASAL (RM Juta)	KOS SELEPAS PERUBAHAN KERJA (RM Juta)	TAMBAHAN/KURANGAN KERJA PEROLEHAN
1.	Kerja Membaikpulih dan pengindahan Kubu British di Tepi Sungai Johor, Kota Tinggi MDKT/PB/T/2013/060	0.39	0.39	KURANGAN <ul style="list-style-type: none"> Pokok <i>Bucida</i> Batik 25 nos sepatutnya 30 nos, Pokok <i>Bucida</i> Daun Hijau 19 nos sepatutnya 20 nos Tong sampah 10 nos sepatutnya 12 nos TAMBAHAN <ul style="list-style-type: none"> Membetulkan kedudukan kubu yang senget
2.	Kerja menaiktaraf Taman Permainan di Jalan SS5/11, Taman Sri Saujana Kota Tinggi MDKT/PB/T/2015/38	0.28	0.28	KURANGAN <ul style="list-style-type: none"> Membina <i>Bollard</i> Konkrit Memasang huruf aluminium ‘ TAMAN AWAM KEJIRANAN SS5’ Pokok <i>Bucida Buceras</i> 4 nos sepatutnya 6 nos TAMBAHAN <ul style="list-style-type: none"> Menaiktaraf wakaf Tambahan bilangan permainan
3.	Membina Baru Tandas Awam di terminal Tun Sr Lanang Kota Tinggi MDKT/P/KPKT/ (SEN1) 2016 04	0.39	0.39	KURANGAN <ul style="list-style-type: none"> Kemasan Syiling – Tiada plaster syiling Lampu LED Down Light 12 unit Syiling <i>Exhaust Fan</i> Pam Penggalak Air TAMBAHAN <ul style="list-style-type: none"> Tandas OKU Kaunter
4.	Membina Baru 3 unit Gerai 1 Malaysia di Kg Jawa, Kota Tinggi MDKT/P/KPKT/ (YBTM)/2016/22	0.15	0.15	KURANGAN <ul style="list-style-type: none"> Bumbung Asal TAMBAHAN <ul style="list-style-type: none"> Bumbung Limas
5.	Membina Baru Balai Aktiviti di Jalan SS5, Taman Sri Saujana Kota Tinggi MDKT/P/KPKT/ (YBTM)/2016/40	0.19	0.19	KURANGAN <ul style="list-style-type: none"> Ruangan stor dalam balai TAMBAHAN <ul style="list-style-type: none"> Menaikkan <i>concrete slab</i> di belakang balai kerana paras tanah tidak sama
6.	Menurap semula Jalan Teo Kwee Choo Taman Sri Lalang Kota Tinggi MDKT/P/MARRIS/2016/ 59	0.19	0.19	KURANGAN <ul style="list-style-type: none"> 2 bonggol 4 papan tanda bonggol TAMBAHAN <ul style="list-style-type: none"> 2 bonggol dan papan tanda bonggol dibina di Jalan Sawi, Taman Sri Lalang
7.	Kerja menurap semula Jalan dan membaiki longkang di Taman Mawai Kota Tinggi MDKT/P/MARRIS/2016/ 15	0.47	0.47	KURANGAN <ul style="list-style-type: none"> Membina <i>sump</i> untuk penyambungan longkang TAMBAHAN <ul style="list-style-type: none"> Membina tembok tepi longkang
JUMLAH		2.06	2.06	

Sumber: MDKT

- c. Kelewatan bagi kelulusan Arahan Perubahan Kerja menyebabkan perakuan siap kerja tidak dapat diperakui sebagaimana spesifikasi yang telah diluluskan.

Maklum Balas MDKT yang Diterima Pada 27 Mac 2017

MDKT telah membuat tindakan pembetulan dengan menyediakan Arahan Perubahan Kerja (APK) yang diluluskan pada bulan Mac 2017.

Pada pendapat Audit, kelulusan Arahan Perubahan Kerja adalah tidak memuaskan kerana lewat diperoleh yang menjelaskan proses perakuan kerja siap.

5.5.4.3. Kerja Lewat Disiapkan Tanpa Lanjutan Masa

Lanjutan masa bagi menyiapkan sesuatu kerja boleh dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4 Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. MDP

Semakan Audit terhadap 188 sampel perolehan mendapati sebanyak 27.7% atau 52 kerja telah lewat disiapkan tanpa membuat permohonan lanjutan masa dengan tempoh kelewatian adalah antara satu hingga 252 hari seperti di **Jadual 5.27**. Pihak Audit juga mendapati tiada sebarang tindakan kepada kontraktor yang gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan walaupun klausa denda lewat siap ada dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.

JADUAL 5.27
PRESTASI PELAKSANAAN PEROLEHAN DI MDP BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	SAMPEL AUDITAN	TEMPOH KELEWATAN SIAP KERJA (HARI)				BIL. KONTRAKTOR TERLIBAT	KERJA LEWAT DISIAPKAN (%)
		1-30	31-90	91-120	> 120		
2014	45	1	0	0	0	1	2.2
2015	70	13	3	0	0	16	22.9
2016	73	10	18	4	3	35	47.9
JUMLAH	188	24	21	4	3	52	27.7

Sumber: MDP

b. MDKT

- Semakan Audit mendapati enam perolehan telah melebihi tempoh jangka masa siap yang ditetapkan tanpa dikenakan denda seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.28
PRESTASI PELAKSANAAN PEROLEHAN DI MDKT BAGI TAHUN 2014 HINGGA JUN 2016

BIL.	PEROLEHAN	BIL. SAMPEL	JUMLAH KOS (RM Juta)	KERJA SIAP	STATUS		
					SIAP DENGAN LANJUTAN MASA	SIAP KERJA MELEBIHI LANJUTAN MASA	SIAP MELEBIHI TEMPOH YANG DITETAPKAN (TIADA LANJUTAN MASA)
1.	Sebut Harga	86	15.13	66	14	1	5
2.	Lantikan Terus	42	0.71	42	-	-	-
JUMLAH		128	15.84	108	14	1	5

Sumber: MDKT

- ii. Semakan Audit juga mendapati sebanyak 11 Permohonan Lanjutan Masa (EOT) di MDKT bagi 15 projek yang disiapkan dengan kelulusan lanjutan masa lewat dikemukakan antara satu hingga 35 hari. Butiran lengkap seperti di **Jadual 5.29**. Bagaimanapun, tiada implikasi kewangan kerana klausa denda lewat siap tidak dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.

JADUAL 5.29
PERMOHONAN LANJUTAN MASA DI MDKT LEWAT DIKEMUKAKAN

BIL.	NO. SEBUTHARGA	KOS (RM Juta)	TARIKH PATUT SIAP	TARIKH MOHON EOT	TEMPOH KELEWATAN PERMOHONAN (Hari)
2014					
1.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2014/59	0.15	15.10.2014 29.10.2014	15.10.2014 (1) 30.10.2014 (2)	- 1
2.	MDKT/P/KPKT/2014/87	0.35	26.10.2014 26.11.2014	29.10.2014 (1) 26.11.2014 (2)	2 -
3	MDKT/PB/T/2013/60	0.39	03.02.2015	08.02.2015	5
4.	MDKT/P/KPKT/2014/01	0.22	11.06.2014	22.06.2016	11
JUMLAH		1.11			
2015					
5.	MDKT/P/MARRIS/2015/32	0.49	17.10.2015	18.10.2015	1
6.	MDKT/P/MARRIS/2015/31	0.49	12.10.2015	11.10.2015	1
7.	MDKT/JPM/PPKB/BRB/2015/03	0.15	01.08.2015	01.08.2015	-
8.	MDKT/P/MARRIS/2015/331	0.49	15.10.2015	15.10.2015	-
JUMLAH		1.62			
2016					
9.	MDKT/P/KPKT/(YBTM)2016/15	0.14	18.09.2016	22.09.2016	3
10.	MDKT/P/MARRIS/2016/15	0.47	28.03.2016	02.05.2016	35
11.	MDKT/P/MARRIS/2016/21	0.39	22.05.2016	30.05.2016	8
JUMLAH		1.00			
JUMLAH KESELURUHAN		3.73			

Sumber: MDKT

- c. Tindakan tidak mengenakan denda kepada kontraktor yang lewat menyiapkan kerja oleh MDP dan MDKT adalah berpunca daripada kelemahan pemantauan. Selain itu, di MDKT juga tidak mempunyai klausa khusus mengenai denda lewat siap dalam Surat Setuju Terima. Kesan daripada kegagalan mengenakan denda ini menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan prasarana tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas MDKT yang Diterima Pada 27 Mac 2017

MDKT mengambil serius teguran Audit dan tindakan telah diambil dalam memastikan kontraktor memberi notis bertulis bagi tujuan permohonan lanjutan masa.

Pada pendapat Audit, permohonan lanjutan masa adalah tidak memuaskan kerana lewat dikemukakan.

5.5.4.4. Kelewatan Perakuan Siap Kerja

Setiap kerja yang dikurniakan melalui tender, sebut harga dan lantikan terus mestilah dipantau dan dibuat pengesahan oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan kerja telah dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan bagi tujuan bayaran. Pemantauan dan pengesahan bagi memastikan kontraktor telah menyiapkan kerja dengan sempurna dan memuaskan sejajar dengan syarat yang telah dipersetujui hendaklah dibuat segera sebagai satu amalan kerja yang baik. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. MDP

- i. Semakan Audit terhadap 172 sampel perolehan di MDP mendapati 85 atau 49.4% perolehan yang bernilai RM7.85 juta lewat diperakui siap oleh pegawai penguasa antara satu hingga 186 hari. Butiran lengkap seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.30
KERJA LEWAT DIPERAKUI BERBANDING DENGAN
TARIKH SEBENAR SIAP DI MDP BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	SAMPEL AUDITAN	TEMPOH KERJA LEWAT DIPERAKUI (HARI)				BIL. KERJA TERLIBAT	KERJA LEWAT DISIAPKAN (%)
		1-30	31-90	91-120	> 120		
MDP							
2014	41	11	12	1	2	26	63.4
2015	66	25	12	1	3	41	62.1
2016	65	11	4	2	1	18	27.7
JUMLAH	172	47	28	4	6	85	49.4

Sumber: MDP

- ii. Semakan Audit terhadap 73 sampel di MDP juga mendapati 46 atau 63.0% perolehan telah diperakui siap lebih awal oleh YDP dan Setiausaha antara satu hingga 21 hari berbanding perakuan siap oleh pegawai penguasa projek terlebih dahulu seperti di **Jadual 5.31**. Ini menunjukkan pihak pengurusan tidak memberi perhatian serius terhadap pengurusan projek.

JADUAL 5.31
PERAKUAN KETUA JABATAN LEBIH AWAL DARIPADA TARikh PERAKU SIAP DI MDP

TAHUN	SAMPEL AUDITAN	TEMPOH PERAKUAN LEBIH AWAL DARIPADA PERAKUAN PEGAWAI KERJA (HARI)	
		1 HINGGA 10	11 HINGGA 21
2014	17	14	-
2015	34	24	4
2016	22	2	2
JUMLAH	73	40	6

Sumber: MDP

b. MDKT

- i. Semakan terhadap 86 sampel perolehan di MDKT mendapati 31 sampel atau 36.0% pengesahan siap kerja bernilai RM 5.48 juta lewat diperakui siap oleh Jurutera MDKT antara 16 hari hingga 126 hari. Butiran lengkap seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.32
KERJA LEWAT DIPERAKUI BERBANDING DENGAN
TARIKH SEBENAR SIAP DI MDKT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	SAMPEL AUDITAN	TEMPOH KERJA LEWAT DIPERAKUI (HARI)				BIL. KERJA TERLIBAT	KERJA LEWAT DISIAPKAN (%)
		1-30	31-90	91-120	> 120		
MDKT							
2014	24	2	5	1	0	8	33.3
2015	34	5	6	-	0	11	32.4
2016	28	6	5	1	-	12	42.9
JUMLAH	86	13	16	2	-	31	36.0

Sumber: MDKT

- ii. Semakan Audit mendapati 15 Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) di MDKT bagi projek bernilai RM2.36 juta telah dikeluarkan lebih awal daripada tarikh pengesahan siap kerja oleh Jurutera pada Borang C antara satu hingga 47 hari. Butiran lengkap seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.33
SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA PROJEK
DIKELUARKAN SEBELUM PENGESAHAN SIAP KERJA

BIL	NO. SEBUT HARGA PERIHAL	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	TARIKH SIAP SEBENAR	TARIKH CPC	TARIKH BORANG C	TEMPOH CPC LEBIH AWAL (HARI)
1.	MDKT/PB/T/2013/060 Membina Pulih dan Pengindahan Kubu British di Tepian Sungai Johor, Kota Tinggi	0.39	24.03.2015	24.03.2015	25.03.2015	1
2.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2014/50 Membina Balai Aktiviti Taman Sri Lalang, Kota Tinggi, Md Kota Tinggi	0.10	12.11.2014	12.11.2014	29.12.2014	47
3..	MDKT/JPM/PPKB/BRB/2015/02 Kerja Membina Rumah Baru di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (4 Unit)	0.16	19.08.2015	24.08.2015	01.09.2015	8
4.	MDKT/JPM/PPKB/BRB/2015/03 Kerja Membina Rumah Baru di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (4 Unit)	0.15	09.09.2015	Nov. 2015	16.11.2015	15
5.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2015/64 Kerja Menaintyaraf Gelanggang Permainan Kampung Sri Aman	0.03	16.11.2015	31.12.2015	03.01.2016	3
6.	MDKT/JPM/PPKB/BRB/2015/01 Kerja Membina Rumah Baru di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (4 Unit)	0.16	26.07.2015	Sept. 2015	28.09.2015	27
7.	MDKT/JPM/PPKB/BRB/2015/02 Kerja Membina Rumah Baru di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (4 Unit)	0.16	19.08.2015	24.08.2015	01.09.2015	8
8.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2016/25 Kerja Menaintyaraf Balai Aktiviti Kg. Sri Aman, Kota Tinggi	0.03	Tiada	26.08.2016	20.09.2016	25
9.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2016/40 Kerja Membina Baru Balai Aktiviti di Jalan Ss 5, Taman Sri Saujana	0.19	24.09.2016	Nov. 2016	20.11.2016	19
10.	MDKT/P/KT/2016/64 Kerja Menaintyaraf Jalan Delima 1, Taman Kota Jaya, Kota Tinggi	0.11	20.08.2016	Sept. 2016	14.09.2016	13
11.	MDKT/P/MARRIS/2016/18 Kerja Menurap Semula dan Penyelenggaraan Longkang di Kawasan Perindustrian Batu 24, Jalan Johor, Kota Tinggi	0.47	31.05.2016	Jun 2016	20.06.2016	19
12.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2016/09 Membina Jalan Asa di Kg. Sepak Hulu, Md Kota Tinggi	0.03	15.08.2016	15.08.2016	07.09.2016	23
13.	MDKT/P/KPKT(YBTM)/2016/010 Kerja Menurap Semula Jalan Raya di Kg. Sepak Hilir, Kota Tinggi	0.09	14.08.2016	14.08.2016	08.09.2016	25
14.	MDKT/P/KT/2016/65 Kerja Membina Ruang Pejabat (Open Court Yard) Majlis Daerah Kota Tinggi	0.19	19.09.2016	19.09.2016	05.10.2016	16
15.	MDKT/P/KT/2016/14 Kerja Membina Dataran Kejat di Taman Sri Saujana, Kota Tinggi	0.10	05.03.2016	05.03.2016	04.04.2016	30
JUMLAH		2.36				

Sumber: MDKT

- iii. Kelewatan perakuan pengesahan siap kerja menyebabkan kelewatan penyerahan projek yang telah siap kepada pihak Kerajaan yang secara langsung memberi impak kepada pencapaian matlamat perolehan.

Pada pendapat Audit, perakuan proses pengesahan perakuan siap kerja adalah tidak memuaskan kerana berlaku kelewatan pengesahan melebihi 120 hari.

5.5.4.5. Pecah Kecil Perolehan

Arahan Perbendaharaan 180.2(c) dan 181(a) menjelaskan larangan memecah kecil perbelanjaan bagi mengelakkan pelawaan sebut harga dan tender. Mengikut Perenggan 1(iii) Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1, Agensi dilarang memecah kecilkan perolehan tahunan untuk mengelakkan pelawaan secara sebut harga dan tender. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 menyatakan perolehan bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun atau perolehan kerja melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun hendaklah dipelawa secara sebut harga. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. MDP

- i. Sebanyak 65 perolehan kerja tidak dipelawa secara sebut harga berjumlah RM1.12 juta telah dipecahkecilkan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.34
SENARAI KERJA YANG TIDAK DIPELAWA SECARA
SEBUT HARGA DI MDP BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

PERIHAL KERJA	2014		2015		2016	
	BIL. KERJA	KOS PEROLEHAN (RM)	BIL. KERJA	KOS PEROLEHAN (RM)	BIL. KERJA	KOS PEROLEHAN (RM)
Pembaikan Lampu	-	-	2	39,215	12	219,400
Membekal dan Memasang/ Menyenggara Alat Permainan Kanak-kanak	-	-	-	-	9	166,000
Penyenggaraan dan Membahikulih Sistem Penyamanan Udara	-	-	3	46,896	7	83,330
Membaiki Longkang dan Kerja Berkaitan	5	98,000	3	44,780	-	-
Membina Pondok Bas	2	35,850	-	-	2	38,000
Mengecat Kerb	-	-	8	131,798	-	-
Pelbagai			10	186,755	2	37,600
JUMLAH	7	133,850	26	449,444	32	544,330

Sumber: MDP

- ii. Manakala sebanyak 32 perolehan bekalan berjumlah RM0.18 juta pada tahun 2016 telah dipecahkecil.

b. **MDKT**

- i. Sebanyak 24 perolehan kerja berjumlah RM0.43 juta juga telah dipecahkecilkan tidak melebihi RM20,000 bagi setiap kerja. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.35
SENARAI KERJA YANG TIDAK DIPELAWA SECARA
SEBUT HARGA DI MDKT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

PERIHAL KERJA	2014		2015		2016	
	BIL. KERJA	KOS PEROLEHAN (RM)	BIL. KERJA	KOS PEROLEHAN (RM)	BIL. KERJA	KOS PEROLEHAN (RM)
Membina Bonggol/ <i>Falt Hump</i>	-	-	6	119,160	-	-
Membaiaki Kerosakan Longkang	-	-	11	177,199	-	-
Membaiaki pulih Kediaman Rumah PPRT	-	-	7	135,400	-	-
JUMLAH	-	-	24	431,759	-	-

- ii. Manakala sebanyak 27 perolehan perkhidmatan pembersihan parit monsun berjumlah RM0.36 juta pada tahun 2015 dan 11 perolehan perkhidmatan berjumlah RM0.15 juta pada tahun 2016 telah dipecahkecil.
- iii. Sebanyak enam sebutharga di MDKT yang bernilai RM1.93 juta tidak dipelawa secara tender seperti jadual berikut:

JADUAL 5.36
PEROLEHAN MELEBIHI RM500,000 BAGI TAHUN 2015
DAN 2016 DI MDKT TIDAK DIPELAWA SECARA TENDER

BIL.	PERIHAL KERJA	NO. SEBUTHARGA	LOKASI	KOS PEROLEHAN (RM Juta)
1.	Kerja Membina Ruang Pejabat (<i>Open Court Yard</i>)	MDKT/P/KT/2016/65	MDKT	0.19
	Kerja Ubahsuai Dewan Mesyuarat	MDKT/P/KT/2016/55	MDKT	0.37
JUMLAH				0.56
2.	Kerja Membekal dan Memasang Papan Tanda	MDKT/P/MARRIS/2016/20	Sekitar Taman Kota Jaya Kota Tinggi	0.29
		MDKT/P/MARRIS/2016/21	Kawasan Bandar Kota Tinggi	0.39
		MDKT/P/MARRIS/2016/22	Taman Sri Saujana, Kota Tinggi	0.40
		MDKT/P/MARRIS/2016/23	Taman Sri Lalang, Taman Ahmad Perang, Taman Melati Putih	0.29
JUMLAH				1.37

Sumber: MDKT

- c. Pecah kecil berlaku kerana tiada perancangan awal bagi kerja yang perlu dilaksanakan sepanjang tahun menyebabkan kerugian kepada Kerajaan di mana sebut harga dan tender tidak dapat dilaksanakan bagi mendapatkan harga yang terbaik.

Pada pendapat Audit, proses perolehan yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan kerana telah dipecahkecilkan melibatkan kos berjumlah RM4.17 juta.

5.5.4.6. Kerja Berulang di Lokasi yang Sama

PK 2.1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia menyatakan agensi perlulah membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan kerja perolehan mesti dirancang dengan teliti dan mengambil kira keadaan persekitaran serta keperluan semasa agar sesuatu perolehan dapat digunakan secara optimum selain mencapai objektif perolehan.

a. Menaik Taraf Pasar Awam Pontian

Projek menaik taraf pasar awam telah dilaksanakan pada bulan November 2014 dengan kos berjumlah RM0.43 juta dan telah disiapkan pada bulan Januari 2015. Tempoh tanggungan kecacatan bermula pada bulan Januari 2015 dan berakhir pada bulan Januari 2016.

Bagaimanapun pada bulan April 2015 semasa dalam tempoh tanggungan kecacatan, MDP telah mengeluarkan tender untuk pembinaan pasar awam di atas lokasi yang sama dengan kos yang berjumlah RM3.89 juta. Akibat daripada pelaksanaan tender yang baru di atas tapak yang sama menyebabkan MDP kerugian terhadap menaik taraf pasar awam pada tahun 2014 berjumlah RM0.43 juta.

b. Menaik Taraf Landskap di Kawasan Taman Awam Tepi Laut Pontian

Projek menaik taraf pesisiran Taman Awam Tepi Laut Pontian telah dilaksanakan pada bulan September 2014 dengan kos berjumlah RM0.32 juta dan telah disiapkan pada bulan Disember 2014. Namun begitu, pada bulan Februari 2015 satu sebut harga telah dikeluarkan berjumlah RM 0.08 juta untuk membuka, memindah dan memasang semula alat permainan kanak-kanak di lokasi yang sama dan telah disiapkan pada bulan April 2015. Bagaimanapun, pada bulan Mac 2016 MDP telah mengeluarkan tender berjumlah RM4.60 juta untuk menaiktaraf pesisiran taman awam tepi laut yang juga berada di lokasi yang sama.

Pihak Audit mendapati ketiga-tiga kaedah perolehan tersebut dilaksanakan berturutan dan jumlah kos keseluruhan yang terlibat adalah berjumlah RM5.00 juta.

c. Membina dan Menyiapkan Monumen dan Taman Diraja serta Kerja Membekal, Memasang dan Menyiapkan Sistem Pencahayaan Sempena Kemahkotaan DYMM Tuanku Sultan Johor

Projek Pembinaan Laman Diraja adalah bertujuan untuk meraikan kemahkotaan DYMM Tuanku Sultan Johor telah dilaksanakan pada bulan Januari 2015 dengan kos berjumlah RM4.97 juta dan telah disiapkan pada bulan April 2015. Selepas dari tarikh tersebut, MDP telah mengeluarkan tiga sebut harga kerja dan dua lantikan terus seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.37
SENARAI KERJA YANG DILAKSANAKAN BAGI PROJEK LAMAN DIRAJA**

BIL.	NO. SEBUT HARGA/TENDER	PERIHAL KERJA	TARIKH MULA/ SIAP KERJA	TEMPOH TANGGUNGJAN KECACATAN	KOS PEROLEHAN (RM Juta)
1.	MDP/T/1/2015	Membina dan Menyiapkan Monumen dan Taman Diraja serta Kerja Membekal, Memasang dan Menyiapkan Sistem Pencahayaan Sempena Kemahkotaan DYMM Tuanku Sultan Johor	19.01.2015 - 19.04.2015	20.04.2015 - 19.04.2016	4.97
2.	MDP/T/41/2015	Membekal dan Memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Laman Diraja Pontian	26.04.2015 - 24.05.2015	25.05.2015 - 24.05.2016	0.11
3.	MDP/T/42/2015	Membekal dan Memasang Lampu Limpah dan Kerja Berkaitan di Laman Diraja Pontian	26.04.2015 - 17.05.2015	18.05.2015 - 17.11.2015	0.05
4.	MDP/LS/S/10/2015	Membekal, Menghantar dan Menanam Pokok Bonsai dari Jenis <i>Podocarpus</i> Bonsai di Laman Diraja Pontian	17.08.2015 - 23.08.2015	24.08.2015 - 23.08.2016	0.03
5.	MDP I150041	Memindahkan Lampu Jenis Dekoratif di Taman Diraja Tepi Laut ke Jalan Abas, Pontian	27.03.2015 - 10.04.2015	TB	0.02
6.	MDP I150079	Membekal Papan Tanda Amaran di Laman Diraja dan Pagar Penutup Jalan ke Laman Diraja Pontian	25.05.2015 - 08.06.2015	TB	0.02
JUMLAH					5.20

Sumber: MDP

Pada pendapat Audit, kekerapan projek di lokasi yang sama dalam tempoh berturutan telah meningkatkan kos perolehan untuk tiga projek berjumlah RM14.52 juta.

5.5.4.7. Kemudahan Siap Tidak Digunakan

Semua perolehan yang dibuat hendaklah digunakan dan diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran. Para 2(ii) (a) PK4

(Pentadbiran Kontrak dalam Perolehan Kerajaan) menekankan Agensi hendaklah memastikan pengurusan dan pentadbiran kontrak perolehan diuruskan dan diberi perhatian serius bagi menjaga kepentingan kerajaan dan melicinkan urusan berhubung dengan pelaksanaan perolehan.

a. MDP

Lawatan Audit mendapati lima perolehan di MDP yang melibatkan kos berjumlah RM0.90 juta masih belum digunakan dan terbiar seperti di **Jadual 5.38, Gambar 5.9 dan Gambar 5.10**. Bagaimanapun bagi sistem pengurusan kewangan, sistem GST masih diguna pakai manakala bagi sistem pelesenan tidak lagi diguna pakai. Pihak Audit juga mendapati bagi pemasangan tiang bendera yang dilaksanakan secara rundingan terus juga tidak digunakan dan dipasang bendera manakala peralatan gimnasium yang dibeli pada tahun 2015 masih tersimpan dalam kotak dan tidak diagihkan.

JADUAL 5.38
KEMUDAHAN SIAP TIDAK DIGUNAKAN DI MDP

BIL.	PERIHAL KERJA	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	TARIKH KERJA SIAP	TARIKH LAWATAN AUDIT	PENEMUAN AUDIT
1.	Membina Gelanggang Serbaguna dan Menaiktaraf Pejabat Yayasan MDP serta Kerja-Kerja Berkaitan, di JKR 1006, Jalan Dato' Ali, Pontian MDP/T/83/2015	0.20	10.12.2015	09.01.2017	Pejabat Yayasan MDP masih kosong dan tidak digunakan.
2.	Membekal dan Memasang Peralatan Senaman/Gym dan Barang Berkaitan MDP/T/85/2015	0.15	20.11.2015	09.01.2017	Peralatan senaman/gimnasium belum dibuka dari kotak, tidak dipasang dan tidak diagihkan untuk digunakan seperti di Gambar 5.9 .
3.	Memasang Tiang Bendera di Dataran Pontian MDP/T/87/2016	0.09	07.11.2016	09.01.2017	Tidak digunakan
4.	Membekal, Memasang, Menguji, Mentaubiah dan Menyenggara Perisian Sistem GST Pengurusan Kewangan dan Pelesenan di MDP MDP/JKW/SH/02/2015	0.35	10.12.2015	11.01.2016	Sistem Pelesenan telah diganti dengan sistem ePBT
5.	Membekal dan Memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Taman Diraja, Pontian MDP/T/41/2015	0.11	24.05.2015	10.01.2017	<ul style="list-style-type: none"> • Monitor kawalan CCTV ditempatkan di bawah meja makan di dapur kering seperti di Gambar 5.10. • 2 CCTV tiada paparan di skrin
JUMLAH		0.90			

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDP

GAMBAR 5.9



Gimnasium Muafakat Johor, Jalan Dato' Ali, Pontian
- Peralatan Gimnasium Masih Tersimpan Dalam Kotak
dan Belum Diangkat
(10.01.2017)

GAMBAR 5.10



Rumah Kenamaan Pontian
- Monitor Kawalan CCTV Diletakkan di Bawah Meja
Makan di Bahagian Dapur Kering
(10.01.2017)

b. MDKT

Semakan lanjut Audit terhadap satu projek tender Kerja Ubahan Tambahan Ruang Dalaman Sebahagian Tingkat Bawah Pasar Awam/Kompleks Perniagaan Sedia Ada di Lot PTB 112, Jalan Niaga Kota Tinggi bernali RM0.98 juta yang ditawarkan pada tahun 2014, masih belum disiapkan serta terbiar seperti di gambar berikut:

GAMBAR 5.11



Kompleks Perniagaan, Jalan Niaga, Kota Tinggi
- Pemandangan Luar Bangunan
Kompleks Perniagaan
(19.12. 2016)

GAMBAR 5.12



Kompleks Perniagaan, Jalan Niaga, Kota Tinggi
- Keadaan Bahagian Dalam Kompleks Perniagaan
yang Telah Dirobohkan
(19.12.2016)

Maklum Balas MDKT yang Diterima Pada 27 Mac 2017

MDKT sedang mengambil tindakan menjelaskan tuntutan pihak kontraktor tanpa mengambil risiko pelanggaran kontrak sedia ada dan tidak merugikan kedua belah pihak.

Pada pendapat Audit, perancangan proses perolehan adalah tidak memuaskan menyebabkan kemudahan yang telah disiapkan tidak digunakan sepenuhnya dan terbiar.

5.5.4.8. Kualiti Pembinaan Kurang Memuaskan di MDP

Setiap perolehan kerja hendaklah dilaksanakan secara ekonomik dan dipantau dengan teliti bagi memastikan kualiti yang dibuat sebagaimana yang dikehendaki. Lawatan Audit mendapati sebanyak enam kerja yang dilaksanakan oleh MDP dengan kos perolehan berjumlah RM3.33 juta adalah kurang berkualiti kerana terdapat banyak kerosakan berlaku walaupun baru disiapkan antara enam hingga 20 bulan seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.39

SENARAI KERJA DI MDP YANG MEMPUNYAI KUALITI PEMBINAAN KURANG MEMUASKAN

BIL.	PERIHAL KERJA/ NO. SEBUT HARGA	TARIKH SIAP KERJA	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	PENEMUAN AUDIT
2015				
1.	Membina Gelanggang Futsal di Kawasan Lapang Taman Saujana, Pontian MDP/T/29/2015	05.04.2015	0.17	Permukaan gelanggang rosak
2.	Mebekal, Menghantar, dan Menanam Pokok Bonsai dari Jenis <i>Podocarpus</i> Bonsai di Laman Diraja Pontian Warisan MDP/LS/S/10/ 2015	23.08.2015	0.03	Sebatang pokok <i>Podocarpus</i> Bonsai telah mati
2016				
3.	Membina Pondok Bas di Hadapan Sekolah Agama Pengkalan Raja, Pontian MDP I 160061	20.06.2016	0.02	<ul style="list-style-type: none"> Pengadang besi berkarat Ruangan lantai pondok bas tidak diratakan Gambar 5.13
4.	Menaiktaraf Tandas Awam di Terminal Benut, Pontian MDP/T/51/2016	05.04.2016	0.07	<ul style="list-style-type: none"> Pam Tandas tercabut dan pecah Rangka pintu tandas tidak dipasang dengan kemas <i>Grill</i> pintu tercabut Gambar 5.14
5.	Membina dan Menyiapkan Sebuah Dewan Muafakat Johor di Taman Saujana, Pontian MDP/T/48/2016	Belum serah	2.85	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan lantai tidak sempurna - Lantai menggelembung
6.	Menaiktaraf Dewan Benut, Pontian MDP/T/54/2016	22.06.2016	0.19	<ul style="list-style-type: none"> <i>Acoustic wall</i> tertanggal Gambar 5.15
JUMLAH			3.33	

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDP

GAMBAR 5.13



Hadapan Sekolah Agama Pengkalan Raja, Pontian
- Pengadang Besi Berkarat
(10.01.2017)

GAMBAR 5.14



Terminal Bas Benut, Pontian
- Pam Tandas Tercabut dan Pecah
(10.01.2017)



GAMBAR 5.15

Dewan Benut, Pontian
- Acoustic Wall Tercabut
(10.01.2017)

Pada pendapat Audit, pemantauan pelaksanaan projek adalah tidak memuaskan kerana kualiti projek selepas disiapkan tidak dapat mencapai matlamat perolehan.

5.6. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, MDP dan MDKT disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

- 5.6.1. MDP dan MDKT perlu mengenakan tindakan tegas kepada kakitangan yang cuai dan kontraktor/pembekal yang tidak melaksanakan kerja dengan sempurna dengan menyenarai hitam atau dikenakan ganti rugi tertentu mengikut perjanjian ditetapkan;
- 5.6.2. MDP dan MDKT hendaklah merancang perolehan dengan teliti bagi memastikan Kerajaan memperoleh *value for money* daripada perbelanjaan yang dilakukan;
- 5.6.3. MDP dan MDKT hendaklah meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap kontrak kerja agar kerja yang dilaksanakan berkualiti dan kepentingan Kerajaan terpelihara;
- 5.6.4. latihan yang berterusan dan bersesuaian perlu diberikan kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran kerja;
- 5.6.5. MDP dan MDKT perlu memastikan kemudahan dan bangunan yang dibina tidak terbiar dan boleh dimanfaatkan oleh orang awam; dan
- 5.6.6. MDP dan MDKT perlu mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang tidak mematuhi spesifikasi kontak.

PERBADANAN JOHOR

6. JOHOR SKILLS DEVELOPMENT CENTRE SDN. BHD.

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd. (JOHOR SKILLS) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1993 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM1 juta dan RM500,000. Pemegang saham utama adalah Perbadanan Johor (75%) dan baki 25% dimiliki oleh Pengarah Urusan JOHOR SKILLS. JOHOR SKILLS beroperasi di kawasan perindustrian Pasir Gudang yang dilengkapi dengan blok pentadbiran, bilik kuliah, makmal dan bengkel. Asrama penginapan JOHOR SKILLS terletak di Taman Mawar, Pasir Gudang. Objektif penubuhan JOHOR SKILLS adalah mewujudkan peluang pembelajaran sepanjang hayat atau peluang kedua bagi meningkatkan kemahiran teknikal, membantu melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir berkualiti dan profesional, meningkatkan peluang ke arah kerjaya yang lebih baik dan berpendapatan tinggi serta membantu dalam masalah ‘gap’ atau ‘mismatch’ guna tenaga.

6.1.2. Aktiviti utama JOHOR SKILLS adalah menjalankan perniagaan pembangunan kemahiran teknikal dan pusat latihan kemahiran. JOHOR SKILLS diberi tauliah sebagai pusat pembangunan kemahiran oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Suruhanjaya Tenaga. JOHOR SKILLS menerima geran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi menyediakan kursus kemahiran kepada pelatih. Geran yang diterima adalah bertujuan membiayai yuran pengajian dan elauan sara hidup pelatih. Antara geran yang diterima adalah bagi program Golongan Pekerja & Future Worker (*Workers Technical Transformation Programme*) (WTTP) dan *Industrial Skills Enhancement Programme* (INSEP).

6.1.3. JOHOR SKILLS dianggotai seramai tujuh orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Naib Presiden Kanan Perbadanan Johor sebagai Pengerusi, Pengurus Besar dan Pengurus Perbadanan Johor, Pengurus Besar TPM Technopark Sdn. Bhd., Timbalan Pengurus Besar Johor Land Berhad, Pengarah Urusan dan Pengurus Kanan JOHOR SKILLS. Pengurusan JOHOR SKILLS diketuai oleh seorang Pengarah Urusan JOHOR SKILLS dan dibantu oleh 40 orang pegawai dan kakitangan pengurusan. JOHOR SKILLS adalah tertakluk kepada Akta

Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A), dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan serta *Standard Operating Procedures* syarikat.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus JOHOR SKILLS adalah baik serta pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada penyata kewangan beraudit JOHOR SKILLS bagi tahun 2013 hingga 2015. Manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat dilaksanakan bagi tahun 2014 hingga 2016.

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan adalah melalui semakan terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan JOHOR SKILLS. Selain itu, temu bual dan perbincangan turut diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab serta soal selidik telah diedarkan kepada pelatih. *Exit Conference* bersama Pengarah Urusan, pegawai kanan JOHOR SKILLS dan wakil daripada Perbadanan Johor telah diadakan pada 1 Mac 2017.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Oktober hingga Disember 2016 mendapati prestasi kewangan JOHOR SKILLS bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah memuaskan. Pada tahun 2015, keuntungan sebelum cukai JOHOR SKILLS berjumlah RM1.02 juta dan keuntungan terkumpul berjumlah RM10.61 juta. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik seperti ringkasan berikut:

- i. terdapat lapan program pensijilan profesional bagi pelajar lepasan siswazah atau *Industrial Skills Enhancement Programme* (INSEP) yang mencatatkan peratus kelulusan kurang daripada 30% iaitu di antara 4% hingga 28%;
- ii. empat program iaitu *Autocad*, *Plastic Technology*, *Information Technology* dan *Industrial Automation & Instrumentation* tidak mencapai sasaran peserta yang ditetapkan;

- iii. rekod peralatan pengajaran dan pembelajaran tidak diselenggarakan dengan lengkap; dan
- iv. tempat penyimpanan peralatan pembelajaran juga tidak disediakan menyebabkan aset kelihatan usang dan terdedah kepada matahari serta kemudahan pengajaran dan pembelajaran tidak dilupuskan dengan sempurna.

6.5.1. Prestasi Kewangan

a. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan dan Untung Rugi

- i. Pendapatan JOHOR SKILLS terdiri daripada perolehan operasi dan lain-lain pendapatan. Perolehan operasi JOHOR SKILLS disumbangkan oleh yuran kursus jangka pendek manakala lain-lain pendapatan adalah geran kerajaan, faedah simpanan tetap, yuran pendaftaran, dividen diterima, sewa diterima, faedah diterima, komisen dan pelbagai. Geran Kerajaan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan JOHOR SKILLS. Bagi tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM23.46 juta Geran Kerajaan telah diterima oleh JOHOR SKILLS iaitu 85.2% daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Pada tahun 2013, JOHOR SKILLS telah menjana pendapatan berjumlah RM9.37 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2014, pendapatan JOHOR SKILLS telah menurun kepada RM7 juta iaitu penurunan sejumlah RM2.37 juta (25.3%). Ini berlaku kerana penurunan dalam pendapatan operasi, geran Kerajaan, faedah simpanan tetap dan sewa berjumlah RM2.19 juta. Pada tahun 2015, pendapatan JOHOR SKILLS meningkat kepada RM11.18 juta iaitu peningkatan sejumlah RM4.18 juta (60%) berbanding tahun 2014. Penerimaan geran Kerajaan berjumlah RM9 juta dan peningkatan dalam yuran kursus jangka pendek, yuran pendaftaran dan sewa diterima menjadi penyumbang utama kepada peningkatan pendapatan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.1** dan **Carta 6.1**.
- ii. Perbelanjaan JOHOR SKILLS terdiri daripada belanja pentadbiran, belanja operasi dan kos kewangan. Belanja pentadbiran terdiri daripada kos kakitangan dan emolumen. Belanja operasi pula merangkumi antaranya elaun pensyarah jemputan, elaun pengarah, elaun pelatih program, belanja pengiklanan, yuran profesional, belanja asrama, utiliti, penyenggaraan kenderaan dan lain-lain. Pada tahun 2014, JOHOR SKILLS berupaya mengurangkan perbelanjaan sejumlah RM1.75 juta (19.5%) kepada RM7.24 juta berbanding RM8.99 pada tahun 2013. Penurunan ini disebabkan oleh belanja pensyarah jemputan yang menurun dengan jumlah RM1.63 juta (50%). Bagaimanapun, jumlah perbelanjaan JOHOR SKILLS pada tahun 2015 meningkat kepada

RM10.16 juta iaitu peningkatan sejumlah RM2.92 juta (40.3%) berbanding tahun 2014 disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pensyarah jemputan dan bayaran insentif. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.1** dan **Carta 6.1**.


- iii. Kedudukan kewangan JOHOR SKILLS bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah memuaskan di mana syarikat memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi dua tahun iaitu 2013 dan 2015. Manakala pada tahun 2014 syarikat mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.24 juta iaitu penurunan sebanyak RM0.62 juta. Ini berlaku kerana JOHOR SKILLS mengalami penurunan pendapatan utama dengan perbezaan sebanyak RM0.89 juta (69.6%) berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, pada tahun 2015 JOHOR SKILLS kembali memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1.02 juta disebabkan peningkatan lain-lain pendapatan khususnya geran Kerajaan, yuran pendaftaran dan komisen sebanyak RM4.16 juta (63%) berbanding RM6.61 juta yang dicatatkan pada 2014. Keuntungan terkumpul JOHOR SKILLS pada akhir tahun 2015 berjumlah RM10.61 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.1** dan **Carta 6.2**.

JADUAL 6.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN
DAN UNTUNG RUGI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015


BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Perolehan Operasi	1.29	0.39	0.41
Lain-lain Pendapatan	8.08	6.61	10.77
Jumlah Pendapatan	9.37	7.00	11.18
Perbelanjaan	(8.99)	(7.24)	(10.16)
Keuntungan/(Kerugian)Sebelum Cukai	0.38	(0.24)	1.02
Cukai	(0.16)	(0.07)	(0.28)
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai	0.22	(0.31)	0.74
Dividen	(1.00)	(0.50)	(0.50)
Keuntungan Terkumpul	11.18	10.37	10.61

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

CARTA 6.1
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015



CARTA 6.2
TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

b. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan JOHOR SKILLS, analisis nisbah kewangan telah dijalankan melibatkan analisis nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti terhadap penyata kewangan tahun 2013 hingga 2015. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.2
ANALISIS NISBAH KEWANGAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) [a]	LIABILITI SEMASA (RM Juta) [b]	NISBAH SEMASA [a/b]
	2013	6.20	1.53	4.05 : 1
	2014	4.64	1.42	3.27 : 1
	2015	7.74	4.34	1.78 : 1

Nisbah semasa atau nisbah kecairan aset adalah ukuran bagi menilai tahap kecairan kewangan sesebuah syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa yang baik adalah melebihi 2 menunjukkan pada bila-bila masa syarikat mampu membayar pembiutang semasanya.

Analisis Audit mendapati tahap kecairan JOHOR SKILLS bagi tahun 2013 dan 2014 adalah baik dengan nisbah semasa pada kadar 4.05 dan 3.27. Bagaimanapun JOHOR SKILLS berdepan dengan risiko untuk menyelesaikan hutang jangka pendek pada tahun 2015 apabila nisbah semasa pada tahun tersebut turun kepada 1.78. Ini berpunca daripada jumlah liabiliti semasa JOHOR SKILLS yang meningkat sebanyak RM2.92 juta (205.6%) pada tahun 2015 berbanding RM1.42 juta yang dicatatkan pada 2014.

MARGIN UNTUNG BERSIH	TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM) [a]	JUMLAH PENDAPATAN (RM) [b]	MARGIN UNTUNG BERSIH (%) [a/b] x 100
	2013	217,439	9,367,450	2.3
	2014	(312,215)	6,999,019	(4.5)
	2015	738,273	11,181,289	6.6

Margin untung bersih digunakan untuk mengukur keberkesanannya aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat, di mana bagi setiap kenaikan hasil akan memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada umumnya, margin yang lebih tinggi adalah lebih baik.

Analisis Audit mendapati margin untung bersih JOHOR SKILLS menurun bagi tahun 2014 berbanding tahun 2013 iaitu daripada keuntungan 2.3% kepada kerugian 4.5%. Kerugian yang dialami JOHOR SKILLS disebabkan penurunan pendapatan utama iaitu yuran kursus sebanyak RM0.89 juta (69.6%) dan geran kerajaan sebanyak RM1.1 juta (18.6%). Bagaimanapun pada tahun 2015, margin untung bersih meningkat kepada 6.6% yang dibantu oleh peningkatan ketara lain-lain pendapatan berjumlah RM4.16 juta (63%) berbanding tahun 2014.

PULANGAN ATAS ASET	TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta)	JUMLAH ASET (RM Juta)	PULANGAN ATAS ASET (%)
		[a]	[b]	[a/b] x 100
	2013	0.22	30.90	0.7
	2014	(0.31)	28.32	(1.1)
	2015	0.74	30.31	2.4

Kadar pulangan atas aset digunakan untuk mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya, iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset.

Analisis Audit mendapati kadar pulangan atas aset JOHOR SKILLS pada tahun 2014 menunjukkan penurunan kepada negatif 1.1% berbanding kadar pulangan positif 0.7 % pada tahun 2013. Kerugian yang dialami oleh syarikat pada tahun 2014 menjadi punca penurunan kadar pulangan atas aset ini. Bagaimanapun, kadar pulangan atas aset JOHOR SKILLS kembali meningkat kepada 2.4% pada tahun 2015 disebabkan keuntungan yang diperoleh JOHOR SKILLS pada tahun tersebut.

PULANGAN ATAS EKUITI	TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta)	JUMLAH EKUITI (RM Juta)	PULANGAN ATAS EKUITI (%)
		[a]	[b]	[a/b] x 100
	2013	0.22	11.68	1.9
	2014	(0.31)	10.87	(2.9)
	2015	0.74	11.11	6.7

Pulangan atas ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya.

Analisis Audit mendapati kadar pulangan atas ekuiti pada tahun 2014 adalah tidak memuaskan dengan kadar negatif 2.9% kerana syarikat mengalami kerugian pada tahun tersebut berbanding 1.9% pada tahun 2013. Bagaimanapun pada tahun 2015, JOHOR SKILLS memperoleh kadar pulangan sebanyak 6.7% bagi ekuiti yang dilaburkan oleh pemegang saham. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, JOHOR SKILLS telah memberi pulangan keuntungan dalam bentuk dividen kepada JCOP.

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

c. Analisis Aliran Tunai

Analisis Audit terhadap Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013 hingga 2015 mendapati berlaku pertambahan tunai masuk sejumlah RM1.41 juta atau 75.4% pada tahun 2014 dan semakin bertambah kepada RM3.07 juta atau 667.4% pada tahun 2015. Aliran tunai masuk JOHOR SKILLS negatif pada tahun 2013 berjumlah RM1.87 juta disebabkan peningkatan tunai yang digunakan bagi aktiviti pembiayaan iaitu pembayaran dividen dan pinjaman berjumlah RM2.11 juta. Bagaimanapun pada tahun 2014, aliran tunai masuk JOHOR SKILLS meningkat walaupun menunjukkan jumlah negatif RM0.46 juta disebabkan

penurunan tunai yang digunakan bagi aktiviti pembiayaan iaitu pembayaran pinjaman berjumlah RM1.03 juta. Manakala pada tahun 2015, aliran tunai masuk semakin meningkat berjumlah RM2.61 juta disebabkan pertambahan tunai bagi aktiviti operasi iaitu penerimaan geran Kerajaan untuk yuran pengajian pelajar berjumlah RM4.61 juta. Penyata Aliran Tunai JOHOR SKILLS Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.3
 PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015**

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi	0.18	0.86	4.68
Aliran Tunai Bersih (diguna dalam)/daripada Aktiviti Pelaburan	0.06	(0.29)	(0.34)
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan	(2.11)	(1.03)	(1.73)
Pertambahan/(Pengurangan) Tunai dan Setara Tunai	(1.87)	(0.46)	2.61
Tunai dan Setara Tunai pada Awal Tahun	6.83	4.96	4.50
Tunai dan Setara Tunai pada Akhir Tahun	4.96	4.50	7.11

Sumber: Penyata Kewangan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Maklum Balas JOHOR SKILLS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Kerugian yang dicatatkan oleh syarikat pada tahun 2014 adalah disebabkan penurunan pendapatan khususnya pengurangan peruntukan kerajaan berbanding tahun 2015. Kerajaan telah membuat pengurangan peruntukan sebanyak 45% bagi program latihan kemahiran teknikal bagi pelajar lepasan siswazah (INSEP) dan program latihan kemahiran teknikal bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (WTTP) seluruh negara. Peruntukan kerajaan yang diterima bagi tahun 2014 adalah berjumlah RM5.70 juta berbanding tahun 2015 berjumlah RM12.70 juta. JOHOR SKILLS akan memperkuatkannya hubungan dengan pihak industri, Kementerian Belia Dan Sukan serta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Kerajaan telah menetapkan siling peruntukan sejumlah RM50 juta setahun untuk 13 buah pusat latihan kemahiran negeri di dalam RMK-11.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan JOHOR SKILLS bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015 adalah memuaskan kerana telah mencatatkan keuntungan pada tahun 2013 dan 2015. Selain itu, JOHOR SKILLS juga mempunyai aliran tunai positif untuk menampung kos operasi. Bagaimanapun, 85% pendapatannya masih bergantung kepada geran Kerajaan untuk melaksanakan operasi.

6.5.2. Pengurusan Aktiviti

JOHOR SKILLS adalah sebuah pusat latihan kemahiran yang menawarkan latihan kemahiran yang berbentuk kursus jangka panjang dan jangka pendek. Kursus jangka panjang dikhaskan kepada pelajar lepasan sekolah, program lepasan siswazah, program *in-house* dan intensif yang terdiri daripada program WTTP dan INSEP dengan menggunakan sepenuhnya geran Kerajaan. JOHOR SKILLS menawarkan kursus jangka panjang melalui program tajaan yang dibiayai sepenuhnya oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Terdapat dua program yang telah ditawarkan iaitu Skim Latihan Geran Golongan Pekerja & Future Worker (*Workers Technical Transformation Programme*) (WTTP) dan *Industrial Skills Enhancement Programme* (INSEP). Program WTTP dikhaskan kepada lepasan sekolah manakala INSEP pula dikhaskan kepada lepasan siswazah. Sepanjang tempoh latihan, pelajar akan menerima elaun sara diri berjumlah RM300 sebulan bagi program WTTP dan RM500 sebulan bagi program INSEP. Kursus jangka pendek pula terbuka kepada pekerja industri atau orang awam bagi tempoh antara satu hingga 72 hari bertujuan meningkatkan kemahiran dan *re-skilling*. Butiran lanjut mengenai program yang ditawarkan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.4
SENARAI KURSUS JANGKA PANJANG DAN JANGKA PENDEK

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPOH PROGRAM	JUMLAH KOS PROGRAM YANG DIBIAYAI OLEH PTPK		JUMLAH PEMBIAYAAN BAGI SEORANG PELATIH (RM)
			YURAN (RM)	ELAUN SARA HIDUP (RM)	
WTTP (LEPASAN SEKOLAH)					
1.	Proses Kimpalan Arka Logam	18 bulan	18,500	5,400	23,900
2.	Operasi Pemesinan	17 bulan	16,800	5,100	21,900
3.	Operasi Penyelenggaraan Industri	18 bulan	14,000	5,400	19,400
4.	Pemasangan & Troubleshooting Peralatan Elektronik	24 bulan	13,750	7,200	20,950
5.	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik –Satu Fasa & Tiga Fasa	24 bulan	15,300	7,200	22,500
INSEP (LEPASAN SISWAZAH)					
6.	<i>Safety And Health Officer</i>	6 bulan	16,240	3,000	19,240
7.	<i>NDT Inspector</i>	7 bulan	20,980	3,500	24,480
8.	<i>Engineering Operation & Maintenace</i>	7 bulan	14,150	3,500	17,650
9.	<i>Welding Inspection</i>	7 bulan	19,950	3,000	22,950
10.	<i>Vibration Technology & Maintenance Management</i>	6 bulan	19,850	3,000	22,850
11.	<i>JAVA Specialist Programmer</i>	7 bulan	16,220	3,500	19,720
12.	<i>Calibration & Instrument Technology</i>	7 bulan	16,980	4,000	20,980
13.	<i>Painting & Corrosion Inspector</i>	6 bulan	17,170	3,000	20,170
14.	<i>PCN Auto UT & Phased Away</i>	6 bulan	17,510	3,000	20,510

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPOH PROGRAM	JUMLAH KOS PROGRAM YANG DIBIAYAI OLEH PTPK		JUMLAH PEMBIAYAAN BAGI SEORANG PELATIH (RM)
			YURAN (RM)	ELAUN SARA HIDUP (RM)	
15.	<i>Steam Plant Engineer</i>	6 bulan	16,000	3,000	19,000
16.	<i>Plant Inspection & Management (Api Cert)</i>	6 bulan	34,500	3,000	37,500
17.	<i>Oil & Gas Electro Mechanical And Instrument Technology</i>	7 bulan	16,550	3,500	20,050
GOLONGAN PEKERJA (SEPARUH MASA)					
18.	<i>Welding Inspector</i>	5 hari	TB*	TB*	TB*
19.	<i>Ultrasonic Testing</i>	15 hari			
20.	Penjaga Jentera (AO)	72 hari			
21.	<i>Radiografic Interpretation</i>	5 hari			
22.	<i>Penetrant Testing</i>	5 hari			
23.	Pemasangan Elektrik Fasa Tunggal (PW2)	43 hari			

Sumber: JOHOR SKILLS

Nota: TB (Tidak Berkenaan) *Kos dibiayai oleh syarikat pekerja

a. Prestasi Pendapatan Yuran Pembelajaran/Kursus

Setiap tahun, JOHOR SKILLS menetapkan sasaran pendapatan yuran diterima daripada pelaksanaan kursus jangka panjang dan jangka pendek melalui perancangan strategik syarikat. Antara kaedah penetapan sasaran adalah berdasarkan kepada trend pencapaian tahun sebelumnya, kapasiti, unjuran pemberian geran Kerajaan dan kajian permintaan pasaran. Bagi tahun 2014 hingga 2016, JOHOR SKILLS telah mencapai sasaran pendapatan kursus jangka panjang dengan mencatatkan lebihan sejumlah RM0.96 juta berbanding RM19.07 juta yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, JOHOR SKILLS hanya mencapai 80.3% sasaran pendapatan kursus jangka pendek bagi tahun 2014 hingga 2016 iaitu kurangan RM0.34 juta berbanding RM1.74 juta sasaran yang telah ditetapkan. Butiran lanjut mengenai prestasi pencapaian aktiviti JOHOR SKILLS adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.5
PRESTASI PENCAPAIAN YURAN DITERIMA
BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	TAHUN	KURSUS JANGKA PENDEK			KURSUS JANGKA PANJANG		
		SASARAN (RM)	SEBENAR (RM)	PENCAPAIAN (%)	SASARAN (RM)	SEBENAR (RM)	PENCAPAIAN (%)
1.	2014	1,050,000	390,965	37.2	5,078,000	4,931,954	97.1
2.	2015	365,000	411,175	112.7	8,135,000	9,007,149	110.7
3.	2016	327,000	597,425	182.7	5,854,500	6,090,319	104
JUMLAH		1,742,000	1,399,565	80.3	19,067,500	20,029,422	105

Sumber: JOHOR SKILLS

Maklum Balas JOHOR SKILLS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Kegagalan mencapai sasaran program jangka pendek pada tahun 2014 disebabkan JOHOR SKILLS memberikan tumpuan sepenuhnya bagi program INSEP & WTTP. Ini telah menyebabkan berlakunya kekurangan kelas, bengkel dan peralatan bagi melaksanakan program jangka pendek. Selain itu, permintaan daripada industri juga adalah tidak menggalakkan. Pada tahun 2014, sasaran yang ditetapkan adalah terlalu tinggi, manakala bagi tahun 2015 syarikat telah menetapkan sasaran mengikuti keupayaan sebenar syarikat.

b. Prestasi Pencapaian Pelatih Program Jangka Panjang

- i. Pelatih program INSEP perlu menduduki peperiksaan sijil profesional yang dikeluarkan oleh Badan Pentauliahan mengikut bidang yang diambil. Antara Badan Pentauliahan yang terlibat adalah Sirim Berhad, Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH), Suruhanjaya Tenaga (ST), British Institute Of Non Destructive Testing (BINDT), The Welding Institute of UK (TWI), Institute of Corrosion UK (ICORR), American Petroleum Institute (API) dan Mobius Institue of Vibration.
- ii. Semakan Audit terhadap prestasi pelatih program INSEP bagi tahun 2014 dan 2015 mendapati empat pensijilan telah mencatatkan 100% kelulusan iaitu Calibration & Instrumentation Technology, Oil & Gas Electro Mechanical & Instrument Technology, Engineering Operation & Maintenance serta Radiographic Interpretation (RI). Manakala lapan pensijilan pula mencatatkan kelulusan antara 4% hingga 28% sahaja. Pensijilan tersebut adalah Phased Array UT, Ultrasonic Testing (UT), Radiographic Interpretation, Safety & Health Officer, API 510, API 570 dan API 653. Butiran terperinci pencapaian pensijilan pelatih program INSEP adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.6
PENCAPAIAN PENSIJILAN PELATIH
PROGRAM INSEP BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2015

NAMA SIJIL	NAMA PROGRAM	2014			2015			KESELURUHAN				
		BIL.	L	G	BIL.	L	G	BIL.	L	%	G	%
Phased Array UT	NDT AUT	24	8	16	43	4	39	67	12	17.9	55	82.1
Ultrasonic Testing UT	Phased Array	24	6	18	43	10	33	67	16	23.9	51	76.1
Welding Inspector -CSWIP (WI)	Welding Inspection	25	18	7	67	63	4	92	81	88	11	12
Radiographic Interpretation (RI)		25	3	22	67	4	63	92	7	7.6	85	92.4
Safety & Health Officer	Safety And Health Officer	25	3	22	72	24	48	97	27	27.8	70	72.2
Calibration & Instrumentation Technology	Calibration & Instrumentation Technology	21	21	0	43	43	0	64	64	100	0	0

NAMA SIJIL	NAMA PROGRAM	2014			2015			KESELURUHAN				
		BIL.	L	G	BIL.	L	G	BIL.	L	%	G	%
<i>Oil & Gas Electro Mechanical & Instrument Technology – SIRIM</i>	<i>Oil & Gas Electro Mechanical And Instrument Technology</i>				43	43	0	43	43	100	0	0
<i>BGAS-CSWIP Painting & Corroison Inspection</i>	<i>Painting And Corroison</i>	20	15	5	18	12	6	38	27	71	11	29
<i>BGAS-CSWIP Site Coating Welding Inspector – CSWIP (WI)</i>		20	6	14	18	10	8	38	16	42.1	22	57.9
<i>API 510</i>		20	2	18	18	13	5	38	15	39.5	23	60.5
<i>API 570</i>	<i>Plant Inspection Management (API)</i>	19	3	16	43	6	37	62	9	14.5	53	85.5
<i>API 653</i>		19	2	17	43	4	39	62	6	9.7	56	90.3
					25	1	24	25	1	4	24	96
<i>Engineering Operation And Maintenance</i>	<i>Engineering Operation And Maintenance</i>	20	20	0	43	43	0	63	63	100	0	0
<i>Radiographic Interpretation (RI)</i>	<i>NDT Inspection</i>	-	-	-	25	25	0	25	25	100	0	0
<i>Magnetic Testing (MT)</i>		-	-	-	25	20	5	25	20	80	5	20
<i>Penetrant Testing (PT)</i>		-	-	-	25	15	10	25	15	60	10	40
<i>Ultrasonic Testing (UT)</i>		-	-	-	25	7	18	25	7	28	18	72

Sumber: JOHOR SKILLS

Nota: L - Lulus G - Gagal

- iii. Prestasi pencapaian pelatih bagi program WTPP Sijil Kemahiran Malaysia di JOHOR SKILLS dapat dilihat pada Borang Pendaftaran dan Pengeluaran Sijil JPK/P3(T1003) yang telah disahkan oleh Pegawai Penilai, Pegawai Pengesah Dalaman dan Pegawai Pengesah Luaran. Semakan Audit terhadap borang tersebut mendapati seramai 273 orang pelatih telah menduduki peperiksaan bagi tahun 2014 hingga 2015. Seramai 239 orang pelatih (87.5%) telah terampil (lulus) manakala 34 orang pelatih (12.5%) telah gagal atau belum terampil. Seramai 18 orang pelatih daripada 34 orang pelatih yang gagal atau belum terampil telah berhenti daripada pengajian. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.7
PRESTASI PENCAPAIAN
KETERAMPILAN PELATIH BAGI TAHUN 2014 DAN 2015**

TAHUN	BILANGAN PELATIH	LULUS		GAGAL	
		TERAMPIL	(%)	BELUM TERAMPIL	(%)
2014	133	120	90.2	13	9.8
2015	140	119	85.0	21	15.0
JUMLAH	273	239	87.5	34	12.5

Sumber: JOHOR SKILLS

Maklum Balas JOHOR SKILLS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Semua pelajar bagi program INSEP akan menduduki peperiksaan Sijil Profesional yang dikeluarkan oleh Badan Pentaulianan dari dalam dan luar negara mengikut bidang masing-masing. Peratus kelulusan yang rendah bagi Pensijilan Antarabangsa adalah berpunca dari 'Standard' tinggi yang ditetapkan. Kegagalan dalam mendapatkan pensijilan tidak menghalang pelajar untuk mendapatkan pekerjaan kerana statistik menunjukkan semua pelajar INSEP telah memperoleh pekerjaan. Analisis JOHOR SKILLS juga mendapati, pelajar yang diambil adalah antara mereka yang menganggur dan kurang bersedia dan tidak mencapai kriteria yang diperlukan terutama untuk persijilan antarabangsa. JOHOR SKILLS akan mengkaji proses pengambilan pelajar untuk program INSEP.

c. Prestasi Pengambilan Pelatih Kursus

JOHOR SKILLS telah menetapkan sasaran pengambilan pelatih kursus mengikut program dan bidang bagi setiap tahun. Semakan Audit mendapati pada tahun 2014, JOHOR SKILLS telah berjaya mengambil 2,777 berbanding sasaran seramai 2,789 pelatih (99.6%). Pada tahun 2015, pengambilan pelatih telah meningkat kepada 3,278 berbanding sasaran seramai 2,731 pelatih (120%). JOHOR SKILLS telah mencapai sasaran pengambilan pelatih kursus pada tahun 2016 sebanyak 3,412 (112.3%) berbanding sasaran 3,037. Sebanyak enam program yang dijalankan oleh JOHOR SKILLS telah mencapai sasaran iaitu antara 100.9% hingga 123.6% iaitu *Maintenance Technology, Industrial Engineering/Safety, Welding Technology, Pemesinan & CNC, Electrical & Electronic* serta *Workshop/Seminar*. Bagaimanapun, empat program iaitu *Autocad, Plastic Technology, Information Technology* serta *Industrial Automation & Instrumentation* tidak mencapai sasaran peserta yang ditetapkan. Antara sebabnya adalah pengurangan geran Kerajaan dan calon kurang berminat. Butiran lanjut mengenai pencapaian pengambilan peserta kursus berbanding sasaran bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.8
PENCAPAIAN PENGAMBILAN PESERTA KURSUS
BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	PROGRAM	2014			2015			2016		
		SASARAN	SEBENAR	PENCAPAIAN (%)	SASARAN	SEBENAR	PENCAPAIAN (%)	SASARAN	SEBENAR	PENCAPAIAN (%)
1.	<i>Industrial Automation & Instrumentation</i>	280	260	92.8	350	433	123.7	200	120	60.0
2.	<i>Information Technology</i>	90	75	83.3	140	85	60.7	50	91	182.0
3.	<i>Plastic Technology</i>	10	14	140.0	16	12	75.0	12	0	0.0
4.	<i>Welding Technology</i>	850	1,038	122.1	850	1,147	134.9	1,200	1,266	105.5
5.	<i>Maintenance Technology</i>	360	250	69.4	350	369	105.4	360	466	129.4
6.	<i>Industrial Engineering/Safety</i>	250	328	131.2	350	421	120.3	250	243	97.2
7.	<i>Electrical & Electronic</i>	424	370	87.3	215	371	172.5	400	543	135.8
8.	Pemesinan & CNC	200	148	74.0	250	247	98.8	300	379	126.3
9.	<i>Autocad</i>	25	26	104.0	10	3	30.0	15	5	33.3
10	Workshop/Seminar	300	268	89.3	200	190	95.0	250	299	119.6
JUMLAH		2,789	2,777	99.6	2,731	3,278	120.0	3,037	3,412	112.3

Sumber: JOHOR SKILLS

Maklum Balas JOHOR SKILLS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Kejayaan JOHOR SKILLS mencapai sasaran pengambilan peserta kursus disebabkan oleh pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa atas sebahagian besar program yang dijalankan serta permintaan tenaga pekerja mahir daripada pihak industri. Penubuhan Majlis Penasihat Modal Insan yang melibatkan agensi kerajaan dan pihak industri juga telah membantu JOHOR SKILLS mencapai sasaran pengambilan pelajar.

d. Prestasi Pengambilan Pelatih Kursus Jangka Panjang

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2014 hingga 2016, JOHOR SKILLS telah berjaya mencapai sasaran pengambilan pelatih untuk program jangka panjang iaitu WTTP dan INSEP. Pada tahun 2014, seramai 289 pelatih berjaya didaftar berbanding seramai 300 pelatih yang disasarkan (96.3%). Pada tahun 2015 pula, seramai 621 orang pelatih telah mendaftar berbanding dengan sasaran seramai 662 orang (93.8%). Pada tahun 2016, 210 peserta telah didaftarkan berbanding seramai 242 yang disasarkan (86.8%). Butiran lanjut mengenai pengambilan pelatih program WTTP & INSEP berbanding sasaran bagi tahun 2014 hingga 2016 seperti jadual berikut:

JADUAL 6.9
BILANGAN PELAJAR WTPP DAN INSEP YANG
MENDAFTAR BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	PROGRAM	2014				2015				2016			
		SASARAN	KELULUSAN PPTK	PENGAMBILAN	(%)	SASARAN	KELULUSAN PPTK	PENGAMBILAN	(%)	SASARAN	KELULUSAN PPTK	PENGAMBILAN	(%)
1.	WTPP	126	115	115	100	220	187	186	99	94	80	80	100
2.	INSEP	174	174	174	100	442	436	435	99	148	130	130	100
JUMLAH		300	289	289	100	662	623	621	99	242	210	210	100

Sumber: JOHOR SKILLS

e. Pelaksanaan Kursus Jangka Pendek

JOHOR SKILLS telah menyediakan jadual pelaksanaan kursus jangka pendek untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada industri, syarikat serta orang awam. Bagi tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 1,890 orang telah menyertai kursus jangka pendek di JOHOR SKILLS. Pihak Audit mendapati bilangan peserta kursus telah meningkat daripada 626 orang pada tahun 2014 kepada 652 orang pada tahun 2015. Bilangan peserta kursus jangka pendek pada tahun 2016 adalah seramai 612 orang. Semakan Audit mendapati kursus yang kerap dilaksanakan adalah *Safe Handling Forklift*, *Autocad*, *Welding Technology* serta *Microsoft Excel & Powerpoint*. Bagaimanapun, kursus lain yang berkaitan elektrik dan pemesinan kurang mendapat permintaan. Butiran lanjut pelaksanaan kursus jangka pendek bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.10
PELAKSANAAN KURSUS
JANGKA PENDEK BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	NAMA KURSUS	TAHUN DAN BILANGAN PESERTA		
		2014	2015	2016
INDUSTRI				
1.	<i>Safe Handling Forklift</i>	155	206	96
2.	<i>Autocad</i>	27	3	5
3.	<i>Microsoft Excel / Powerpoint</i>	66	21	-
4.	<i>Basic First Aid</i>	48	42	-
5.	<i>Basic Lathe Operation</i>	-	7	-
6.	<i>Plastic Injection Moulding</i>	14	12	-
7.	<i>PLC Omron With CX Program</i>	5	12	-
8.	<i>Electrical Wiring Installation & Troubleshooting / Electrical Three Phase Wiring</i>	2	7	5
9.	<i>Programmable Logic Controller</i>	12	-	33
10.	<i>Insetif Welding Technology /Welding Technology</i>	26	14	40

BIL.	NAMA KURSUS	TAHUN DAN BILANGAN PESERTA		
		2014	2015	2016
11.	<i>Gas Tungsren Arc Welding/Gas Metal Arc Welding/Manual Metal Arc Welding</i>	10	31	20
12.	<i>Pump Operation & Maintenance</i>	12	10	-
13.	<i>Basic Lifting, Ringing & Signaling</i>	22	-	-
14.	Penjaga Jentera Elektrik	6	-	-
15.	<i>Bearing Maintenance</i>	4	-	-
16.	<i>Boiler Operation</i>	3	-	-
17.	<i>Industrial Pneumatics</i>	3	-	-
18.	<i>Application & Troubleshooting Electrical Motor</i>	2	-	-
19.	<i>Installation Maintenance Of Air Conditioning</i>	6	-	-
20.	<i>Low Voltage Main Switchboard</i>	11	-	34
21.	<i>Industrial Safety & Health Environment</i>	25	-	-
22.	<i>PLC Mitsubishi</i>	-	5	3
23.	<i>Overhead Crane safety</i>	-	22	-
24.	<i>Calibration Of Mechanical Instrument</i>	-	3	-
25.	<i>Effective Soldering Technique</i>	-	7	-
26.	<i>Record Management Train The Trainer</i>	-	43	-
27.	<i>Ultrasonic Testing (Geran PKS)</i>	-	12	-
28.	<i>Magnetic Practicle Testing (Geran PKS)</i>	-	-	33
29.	<i>Basic Lifting For Supervisor</i>	-	14	-
30.	Industri Automasi	-	-	10
31.	<i>Basic Boiler</i>	-	-	6
JUMLAH		459	471	285
INTER- COMPANY				
32.	<i>Advanced Microsoft Powerpoint</i>	-	20	14
33.	<i>Safe Handling Forklift</i>	-	5	-
34.	<i>Advanced Microsoft Excel</i>	-	18	14
JUMLAH		-	43	28
SEMINAR				
35.	<i>Occupational Safety & Health</i>	88	67	-
36.	<i>Green Technology For Better Environment</i>	79	71	-
37.	Keselamatan Pekerjaan	-	-	124
38.	Reduction Of Maintenance Cost For Industry	-	-	25
39.	TT-Surge Protection Device	-	-	27
40.	Seminar Alam Sekitar	-	-	107
41.	Technical Talk	-	-	16
JUMLAH		167	138	299
JUMLAH KESELURUHAN		626	652	612

Sumber: JOHOR SKILLS

Maklum Balas JOHOR SKILLS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Pelaksanaan kursus jangka pendek bergantung kepada permintaan daripada industri. JOHOR SKILLS akan mempergiatkan lagi kerjasama dengan industri dan agensi Kerajaan berkaitan mempergiatkan lagi lawatan pemasaran terus ke syarikat besar dan EKS di negeri Johor. Selain itu, masa perlaksanaan juga akan dibuat mengikut kesesuaian syarikat sama ada hari bekerja, hujung minggu atau selepas waktu bekerja. JOHOR SKILLS juga akan meningkatkan lagi penggunaan media massa/elektronik bagi memasarkan kursus yang ditawarkan. Penyertaan syarikat dalam pameran berkaitan Technical Vocational Education And Training (TVET) akan ditingkatkan bagi tujuan mempromosikan kursus yang dilaksanakan. Pengurangan kursus berkaitan elektrik dan pemesinan disebabkan penurunan permintaan daripada sektor tersebut.

Pihak Audit berpendapat, prestasi pengambilan pelatih kursus jangka pendek bagi tahun 2016 adalah memuaskan walaupun terdapat penurunan bilangan peserta. Ini adalah kerana JOHOR SKILLS telah mencatatkan peningkatan pendapatan sejumlah RM186,250 berbanding tahun 2015.

f. Kebolehpasaran Pelatih JOHOR SKILLS

JOHOR SKILLS telah menjalankan kajian/soal selidik pelatih yang memperoleh kerja dalam tempoh setahun selepas tamat pengajian. Bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 1,096 responden telah memberi maklum balas terhadap Kajian Pengesanan Pelatih yang dijalankan oleh JOHOR SKILLS. Berdasarkan statistik laporan tersebut, pelatih telah berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh setahun selepas tamat pengajian adalah sebanyak 1,014 orang pelatih (92.5%) manakala sebanyak 82 orang pelatih (7.5%) masih belum mendapat pekerjaan. Antara sebab pelatih masih belum mendapat pekerjaan adalah kerana telah melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian Pengesanan Pelatih bagi program WTTP pada tahun 2015 tidak dijalankan kerana pelatih belum menamatkan pengajian. Semakan selanjutnya mendapati JOHOR SKILLS tidak menetapkan sasaran peratus kebolehpasaran pelatih. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.11
STATISTIK LAPORAN PENGESANAN GRADUAN BAGI TEMPOH 2013 HINGGA 2015**

TAHUN	PROGRAM	BILANGAN PELATIH	BILANGAN BEKERJA	(%)	PROGRAM	BILANGAN PELATIH	BILANGAN BEKERJA	(%)
2013	WTTP	108	105	97.2	INSEP	263	258	98.1
2014		114	95	83.3		169	169	100
2015		-	-	-		442	387	87.6
JUMLAH		222	200			874	814	

Sumber: JOHOR SKILLS

g. Kemudahan

Sebagai sebuah institusi pendidikan swasta, persekitaran tempat belajar yang selesa serta peralatan pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, terkini dan mencukupi perlu disediakan bagi menjamin kecemerlangan pelajar. JOHOR SKILLS telah menyediakan pelbagai kemudahan seperti surau, asrama, bilik kuliah, makmal, bengkel, perpustakaan dan tempat riadah. Semakan Audit mendapat:

i. Kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran

Semakan Audit terhadap 409 perihal peralatan mesin pengajaran, 272 daripadanya telah berusia sepuluh tahun atau lebih. Beberapa peralatan didapati telah tidak digunakan seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.1



Johor Skills, Pasir Gudang
- Mesin Pengimpa Berusia 16 Tahun
Tidak Digunakan
(14.02.2017)
Sumber: Johor Skills

GAMBAR 6.2



Johor Skills, Pasir Gudang
- Submerged Arc Welder Berusia 16
Tahun Tidak Digunakan
(26.10.2016)

GAMBAR 6.3



Johor Skills, Pasir Gudang
- Vertical Machining Center Dinaik
Taraf Tahun 2011 Tidak Digunakan
(26.10.2016)

GAMBAR 6.4



Johor Skills, Pasir Gudang
- Diesel Generator Berusia 10 Tahun
Tiada Rekod Penggunaan
(26.10.2016)

Maklum Balas JOHOR SKILLS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

JOHOR SKILLS sedia maklum lebih 50 peratus peralatan yang sedia ada telah melebihi sepuluh tahun penggunaannya. Bagaimanapun, peralatan tersebut masih boleh digunakan bagi tujuan pembelajaran. Pembelian peralatan baru dan terkini memerlukan perbelanjaan besar.

Permohonan peruntukan telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan tetapi peruntukan tidak diterima sehingga kini. Pembelian peralatan pembelajaran juga telah dibuat melalui sumber dalaman mengikut keperluan dan kemampuan syarikat. Bagi tahun 2014 hingga 2016, pembelian yang telah dibuat adalah berjumlah RM823,089 melibatkan pembelian komputer, software, peralatan bengkel dan peralatan pejabat.

Pihak Audit berpendapat, kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh JOHOR SKILLS adalah memuaskan kerana sebahagian besar daripadanya masih relevan dan sesuai digunakan untuk pembelajaran.

ii. Peralatan Program Perintisan Keusahawanan Membaiki Motosikal Tidak Digunakan

JOHOR SKILLS telah mengadakan program Perintisan Keusahawanan Membaiki Motosikal pada tahun 2012. Pelbagai peralatan dan kelengkapan bagi menjayakan program tersebut telah dibeli dengan bantuan peruntukan daripada Perbadanan Johor (JCOP). Pemeriksaan Audit ke kolej kediaman mendapati semua peralatan bagi program tersebut masih disimpan di sebuah bilik khas tetapi tidak digunakan selepas hanya sekali program ini dilaksanakan. Antara sebab program tidak dilaksanakan kerana tiada peruntukan dan terdapat institusi lain yang menawarkan program sama. Tiada program lanjutan atau susulan dilaksanakan supaya peralatan yang dibeli boleh dimanfaatkan oleh JOHOR SKILLS atau pihak lain. Keadaan peralatan dan kelengkapan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.5



Johor Skills, Pasir Gudang
- Motosikal Untuk Pembelajaran
Tidak Digunakan
(26.10.2016)

GAMBAR 6.6



Johor Skills, Pasir Gudang
- Peralatan Untuk Membaike Motosikal
(26.10.2016)

Maklum Balas JOHOR SKILLS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Program Perintisan Keusahawanan Membaiki Motosikal hanya dilaksanakan pada tahun 2012. Sebahagian peralatan dan kelengkapan telah dipindahkan ke bengkel dan mula digunakan untuk program seperti penyenggaraan, pemesinan, mekanik industri dan elektrik.

Pihak Audit berpendapat, peralatan program yang telah tidak digunakan boleh dilupuskan sebagai hadiah kepada institusi lain yang masih menjalankan program sama. Ini adalah bagi memastikan pemberian geran Kerajaan dimanfaatkan sepenuhnya.

iii. Tempat Penyimpanan Khas Peralatan Pembelajaran Tidak Disediakan

Peralatan pengajaran dan pembelajaran perlu disenggara dan digunakan dengan baik agar peralatan dan bahan berada pada tahap kesediaan memuaskan dari aspek kecukupan dan kebolehgunaan pada masa yang diperlukan. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa peralatan seperti alat pemadam api dan gelung hos serta *forklift* yang disimpan dengan cara yang tidak sesuai menyebabkan peralatan kelihatan usang dan terdedah kepada matahari. Kedudukan peralatan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.7



Johor Skills, Pasir Gudang
- Tempat Simpanan Alat Pemadam Api
(7.12.2016)

GAMBAR 6.8



Johor Skills, Pasir Gudang
- Gelung Hos
(31.10.2016)



GAMBAR 6.9

Johor Skills, Pasir Gudang
- Tempat Letak Forklift Tidak Berbumbung
(7.12.2016)

Maklum Balas JOHOR SKILLS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Memang menjadi dasar JOHOR SKILLS bagi memastikan semua peralatan pembelajaran disenggarakan dengan baik dan disimpan di tempat yang selamat. JOHOR SKILLS pada masa ini mengalami masalah ruang bagi menyimpan peralatan tertentu yang kurang digunakan serta dalam proses penyenggaraan. Tindakan penambahbaikan akan dibuat sebagaimana saranan Jabatan Audit Negara.

h. Maklum Balas Kualiti Perkhidmatan

- i. Bagi menilai tahap kualiti perkhidmatan yang disediakan, pihak Audit telah menjalankan soal selidik bertujuan untuk menilai tahap kualiti layanan dan perkhidmatan di pejabat pentadbiran, tenaga pengajar serta kemudahan dan infrastruktur. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 80 pelatih di mana 69 borang telah dikembalikan. Hasil soal selidik terhadap responden adalah seperti jadual berikut:


**JADUAL 6.12
MAKLUMAT RESPONDEN SOAL SELIDIK PELATIH**

JUMLAH PELAJAR		MENGINAP DI ASRAMA	
LELAKI	PEREMPUAN	YA	TIDAK
64	5	12	57

Sumber: JOHOR SKILLS

- ii. Hasil analisis borang soal selidik tersebut mendapat 53 (76.8%) pelatih bersetuju dengan perkhidmatan di pejabat pentadbiran adalah mesra, cekap dan pegawai mudah ditemui, 47 (68.1%) pelatih bersetuju dengan kemudahan pembelajaran seperti bilik kuliah, makmal dan bengkel adalah mencukupi dan kondusif serta 49 (71%) pelatih berpendapat tenaga pengajar mempunyai kemahiran, sentiasa bersedia memberi bantuan dan mudah dihubungi. Selain itu, analisis Audit mendapat 38 (55.1%) pelatih bersetuju dengan perkhidmatan hal ehwal pelajar seperti kebijakan pelajar, program pembangunan pelajar dan aktiviti luar pelajar telah diuruskan dengan memuaskan dan 36 (52.2%) pelatih bersetuju dengan prasarana kolej yang disediakan seperti kantin, asrama dan lain-lain kemudahan telah diuruskan dengan memuaskan dan mencukupi . Juga didapat 52 (75.4%) pelatih berasa bangga dan seronok menjadi pelajar JOHOR SKILLS serta akan mengesyorkan kepada orang luar. Bagaimanapun, hanya seramai 25 (36.2%) dan 27 (39.1%) pelatih masing-masing berpuas hati dengan kemudahan perpustakaan dan aktiviti kokurikulum. Ini adalah kerana kebanyakan pelatih lebih gemar

aktiviti amali. Analisis tahap kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh JOHOR SKILLS adalah seperti carta berikut:



Maklum Balas JOHOR SKILLS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Adalah menjadi dasar syarikat untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pelajar. JOHOR SKILLS juga akan berusaha memperbaiki kelemahan kemudahan bilik latihan, bengkel dan peralatan. JOHOR SKILLS juga akan memastikan semua tenaga pengajar mempunyai kemahiran yang terbaik. Kemudahan komputer dan bilik perpustakaan juga akan dipertingkatkan lagi bagi kegunaan pelajar.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti JOHOR SKILLS telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya. Bagaimanapun, empat daripada sepuluh program tidak mencapai pengambilan pelatih yang ditetapkan. Selain itu terdapat peralatan berusia melebihi sepuluh tahun telah tidak digunakan. Tempat penyimpanan peralatan pembelajaran juga tidak disediakan menyebabkan aset kelihatan usang dan terdedah kepada matahari.

6.5.3. Tadbir Urus Korporat

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh lembaga pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa lain dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat JOHOR SKILLS adalah seperti berikut:

a. Pengerusi dan Lembaga Pengarah

- i. Mengikut perenggan 91 M&A penubuhan syarikat JOHOR SKILLS, Ahli Lembaga Pengarah boleh melantik seorang daripada kalangan Lembaga Pengarah sebagai Pengerusi bagi tempoh tertentu. Selain itu, amalan terbaik pula tidak menggalakkan syarikat melantik Pengerusi yang mempunyai kuasa eksekutif. Semakan Audit mendapati pelantikan Pengerusi JOHOR SKILLS adalah teratur. Naib Presiden Kanan Perbadanan Johor telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif JOHOR SKILLS pada 1 Januari 2016. Elaun pengerusi dibayar kepada Perbadanan Johor selaras dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Perbadanan Johor.
- ii. Komposisi Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada 33% (1/3) pengarah yang bebas. Berdasarkan perenggan 71 Memorandum Dan Artikel JOHOR SKILLS, bilangan Ahli Lembaga Pengarah mestilah tidak kurang daripada dua orang. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah JOHOR SKILLS dianggotai oleh lima orang pengarah bukan eksekutif dan dua orang pengarah eksekutif iaitu Pengarah Urusan dan Pengurus Kanan JOHOR SKILLS. Bilangan Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan di dalam Akta Syarikat 1965. Pelantikan Lembaga Pengarah JOHOR SKILLS dibuat melalui Mesyuarat Agung Tahunan seperti yang ditetapkan dalam Memorandum dan Artikel. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah JOHOR SKILLS tidak mempunyai Ahli Lembaga Pengarah Bebas seperti yang disyorkan Kod Tadbir Urus Korporat 2012.

b. Pengarah Urusan

Mengikut No. 78 M&A JOHOR SKILLS, Lembaga Pengarah akan melantik Pengarah Urusan di kalangan Ahli Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati JOHOR SKILLS telah melantik Tn. Hj. Ja'apar Bin Samat sebagai Pengarah Urusan. Beliau juga merupakan pemegang saham JOHOR SKILLS di bawah program usahawan Perbadanan Johor. Semakan Audit

mendapati beliau telah menerima manfaat sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian.

c. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam

Mengikut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat kerajaan bagi menjaga kepentingan kerajaan sebagai pemegang saham utama. Antara fungsi utama Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan adalah menilai pencapaian audit dalaman, mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar kerajaan dipatuhi, mengkaji perbelanjaan syarikat dibuat dengan berpatutan, mengkaji penggunaan sistem perakaunan efektif serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati JOHOR SKILLS tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam (UAD). Bagaimanapun, fungsi jawatankuasa ini dilaksanakan di peringkat Perbadanan Johor. Bagi tahun 2014, UAD Perbadanan Johor telah menjalankan satu pengauditan di JOHOR SKILLS manakala bagi tahun 2015 dan 2016 tiada pengauditan dijalankan. Ringkasan pengauditan 2014 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.13
PELAKSANAAN PENGAUDITAN UAD
PERBADANAN JOHOR DI JOHOR SKILLS PADA TAHUN 2014**

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	TARIKH	PENEMUAN AUDIT	TINDAKAN JOHOR SKILLS
1.	Pengauditan Penggunaan Dana/Geran Latihan yang diperoleh dari Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran untuk Program INSEP dan WTTP bagi tahun 2011 hingga 2014.	18.11.2014 hingga 21.11.2014	Secara keseluruhannya, dana tersebut telah dimanfaatkan sewajarnya. Namun, Pihak Audit menyarankan JOHOR SKILLS menyediakan prosedur kerja bertulis yang komprehensif berkaitan pengendalian program sebagai garis panduan dan bahan rujukan di dalam melaksanakan sesuatu program pada masa akan datang.	JOHOR SKILLS ada menyediakan prosedur pengambilan pelajar untuk program INSEP dan WTTP secara bertulis bagi rujukan bahagian Hal Ehwal Pelajar dan pengurusan sahaja.

Sumber: JOHOR SKILLS

d. Polisi dan Prosedur Kerja

Polisi dan prosedur kerja perlu disediakan dan dikemas kini bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Mengikut amalan terbaik bagi meningkatkan kawalan pengurusan yang berkesan, syarikat kerajaan perlu mewujudkan peraturan berkaitan perbelanjaan dan peraturan yang menentukan dengan jelas

perkara yang perlu diluluskan atau untuk makluman Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Antara polisi penting yang perlu diwujudkan adalah polisi kewangan. Semakan Audit mendapati JOHOR SKILLS mengguna pakai garis panduan dan prosedur Perbadanan Johor sejak beroperasi iaitu bermula pada tahun 1994 kerana tidak mempunyai garis panduan sendiri. Bagaimanapun, JOHOR SKILLS ada menyediakan *Guidelines on The Financial Procedure* sebagai prosedur kewangan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah JOHOR SKILLS ke 51 pada 27 Julai 2009 dalam mengawal urusan kewangan syarikat. Manakala Tatacara Pengurusan Aset Alih JOHOR SKILLS juga telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 seperti yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat EXCO namun perkara ini tidak diminitkan. Tatacara Pengurusan Aset Alih JOHOR SKILLS juga perlu dikemas kini seiring perubahan semasa.

e. Rancangan Strategik dan *Key Performance Indicator*

- i. Mengikut amalan terbaik, syarikat kerajaan perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat penting disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya bagi membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik dan hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati JOHOR SKILLS ada menyediakan rancangan strategik bagi tahun 2012 hingga 2016 dan 2017 hingga 2021. Antara strategi syarikat untuk meningkatkan pendapatan ialah dengan mewujudkan program baru antaranya program kemahiran di peringkat diploma, program Meister, program untuk Industri Perabut di Muar dan program untuk Industri Minyak dan Gas di Pengerang. Menurut makluman JOHOR SKILLS, penilaian status kemajuan perancangan strategik ada dibincangkan di peringkat Perbadanan Johor pada setiap tahun.
- ii. Mengikut *Intensifying Performance Management*, Buku Biru Versi 2, syarikat kerajaan perlu menyediakan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mengukur prestasi syarikat. KPI yang disediakan perlu berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya dan KPI bagi seksyen/unit perniagaan. KPI yang baik perlulah boleh

dicapai, membuat perbandingan dengan *benchmark* yang bersesuaian, mengandungi jangkaan, halangan dan situasi terhadap pencapaian KPI, mengambil kira rancangan jangka pendek dan sederhana serta indikator operasi dan kewangan dan KPI hendaklah disampaikan kepada semua peringkat daripada kakitangan sehingga Ahli Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati JOHOR SKILLS ada menyediakan KPI untuk menilai prestasi syarikat bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 dan perkara tersebut ada dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah JOHOR SKILLS. Bagaimanapun, KPI yang disediakan tidak merangkumi aktiviti utama berkaitan pelatih. Antara KPI yang ditetapkan adalah keuntungan, pembayaran dividen, sumber kewangan Kerajaan, pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat, pengiktirafan antarabangsa dan pengenalan program baru. Pencapaian KPI bagi tahun 2016 adalah 63% menurun daripada 90% yang dicatatkan pada tahun 2015. KPI yang dicapai pada tahun 2014 adalah 60%.

f. Pembayaran Dividen dan Bonus

- i. Mengikut amalan bagi syarikat-syarikat kerajaan, dividen perlu dibayar sebagai pulangan modal kepada pemegang saham. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi daripada dijangka, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati dividen sebanyak RM500,000 (100%) dibayar oleh JOHOR SKILLS bagi tahun 2013 hingga 2015 walaupun JOHOR SKILLS mengalami kerugian pada tahun 2014.
- ii. Akta Syarikat 1965 memperuntukkan bonus boleh dibayar kepada kakitangan sekiranya syarikat memperoleh keuntungan. Kelulusan pembayaran bonus kepada kakitangan syarikat perlu dicadangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati JOHOR SKILLS telah membayar bonus kepada kakitangannya pada tahun 2013 dan 2015. Manakala pada tahun 2014, JOHOR SKILLS telah membuat pembayaran token berjumlah RM500 setiap kakitangan walaupun syarikat mengalami kerugian sebelum cukai. Semakan Audit mendapati pembayaran bonus diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah JOHOR SKILLS dan Jawatankuasa Bonus Kumpulan Perbadanan Johor selepas dipersetujui Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Johor.

Maklum Balas JOHOR SKILLS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Pembayaran dividen dibuat pada tahun 2014, walau pun JOHOR SKILLS mencatat kerugian kerana syarikat mempunyai keuntungan terkumpul

serta aliran tunai yang baik ketika itu. Dasar pembayaran dividen akan dihalusi dari semasa ke semasa bergantung kepada prestasi dan kedudukan aliran tunai syarikat.

g. Pengurusan Kewangan

Pengauditan pengurusan kewangan dijalankan meliputi kawalan bajet, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset. Secara keseluruhannya pengurusan kewangan JOHOR SKILLS adalah memuaskan bagaimana terdapat penemuan Audit berkenaan pelupusan aset yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- i. Mengikut Tatacara Pengurusan Aset Alih JOHOR SKILLS, pelupusan aset boleh dilaksanakan setelah permohonan pelupusan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah JOHOR SKILLS dan Jawatankuasa KEMUDI (Kewangan & Modal) Perbadanan JOHOR. Seterusnya, Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset akan dikeluarkan bagi aset yang telah dilupuskan. Semakan Audit mendapati JOHOR SKILLS telah menyediakan kertas cadangan pelupusan aset bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015 dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah JOHOR SKILLS dan Mesyuarat Jawatankuasa *Board Of Survey* Perbadanan Johor. Aset yang dicadangkan untuk pelupusan tersebut adalah aset yang dibeli pada tahun 1994 hingga 2009 yang telah rosak dan tidak boleh digunakan lagi. Semakan lanjut mendapati aset tersebut telah dihapus kira di dalam akaun syarikat namun Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset sebagai bukti pelupusan fizikal telah dilaksanakan tidak disediakan. Butiran lanjut mengenai kertas cadangan dan kelulusan pelupusan adalah seperti jadual berikut.

**JADUAL 6.14
KERTAS CADANGAN PELUPUSAN
YANG DILULUSKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015**

TAHUN KEWANGAN	NILAI KOS (RM)	NILAI BUKU BERSIH (RM)	TARIKH KERTAS CADANGAN PELUPUSAN	TARIKH KELULUSAN PELUPUSAN
2013	631,893	34,542	30.9.2013	3.12.2013
2014	1,889,613	7,066	13.10.2014	30.12.2014
2015	767,525	403	15.10.2015	24.11.2015

Sumber: JOHOR SKILLS

- ii. Pemeriksaan fizikal mendapati masih ada aset yang belum dilupuskan seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.10



Johor Skills, Pasir Gudang
- Mesin Pengimpal Belum Dilupuskan
(31.10.2016)

GAMBAR 6.11



Johor Skills, Pasir Gudang
- CNC Cylindrical Grinder Belum Dilupuskan
(31.10.2016)

GAMBAR 6.12



Johor Skills, Pasir Gudang
- Vertical Machining Center
Belum Dilupuskan
(31.10.2016)

GAMBAR 6.13



Machine TNC 306 Controller
Belum Dilupuskan
(31.10.2016)

- iii. Pemeriksaan Audit yang diadakan pada 6 Disember 2016 di kolej kediaman JOHOR SKILLS mendapati peralatan seperti stok bantal, tilam dan katil disimpan bersama barang yang telah rosak dan usang adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.14



Johor Skills, Pasir Gudang
- Katil yang Disimpan Bersama Peralatan Lain yang Rosak dan Usang
(6.12.2016)

GAMBAR 6.15



GAMBAR 6.16



Johor Skills, Pasir Gudang
- Tilam yang Telah Digunakan
dan Stok Bantal
(6.12.2016)

GAMBAR 6.17



Johor Skills, Pasir Gudang
- Stok Tilam dan Bantal Baru Diletakkan
Bersama Barang Lusuh
(6.12.2016)

GAMBAR 6.18



Johor Skills, Pasir Gudang
- Peralatan yang Tidak Digunakan Disimpan
Bersama Dokumen Kewangan Johor Skills
(6.12.2016)

Maklum Balas JOHOR SKILLS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Pihak kami sedang menambah baik tatacara pengurusan aset yang digunakan terutama daripada aspek penyediaan sijil Penyaksian Pelupusan Aset sebagai bahan bukti pelupusan fizikal telah dilaksanakan. Tindakan bagi tujuan pengasingan peralatan asrama (bantal, tilam, katil) yang bercampur dengan peralatan yang rosak dan tidak boleh digunakan sedang dijalankan.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus korporat JOHOR SKILLS adalah memuaskan. Bagaimanapun, JOHOR SKILLS hendaklah memastikan komposisi Lembaga Pengarah adalah seimbang dengan bilangan pengarah bebas dan bukan bebas. Selain itu, JOHOR SKILLS hendaklah mengambil tindakan terhadap pelupusan aset selepas mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.

6.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd. (JOHOR SKILLS) dapat dicapai sepenuhnya serta Perbadanan Johor (JCOP) sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan JOHOR SKILLS mengambil tindakan seperti berikut:

- 6.6.1. menggiatkan promosi penganjuran kursus jangka pendek bagi meningkatkan pendapatan syarikat;
- 6.6.2. memastikan kadar peratus lulus pensijilan profesional program INSEP bagi lapan program berada pada tahap yang lebih baik; dan
- 6.6.3. memastikan aset yang tidak boleh digunakan terutama peralatan pembelajaran dilupuskan dengan sempurna dan diganti sewajarnya.

Bahagian II

PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

7. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

7.1. PENDAHULUAN

7.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sebuah Kementerian/Jabatan/Agensi bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

7.1.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Ketua Audit Negara perlu menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

7.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

7.2.1 Pada tahun 2016, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.1
USAHA PENAMBAHBAIKAN/PEMBAHARUAN
YANG TELAH DIAMBIL OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI**

JABATAN/AGENSI NEGERI	KETERANGAN PENAMBAHBAIKAN/PEMBAHARUAN
1. Majlis Bandaraya Johor Bahru	Menganjurkan kursus-kursus berkaitan pengurusan kewangan bagi memberi penerangan dan pendedahan kepada pegawai terlibat dalam menambah baik tahap pematuhan jabatan/agensi terhadap peraturan atau arahan berkaitan pengurusan kewangan.
2. Majlis Perbandaran Muar	

Sumber: Jabatan/Agensi Negeri

7.3. PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

7.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan,

elemen pengurusan kewangan yang dinilai ialah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagi Pejabat Perpendaharaan Negeri dan Agensi Negeri pula, elemen yang dinilai ialah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

7.3.2. Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti sejak tahun 2007 dengan memberi penarafan empat bintang kepada Jabatan/Agensi Kerajaan yang cemerlang. Bermula tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah memberi penarafan lima bintang kepada Jabatan/Agensi Kerajaan yang cemerlang seperti jadual berikut:

JADUAL 7.2
TAHAP PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN
BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2016

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 - 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Pekeliling Ketua Audit Negara Bil.1 Tahun 2016

7.4. OBJEKTIF PENG AUDITAN

Secara umumnya, objektif pengauditan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk menilai:

- 7.4.1. struktur dan sistem kawalan dalam terhadap semua elemen pengurusan kewangan adalah berkesan;
- 7.4.2. pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 7.4.3. rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

7.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan wajib dilaksanakan terhadap Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Pada tahun 2016, pengauditan telah dijalankan terhadap 22 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak dokumen kewangan dan rekod berkaitan bagi tahun 2016 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Di samping itu, analisis dibuat terhadap Penyata Kewangan Tahun 2015 bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 11 Agensi Negeri bagi menentukan kedudukan prestasi kewangannya secara menyeluruh. Temubual dengan pegawai yang terlibat dan semakan fizikal terhadap aset juga telah dijalankan untuk perakuan dan pengesahan maklumat yang diperoleh daripada semakan Audit. Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.3
JABATAN/AGENSI NEGERI YANG DIAUDIT**

BIL.	JABATAN/AGENSI NEGERI
JABATAN	
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor
3.	Jabatan Pertanian Negeri Johor
4.	Jabatan Perhutanan Negeri Johor
5.	Jabatan Mufti Negeri Johor
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor
7.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor
8.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor
9.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor
10.	Pejabat Daerah Tangkak
11.	Pejabat Tanah Mersing
12.	Pejabat Tanah Kulai
13.	Pejabat Tanah Johor Bahru
AGENSI NEGERI	
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru
2.	Majlis Perbandaran Kulai
3.	Majlis Perbandaran Muar
4.	Majlis Daerah Tangkak
5.	Majlis Daerah Mersing
6.	Majlis Daerah Yong Peng
7.	Perbadanan Johor
8.	Perbadanan Taman Negara Johor
9.	Yayasan Pelajaran Johor
10.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim

BIL.	JABATAN/AGENSI NEGERI
11.	Majlis Agama Islam Negeri Johor

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.6. ELEMEN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 13 Jabatan Negeri dan 11 Agensi Negeri adalah berdasarkan pencapaian pengurusan kewangan mengikut lapan elemen utama seperti berikut:

7.6.1. Kawalan Pengurusan

Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat kriteria utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

7.6.1.1. Struktur Organisasi

Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- b. surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas mengikut Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101; dan
- c. perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007.

7.6.1.2. Sistem dan Prosedur

Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. proses kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan dan sentiasa dikemas kini dalam Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- b. senarai tugas disediakan dan sentiasa dikemas kini mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- c. pemeriksaan dalaman mengikut AP 308 dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan

Aset Awam) bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut; dan

- d. pemeriksaan mengejut mengikut AP 309 dijalankan oleh Ketua Jabatan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

7.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanannya jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS 5.1 menetapkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) hendaklah ditubuhkan di setiap Jabatan/Agensi Kerajaan/Pusat Tanggungjawab untuk memantapkan pengurusan kewangan dan akaun. JPKA hendaklah mengadakan mesyuarat setiap tiga bulan sekali, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan JPKA dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Jawatankuasa Audit

Penubuhan Jawatankuasa Audit adalah selaras dengan ketetapan dalam 1PP PS 3.2. Pekeliling tersebut antara lainnya menetapkan penubuhan dan keahlian Jawatankuasa; pelaksanaan mesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun; membincangkan Rancangan Tahunan Unit Audit Dalam; membentangkan Laporan Unit Audit Dalam atau Laporan Jabatan Audit Negara dan mengemukakan sesalinan minit mesyuaratnya ke Pejabat Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

c. Unit Audit Dalam

1PP PS 3.1 menghendaki Setiausaha Kerajaan Negeri menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) di bawah organisasi/pentadbirannya bagi membantu memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai matlamat organisasi secara berhemat, cekap dan berkesan. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa dan Laporan Tahunan Audit Dalam selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Eksekutif adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

7.6.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga perlu merancang dan melaksanakan pusingan tugas mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

7.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap enam kriteria utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan, pemantauan, pelaporan dan analisis bajet seperti berikut:

7.6.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 2015 mengenai Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2016 Dan 2017. Selain itu, AP 29 hingga AP 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara

lain, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

7.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan antara lain menetapkan Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94, pemegang waran peruntukan boleh yang mana perlu, menyerahkan sebahagian daripada peruntukan di bawah kawalannya kepada pegawai lain dengan mengeluarkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai tersebut. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini dalam Buku Vot.

7.6.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahan yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat daripada 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

7.6.2.4. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa lima tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan. Bagi perbelanjaan mengurus,

Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan laporan berkala kepada pihak berkuasa berkenaan.

7.6.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

7.6.2.6. Analisis Bajet

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. AP 18(i), PB 2.5 dan 1PP PB 2.6 adalah berkaitan.

7.6.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap lima kriteria utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

7.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

7.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu daripada segi

kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan wang di kaunter, penerimaan melalui mel dan perbankan *internet* serta pengeluaran resit dan perekodannya dalam Buku Tunai.

7.6.3.3. Kemasukan Pungutan ke Bank

AP telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

7.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

7.6.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui 1PP WP 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

7.6.4. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus terbaik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap dua aspek utama pengurusan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, rundingan terus dan kontrak.

7.6.4.1. Perancangan Perolehan

Mengikut 1PP PK 2.1 menetapkan Jabatan/Agensi Negeri perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

7.6.4.2. Kaedah Perolehan

1PP PK 2.1 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan tiga tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak hendaklah dibuat secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya tiga pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, perolehan melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun atau sesuatu kontrak perlu dilakukan secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya lima pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan perolehan melebihi RM500,000 setahun atau sesuatu kontrak adalah secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama Kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh empat bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

7.6.5. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap dua aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

7.6.5.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan atau peraturan kewangan bagi Agensi Negeri.

7.6.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap pengurusan bayaran mengikut had kuasa berbelanja yang diluluskan, kawalan dalaman proses bayaran, bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyelenggaraan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

7.6.6. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut Pekeliling dan Arahan Amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan

kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

7.6.6.1. Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah ditubuhkan di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tatacara pengurusan Akaun Amanah ditetapkan melalui 1PP WP 10.4. Semakan Audit dijalankan terhadap pengendalian Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah di Jabatan/Agensi Negeri daripada segi penyediaan dan penyerahan Penyata Terimaan dan Bayaran tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian.

7.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan Kumpulan Wang Pinjaman dan Pendahuluan Diri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri atau Pekeliling Perbendaharaan berkaitan seperti berikut:

- a. 1PP WP 9.2 dan 1PP WP 9.3 bagi Pinjaman Kenderaan;
- b. 1PP WP 9.1 bagi Pinjaman Komputer;
- c. 1PP WP 3.2 bagi Pendahuluan Diri; dan
- d. 1PP WP3.3 bagi Pendahuluan Pelbagai.

7.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan Pengurusan Akaun Deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, Pengurusan Akaun Deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

7.6.7. Pengurusan Aset dan Stor

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

7.6.7.1. Kawalan Umum

Mengikut 1PP AM 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan,

Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

7.6.7.2. Penerimaan

Mengikut 1PP AM 2.2 dan 1PP AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta surat jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-Barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terimaan Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

7.6.7.3. Pendaftaran

1PP AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran. 1PP AM 6.3 pula menetapkan terimaan stok direkodkan ke Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4).

7.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi:

- a. 1PP AM 2.4 menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan;
- b. aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang

- menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai penggunaan ruang yang optimum; dan
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya dua orang Pegawai Pemeriksa Aset dan dua orang Pemverifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi dua tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan. 1PP AM 2.4 dan 1PP AM 6.6 adalah berkaitan.

7.6.7.5. Penyenggaraan

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Senarai Aset yang Memerlukan Penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP AM 2.5 adalah berkaitan.

7.6.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi dua tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai;
- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut; dan
- c. kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

7.6.7.7. Kehilangan dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam daripada masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan menyedia dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh dua hari bekerja. Salinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Bendahari Negeri, Ketua Audit Negara dan/atau wakil tempatan Ketua Audit Negara; dan
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh dua minggu daripada tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh dua bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan dari tarikh kelulusan diperoleh.

7.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan kenderaan Kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- 7.6.8.1. penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisis kadar penggunaan bahan api bulanan;
- 7.6.8.2. penggunaan kenderaan pegawai gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang diluluskan;
- 7.6.8.3. Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata Pembelian/Penyata Kad perlu disemak silang dengan resit sebelum bayaran dilakukan;
- 7.6.8.4. Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya.

Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan penyata penggunaan kad daripada syarikat pengeluar kad untuk tujuan semakan bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kad; dan

7.6.8.5. kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual. Butir penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

7.6.9. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

7.6.9.1. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi dan perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan dan pemantauan pelaburan.

7.6.9.2. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

7.6.10. Pengurusan Penyata Kewangan


Kerajaan Negeri Johor melalui surat bertarikh 5 Januari 2016 telah mengarahkan Agensi Negeri untuk mengemukakan Penyata Kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 31 Mac tahun kewangan berikutnya. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Arahan ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Jabatan/Agensi Negeri. Di samping itu, Penyata Kewangan yang dibentang awal adalah lebih telus dan relevan bagi *stakeholders* untuk menilai pencapaian Kerajaan Negeri/Agensi Negeri.

7.7. PENEMUAN AUDIT

7.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Berdasarkan sampel yang diaudit, pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi 24 Jabatan/Agensi Negeri adalah baik. Sebanyak sepuluh Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap **Cemerlang**, sepuluh Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap **Baik** dan empat Jabatan/Agensi pada tahap **Memuaskan**. Tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2016 adalah seperti carta berikut:

CARTA 7.1
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN
INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2016




Sumber: Jabatan Audit Negara

7.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

7.7.2.1. Jabatan Negeri

- a. Hasil semakan terhadap Kawalan Pengurusan di 13 Jabatan tersebut mendapati lima Jabatan mencatatkan tahap **Cemerlang**, enam Jabatan mencatatkan tahap **Baik** dan dua Jabatan mencatatkan tahap **Memuaskan**. Bagi Kawalan Bajet pula, semua Jabatan telah mencatatkan tahap **Cemerlang** kecuali satu Jabatan mencatatkan tahap **Memuaskan**. Semakan terhadap Kawalan Perbelanjaan mendapati sebanyak sepuluh Jabatan mencatatkan tahap **Cemerlang**, dua Jabatan mencatatkan tahap **Baik** dan satu Jabatan mencatatkan tahap **Memuaskan**. Sementara itu, masing-masing sebanyak empat Jabatan mencatatkan tahap **Cemerlang** dan **Baik**, dua Jabatan pada tahap **Memuaskan**, dua Jabatan pada tahap **Kurang Memuaskan** serta satu Jabatan mencatatkan tahap **Tidak Memuaskan** bagi Pengurusan Perolehan. Seterusnya, sebanyak sembilan Jabatan mencatatkan tahap **Cemerlang**, tiga Jabatan mencatatkan tahap **Baik** dan satu Jabatan mencatatkan tahap **Kurang Memuaskan** dalam Kawalan Terimaan manakala bagi Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, hanya satu Jabatan mencatatkan tahap **Memuaskan** di mana sepuluh lagi Jabatan pada tahap **Cemerlang**. Bagi Pengurusan Aset dan Stor, sebanyak lima Jabatan mencatatkan tahap **Cemerlang**, satu Jabatan mencatatkan tahap **Baik**, dua Jabatan mencatatkan tahap **Memuaskan**, tiga Jabatan mencatatkan tahap **Kurang Memuaskan** dan dua Jabatan mencatatkan tahap **Tidak Memuaskan**. Sementara bagi Pengurusan Kenderaan Kerajaan, empat Jabatan mencatatkan tahap **Cemerlang**, lapan Jabatan mencatatkan tahap **Memuaskan** dan satu Jabatan mencatatkan tahap **Tidak Memuaskan**. Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor pula mencatatkan tahap **Cemerlang** masing-masing bagi Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut elemen bagi Jabatan adalah seperti carta berikut:

CARTA 7.2
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN MENGIKUT ELEMEN UTAMA BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Dua Jabatan Tidak Berkaitan Bagi Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit.

Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman Serta Pengurusan Penyata Kewangan Hanya Melibatkan Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

- b. Tahap pematuhan pengurusan kewangan Jabatan Negeri yang kurang dan tidak memuaskan adalah melibatkan kelemahan-kelemahan seperti berikut:

i. **Pengurusan Perolehan**

- Pembelian terus dibuat bagi item melebihi RM20,000 setahun.
- Daftar/Rekod Pembayaran Kontrak tidak diselenggara.
- Kontrak tidak dibuat atas nama Kerajaan dan syarat perjanjian kontrak tidak disemak dan diluluskan oleh Penasihat Undang-Undang.
- Bon Pelaksanaan tidak dikenakan dan tindakan tidak diambil terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat mengenai tempoh bekalan perjanjian kontrak.
- Proses penilaian, pertimbangan dan keputusan rundingan terus tidak teratur.

- Surat Setuju Terima tidak dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Perolehan secara pembelian terus tidak mendapat sekurang-kurangnya tiga tawaran harga daripada pembekal.

ii. Kawalan Terimaan

- Akaun Tunai Bulanan tidak diserahkan kepada Pejabat Perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Penyata Penyesuaian Hasil tidak disediakan.

iii. Pengurusan Aset dan Stor

- Mesyuarat JKPAK tidak diadakan setiap tiga bulan sekali dan agenda mesyuarat yang ditetapkan tidak dibincangkan.
- Unit Pengurusan Aset tidak mengemukakan Laporan Tahunan yang lengkap kepada Pegawai Pengawal/Pejabat Kewangan Negeri sebelum 15 Mac tahun berikutnya.
- Pegawai yang menerima aset tidak dilantik secara bertulis.
- Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah tidak daftarkan dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.
- KEW.PA-2, KEW.PA-3, KEW.PA-4, KEW.PA-5, KEW.PS-3 dan KEW.PS-4 tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- KEW.PS-1 tidak disediakan bagi penerimaan barang dari pembekal di Stor Utama.
- Pengiraan stok, pemeriksaan tahunan aset dan stok serta verifikasi stor tidak dilaksanakan.
- Harta Modal yang memerlukan penyenggaraan berjadual tidak disenaraikan (KEW.PA-13) dan penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkodkan di dalam KEW.PA-14.

iv. Pengurusan Kenderaan

- Pegawai Kenderaan tidak menurunkan tandatangan di ruangan ‘Pegawai Pelulus’ di Buku Log.
- Analisa Penggunaan Bahan Api tidak disediakan.


- Notis kesalahan lalu lintas tidak direkodkan di dalam Buku Log dan penyelesaian saman tertunggak tidak diberikan peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan.
- Kad Inden disimpan oleh pemandu.
- Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.
- *SmartTag* tidak direkodkan sebagai inventori Kerajaan.
- Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) tidak diselenggara oleh Pegawai Kenderaan dan Pemandu dengan lengkap dan tidak disimpan dengan selamat oleh Pegawai Kenderaan.
- KSBTTR dan *SmartTag* tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan.
- Penyata Penggunaan KSBTTR diterima daripada syarikat pembekal tidak disemak oleh Pegawai Kenderaan.
- Penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkodkan di dalam KEW.PA-14.

7.7.2.2. Agensi Negeri

- a. Hasil semakan terhadap Kawalan Pengurusan mendapati lapan Agensi Negeri mencatatkan tahap **Cemerlang** berbanding satu Agensi Negeri mencatatkan tahap **Baik** dan dua Agensi Negeri mencatatkan tahap **Kurang Memuaskan**. Bagi Kawalan Bajet, enam Agensi Negeri berada pada tahap **Cemerlang**, tiga Agensi Negeri pada tahap **Baik** dan masing-masing satu Agensi Negeri pada tahap **Memuaskan** dan **Tidak Memuaskan**. Sementara itu, sebanyak tujuh Agensi Negeri mencatatkan tahap **Cemerlang**, tiga Agensi Negeri mencatatkan tahap **Baik** dan satu Agensi Negeri mencatatkan tahap **Memuaskan** bagi Kawalan Perbelanjaan. Semakan terhadap Kawalan Terimaan pula mendapati lapan Agensi Negeri mencatatkan tahap **Cemerlang** dan tiga lagi Agensi Negeri mencatatkan tahap **Baik**. Seterusnya, enam Agensi Negeri mencatatkan tahap **Cemerlang**, masing-masing satu Agensi Negeri pada tahap **Baik** dan **Memuaskan** serta dua Agensi Negeri mencatatkan tahap **Kurang Memuaskan** bagi Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit. Bagi Pengurusan Aset dan Stor pula, sebanyak tiga Agensi Negeri mencatatkan tahap **Cemerlang**, dua Agensi Negeri mencatatkan tahap **Baik**, lima Agensi Negeri mencatatkan tahap **Memuaskan** dan satu Agensi Negeri mencatatkan tahap

Kurang Memuaskan. Selain itu, sebanyak lima Agensi Negeri mencatatkan tahap **Cemerlang** dan satu Agensi Negeri mencatatkan tahap **Memuaskan** bagi Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman. Sementara bagi Pengurusan Penyata Kewangan, lapan Agensi Negeri mencatatkan tahap **Cemerlang** dan masing-masing satu Agensi Negeri mencatatkan tahap **Memuaskan**, **Kurang Memuaskan** dan **Tidak Memuaskan**. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Agensi Negeri adalah seperti carta berikut:

CARTA 7.3
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN
AGENSI NEGERI MENGIKUT ELEMEN UTAMA BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Satu Agensi Tidak Berkaitan bagi Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit
 Lima Agensi Tidak Berkaitan bagi Pengurusan Pelaburan dan Pengurusan Pinjaman

- b. Tahap pematuhan pengurusan kewangan Agensi Negeri yang kurang dan tidak memuaskan adalah melibatkan kelemahan-kelemahan seperti berikut:

i. **Kawalan Pengurusan**

- pemeriksaan mengejut dijalankan oleh pegawai selain Ketua Agensi/Datuk Bandar/Yang DiPertua Majlis dan tidak meliputi kesemua peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci dan bekas-bekas untuk menyimpan barang berharga.

- pemeriksaan mengejut tidak dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam enam bulan dan tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap.
- Jawatankuasa Audit tidak ditubuhkan.
- Jawatankuasa Audit tidak bermesyuarat mengikut tempoh ditetapkan dan Laporan Jawatankuasa Audit tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah/Datuk Bandar/Yang DiPertua Majlis.
- Laporan Unit Audit Dalam tidak dilaporkan dalam mesyuarat JPKA dan Lembaga Pengarah/Ahli Majlis sekurang-kurangnya setiap tiga bulan.
- Manual Prosedur Kerja tidak disediakan.
- Latihan tidak dilaksanakan mengikut perancangan.

ii. Kawalan Bajet

- Cadangan bajet tidak disemak semula dan diluluskan oleh Ketua Agensi.
- Cadangan bajet tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk perakuan.
- Pindah peruntukan tidak diluluskan oleh Ketua Agensi atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis.

iii. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit

- Surat Arahan Amanah tidak disediakan bagi Akaun Amanah yang ditubuhkan.
- Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan (serta tidak diperlukan) tidak diwartakan.
- Deposit yang tidak dituntut tiga bulan selepas diwartakan tidak dihantar kepada Akauntan Negara Malaysia mengikut Akta Wang Tidak Dituntut.

iv. Pengurusan Aset dan Stor

- Senarai harta modal yang memerlukan penyenggaraan (KEW.PA-13) tidak dikenal pasti dan disenaraikan.

- Penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkod dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).
- Kerosakan aset tidak dilaporkan dengan menggunakan KEW.PA-9.
- Kawalan pergerakan aset tidak diwujudkan (KEW.PA-6).

v. Pengurusan Penyata Kewangan

- Penyata Kewangan Agensi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 lewat dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk tujuan pengauditan iaitu selepas 31 Mac 2016.
- Penyata Kewangan Agensi yang telah disahkan belum dikemukakan ke Pejabat Jurutulis bagi tujuan pembentangan di Dewan Undangan Negeri.


7.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

7.7.3.1. Dua Jabatan/Agensi Negeri yang wajib diaudit setiap tahun adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor menunjukkan peningkatan dengan mencatatkan prestasi tahap **Cemerlang** pada tahun 2016 berbanding tahap **Memuaskan** pada tahun 2015 dengan peningkatan prestasi pengurusan kewangannya sebanyak 15.6%. Majlis Agama Islam Negeri Johor masih mengekalkan tahap **Memuaskan** dengan mencatatkan peningkatan prestasi pengurusan kewangan sebanyak 3.9%.

7.7.3.2. Dalam tahun 2016, sebanyak 20 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit buat kali ketiga dan dua Jabatan/Agensi yang diaudit buat kali keenam (Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor dan Perbadanan Johor) di mana 14 daripadanya menunjukkan peningkatan antara 0.2% hingga 15.7% manakala lapan Jabatan/Agensi iaitu Pejabat Tanah Mersing, Jabatan Pertanian Negeri Johor, Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Jabatan Mufti Negeri Johor, Pejabat Tanah Kulai, Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor, Pejabat Tanah Johor Bahru dan Perbadanan Johor mencatatkan penurunan antara 1.4% hingga 14.2%. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh pertambahan kawalan baru iaitu Pengurusan Perolehan dan Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti mulai tahun 2015. Majlis Bandaraya Johor Bahru mencatatkan peningkatan prestasi tertinggi dengan mencatatkan tahap **Cemerlang** dalam tahun 2016 berbanding tahap **Baik** pada tahun 2012 diikuti oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Johor yang juga mencatatkan tahap **Cemerlang** berbanding tahap **Baik** pada tahun 2013. Ini kerana terdapat penambahbaikan dalam semua kawalan pengurusan

kewangan. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit pada setiap tahun dan bagi pusingan kali ketiga/keenam adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.4
KEDUDUKAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/
AGENSI NEGERI TAHUN 2016 BERBANDING PENG AUDITAN TAHUN SEBELUMNYA**



Sumber : Jabatan Audit Negara

7.8. PENGAUDITAN MENGEJUT

7.8.1 Pengauditan Mengejut merupakan satu pendekatan audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Audit. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agensi Kerajaan supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud

pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan termasuk lawatan dan tinjauan secara mengejut terhadap aktiviti dan operasi Jabatan/ Agensi.

7.8.2. Pada tahun 2016, Pengauditan Mengejut telah dijalankan terhadap 12 Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri. Hasil pengauditan mendapati kesemua Jabatan/Pejabat berkenaan masih tidak mematuhi semua peraturan dan prosedur utama berkaitan pengurusan kewangan. Ketua Jabatan/Pejabat Negeri yang berkaitan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Antara hasil penemuan Pengauditan Mengejut yang dijalankan pada tahun 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.4
PENEMUAN AUDIT HASIL PENGAUDITAN MENGEJUT BAGI TAHUN 2016

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PENEMUAN AUDIT
1.	Pusat Veterinar Kecil Daerah Labis	<ul style="list-style-type: none"> a. Kutipan Hasil <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut.
2.	Majlis Agama Islam Daerah Tangkak	<ul style="list-style-type: none"> a. Panjar Wang Runcit (PWR) <ul style="list-style-type: none"> i. Baki fizikal Wang PWR tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai. ii. Baucar bayaran Bantuan Segera berjumlah RM10,270 belum direkodkan dalam Buku Tunai PWR. iii. Daftar Pembayaran tidak disemak oleh Ketua Pejabat/wakilnya. iv. Rekupmen masih belum diterima selepas dua bulan. v. Baki agihan wang tidak dibankkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh cek/ EFT. b. Setem Pos/Mesin Franking <ul style="list-style-type: none"> i. Semua terimaan dan pengeluaran setem pos/mesin franking telah direkodkan tetapi tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. c. Peti Besi/Bilik Kebal <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang bertanggungjawab menyimpan anak kunci peti besi/bilik kebal. ii. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan. d. Daftar Pemeriksaan Mengejut <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sejak tahun 2012. ii. Buku Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak disediakan.
3.	Pejabat Tanah Daerah Kecil Rengit	<ul style="list-style-type: none"> a. Kutipan Hasil <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. ii. Kutipan yang tidak sempat dibankkan hanya disimpan dalam almarai berkunci. iii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. iv. Baki stok hasil KEW. 67 tidak dikemas kini. v. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi/bilik kebal. b. Peti Besi/Bilik Kebal <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang bertanggungjawab menyimpan anak kunci peti besi/bilik kebal. c. Daftar Pemeriksaan Mengejut <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sejak 6 Oktober 2015.

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PENEMUAN AUDIT
4.	Pejabat Kadi Daerah Kluang	<p>a. Kutipan Hasil</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut. ii. Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. iii. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. <p>b. Setem Pos/Mesin <i>Franking</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Setem Mesin <i>Franking</i> tidak dikemas kini. ii. Pegawai yang sama terlibat dengan mesin <i>franking</i> yang membuat penaksiran dan mengutip. iii. Alat memeteri mesin <i>franking</i> tidak dipegang oleh pegawai penyelia. iv. Mesin <i>franking</i> tidak direset di bawah penyeliaan pegawai yang bertanggungjawab. v. Catatan tidak dibuat oleh pegawai penyelia sebaik sahaja mesin <i>franking</i> direset semula, bagi bacaan mesin <i>franking</i> semasa, jumlah kutipan bagi hari tersebut dan <i>frank-frank</i> yang dibatalkan. vi. Wang yang dikutip tidak disesuaikan dengan jumlah di mesin <i>franking</i> oleh pegawai penyelia. vii. Buku daftar utama (PDS BD 1, 2 dan 3) tidak disediakan untuk disemak/ditandatangani ringkas setiap hari dengan buku tunai oleh pegawai penyelia. <p>c. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang bertanggung jawab ke atas peti besi/bilik kebal. <p>d. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sejak 26 Oktober 2014. <p>e. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Surat penurunan kuasa tidak menyatakan had kelulusan berbelanja yang dibenarkan. ii. Baukar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. iii. Baukar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cop “TELAH BAYAR”. iv. Tiada surat kuasa bagi pegawai yang menyedia dan meluluskan Pesanan Kerajaan. v. Semua bil yang diterima tidak dicap “TARIKH TERIMA”. vi. Buku Vot/Buku Vot Elektronik tidak disemak oleh penyelia.
5.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kluang	<p>a. Panjar Wang Runcit (PWR)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Baki fizikal Panjar Wang Runcit (PWR) tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR. <p>b. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang bertanggung jawab ke atas peti besi/bilik kebal. ii. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan.
6.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Tangkak	<p>a. Kutipan Hasil</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut. <p>b. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi dicantumkan ke rangka bangunan tetapi hanya satu anak kunci digunakan. ii. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang bertanggungjawab menyimpan anak kunci peti besi, hanya dinyatakan di dalam Senarai Tugas.
7.	Pejabat Kadi Daerah Tangkak	<p>a. Kutipan Hasil</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Jumlah kutipan daripada 7 hingga 10 Ogos 2016 berjumlah RM892 dibankkan pada 11 Ogos 2016. <p>b. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PENEMUAN AUDIT
		<p>pegawai yang bertanggung jawab ke atas peti besi/ bilik kebal.</p> <p>c. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat penurunan kuasa disediakan bagi pegawai yang menyedia, menyemak dan meluluskan bayaran. ii. Bauar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. iii. Bauar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cop "TELAH BAYAR". iv. Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan bagi setiap pembelian. v. Tiada surat penurunan kuasa bagi pegawai yang meluluskan Pesanan Kerajaan. vi. Semua bil yang diterima dibayar melebihi tempoh 14 hari. vii. Terdapat bil yang diterima tidak dicap "TARIKH TERIMA" bagi tujuan pemantauan bayaran.
8.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Segamat	<p>a. Kutipan Hasil</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. <p>b. Panjar Wang Runcit (PWR)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Rekupmen sebanyak RM183.50 belum diterima. <p>c. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan. <p>d. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan bahawa Ketua Jabatan telah melakukan pemeriksaan mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam bulan. <p>e. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bauar bayaran dan dokumen sokongan tidak dicap "TELAH BAYAR".
9.	Pejabat Tanah Daerah Pengerang	<p>a. Kutipan Hasil</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Jumlah kutipan tidak dibankkan segera. ii. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. iii. Surat kuasa secara bertulis diberi kepada seorang pegawai sahaja iaitu Ketua Unit Bahagian Hasil. <p>b. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut dalam tempoh enam bulan bagi tahun 2016.
10.	Pejabat Tanah dan Galian Cawangan UTC Johor Bahru	<p>a. Kutipan Hasil</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut. ii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. iii. Logo kad Kredit tidak dipaparkan. <p>b. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada salinan surat kuasa bagi pegawai yang bertanggungjawab memegang anak kunci peti besi/bilik kebal dan kod kombinasi.
11.	Majlis Agama Islam Daerah Mersing	<p>a. Panjar Wang Runcit (PWR)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Rekupmen masih belum diterima selepas dua bulan. ii. Baki agihan wang tidak dibankkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh cek/EFT. <p>b. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut dalam tempoh enam bulan bagi tahun 2016.

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PENEMUAN AUDIT
12.	Pejabat Hutan Daerah Mersing	<p>a. Kutipan Hasil</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Kutipan lewat dibankkan antara satu hingga 26 hari. iii. Semakan tidak dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. iv. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam Peti Besi. v. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan dengan kemas kini [AP67] menyebabkan baki stok hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar. vi. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besar atau bilik kebal. vii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan. <p>b. Setem Pos/Mesin Franking</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Stok setem fizikal adalah tidak bersamaan dengan Daftar Setem. ii. Semua terima dan pengeluaran telah direkod tetapi tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. <p>c. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut dalam tempoh enam bulan bagi tahun 2016. <p>d. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bauar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cop “TELAH BAYAR”. ii. Semua bil yang diterima tidak dicap “TARIKH TERIMA” bagi tujuan pemantauan bayaran. iii. Daftar Bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. iv. Buku Vot/Buku Vot Elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.9. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2016 sebahagian besarnya telah menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan pengurusan kewangan masing-masing, adalah disyorkan Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

7.9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang;

7.9.2. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sewajarnya mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang lain untuk memastikan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa PTJ sahaja;

7.9.3. latihan yang berterusan diberikan kepada para pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan; dan

7.9.4. tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil dan membuat bayaran yang tidak teratur.

Penutup

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

19 Mei 2017



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.
■ Tel : +603 8889 9000
■ Faks : +603 8888 9721